

"KERAJAAN beta akan terus memberikan keutamaan dalam perkara kesihatan ini. Konsep kita adalah mendahulukan pencegahan terhadap sebarang penyakit daripada merawatnya. Kita tidak menunggu penyakit menyerang kemudian merawat, tetapi sedaya mungkin mengenal pasti punca-punca penyakit sebagai langkah pencegahan." - Titah di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran NBD sempena Hari Keputeraan baginda Ke-57 pada 15 Julai 2003.

"DAN segeralah kamu kepada mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 133.

Berkenan menerima Kunjungan Perpisahan

Oleh : Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar menerima mengadap Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Ke-XII Tuanku Syed Sirajuddin dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah berlangsung di Istana Nurul Iman.

Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang berada di negara ini bagi Kunjungan Perpisahan diiringi oleh Yang Amat Mulia Dato' Seri Sharifah Fazira binti Tuanku Syed Sirajuddin, Yang Amat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar menerima mengadap Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah. - Foto : Ramli Tengah. (Lagi berita dan gambar-gambar muka 4, 8 dan 9).

Berbahagia Datuk Paduka Haji Mohamad Yaacob bin Dato Seri Azizul Hassan dan cucunda baginda, Yang Amat Mulia Puteri Nurlinshazwani binti Haji Mohamad Yaacob.

Berangkat sama pada Majlis Mengadap itu ialah Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia

Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga berangkat ialah

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Lihat muka 8 & 9

SISTEM PENDIDIKAN NEGARA ABAD KE-21 AKAN DIPERKENALKAN

JERUDONG, Selasa, 28 November. - Kementerian Pendidikan akan memperkenalkan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 bagi memastikan bahawa Sistem Pendidikan Negara mempunyai kemampuan untuk memberi pembanguan bangsa dan negara dalam semua kea-

daan yang dibawa bersama oleh proses globalisasi.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan di Majlis Sesi Dialog Kedua.

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

Yang Berhormat bersama pemimpin-pemimpin sekolah-sekolah menengah dan sekolah-sekolah rendah kerajaan seluruh negara, berbilang, Jerudong Polo and Country Club.

Sistem Pendidikan

Negara yang baru ini menurut Yang Berhormat akan mengutarakan perubahan-perubahan dalam sistem penilaian; mewujudkan pelbagai 'pathways', memantapkan penguasaan bahasa Inggeris; meningkatkan prestasi pelajar dalam Matematik dan Sains serta meningkatkan prestasi pelajar dalam Bahasa Melayu.

"Penyaluran di bawah Sistem Pendidikan Negara yang baru memberi peluang bagi penuntut-penuntut memajukan diri mengikut kemampuan mereka yang berbeza, mengikut minat, kecenderungan, kemampuan dan kebolehan penuntut. Ia juga mempunyai fleksibiliti untuk membolehkan penuntut beralih di antara laluan yang sudah dikenal pasti," jelas Yang Berhormat.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat juga menekankan akan pentingnya bagi kemenenterannya untuk memperingkatkan pencapaian penuntut bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik, kerana jumlah penuntut yang berjaya dalam bidang ini masih lagi kecil dan negara ini memerlukan banyak

lagi penuntut menceburi-nya serta memperoleh kecemerlangan dalam mata-mata pelajaran tersebut.

Sehubungan dengan itu Menteri Pendidikan berkata, kemenenterannya akan mendapatkan khidmat nasihat Pakar-pakar Majlis bagi Kajian Pendidikan Australia (ACER) untuk membuat para ke atas pencapaian paja pelajar negara ini dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains dari peringkat awal persekolahan ke peringkat menengah.

"Apa yang diharapkan, kajian ini akan memperlihatkan kepada kita kedudukan tahap pencapaian akademik penuntut-penuntut di negara ini dalam mata pelajaran berkenaan berbanding negara-negara lain di rantau ini dan juga di arena antarabangsa," kata Yang Berhormat.

Lihat muka 16

Berkenan hantar perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan takziah kepada Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo, Presiden Republik Filipina, berikutan dengan ramai jiwa yang terkorban dan kemusnahan akibat Taufan Durian pada 1 Disember 2006.

Dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta dengan kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam telah menyatakan perasaaan dukacita dan takziah kepada kerajaan dan rakyat Republik Filipina terutamanya kepada keluarga mangsa-mangsa yang telah terkorban akibat malapetaka alam tersebut.

ANTARA YANG MENARIK

Hasrat Negara :
Tanai tanggungjawab harumkan nama negara

- Muka 2

Yang Di-Pertuan Agong diraikan di Majlis Santap Malam

- Muka 4

DPMM rasmikan Kompleks Sekolah PGMB

- Muka 5

Kunjungan Perpisahan Yang Di-Pertuan Agong Ke-XII Malaysia

- Muka 8 dan 9

Haluan :

Perancangan guna tanah penting dilaksanakan dengan sempurna

- Muka 10

Laporan sekitar Sukan Asia Ke-15 di Doha, Qatar

- Muka 14 dan 15

Seruan Suci:

Didikan ajaran Islam yang mantap: Kawal dari perbuatan mungkar

- Muka 4 ANEKA

TAHUKAH AWDA

SEBELUM tahun 1965 jemaah-jemaah haji Brunei pergi ke Tanah Suci dengan menggunakan kapal laut melalui Singapura dengan menaiki kapal haji yang bernama di antaranya Kapal Angking dan Anshon, tetapi setelah tahun 1965 jemaah-jemaah haji Brunei telah mula menaiki kapal terbang, di samping ada juga yang masih mengikuti kapal laut, tetapi mulai tahun 1975 pelayaran melalui kapal laut telah ditiadakan dan semua bakal-bakal haji diangkut dengan kapal terbang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Sejak tahun tersebut sehingga 2005, jumlah jemaah haji ialah hampir 57,000 orang. Dari jumlah tersebut 54,537 orang jemaah yang menaikan fardu haji yang menggunakan kapal terbang dan 2,416 orang menggunakan kapal laut. - Sumber dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

HASRAT NEGARA

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur serta amanah hingga ke akhir zaman.

Hari ini adalah merupakan satu lagi detik bersejarah dan bermakna kepada Negara Brunei Darussalam kerana sekali lagi kita dapat menyertai Sukan Asia Ke-15 yang akan diadakan di Doha, Qatar bermula pada 1 Disember hingga 15 Disember 2006. Berbanding dengan penyertaan negara di tahun-tahun yang lepas, pada kali ini Negara Brunei Darussalam cuma akan mengambil bahagian dalam dua jenis acara iaitu Karatedo dan Tenpin Bowling dengan keramaian jumlah kontinjen 15 orang.

Sejarah penyertaan dan pencapaian atlet negara dalam Sukan Asia yang diadakan empat tahun sekali ini belumlah dapat dibanggakan, kerana penyertaan negara dalam acara sukan yang terbesar di rantau Asia ini cuma dapat meraih beberapa pingat gangsa sahaja. Oleh yang demikian saya berharap penyertaan kita kali ini akan dapat memperbaiki pencapaian kita yang terdahulu. Penyerahan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada kontinjen yang akan menyertai Sukan Asia Ke-15 Doha, Qatar, pada hari ini adalah merupakan satu mandat negara dan rakyat Negara Brunei Darussalam kepada setiap pegawai dan atlet yang terlebih untuk menandai dan melaksanakan tanggungjawab yang sangat berat bagi mengharumkan nama negara dalam arena sukan. Kita berharap semua atlet yang terpilih mestilah mempunyai azam dan semangat kesukanan yang tinggi untuk mencapai kemenangan.

Dalam kesempatan ini, selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam saya sukacita ingin menyampaikan kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta penghargaan kepada kerajaan baginda yang telah memperkenankan penyertaan kon-



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sulhi Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-15 2006 di Doha, Qatar di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada hari Sabtu, 19 Syawal 1427/11 November 2006.

tinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-15, Doha, Qatar, ini dengan segala bantuan latihan, kewangan dan lain-lain kemudahan.

Jika kita amat-amati pencapaian atlet negara dalam acara sukan di peringkat antarabangsa yang pernah disertai, ternyata kita masih lagi belum setanding dengan pencapaian negara-negara lain. Oleh itu punca kelemahan atlet negara perlulah dikaji secara 'serious' serta menyeluruh dan kaedah bagi meningkatkan keupayaan atlet kita perlulah dibuat

TANAI TANGGUNGJAWAB HARUMKAN NAMA NEGARA

yang terpilih sebagai perseediaan bagi menghadapi sukan antarabangsa yang akan datang. Saya berpendapat usaha baik seperti ini perlulah mendapat sokongan daripada semua pihak dan perlaksanaannya mestilah dibuat oleh pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan dengan penuh keyakinan dan bersungguh-sungguh. Janganlah hendaknya perlaksanaannya dibuat seperti melepas batu di tangga sahaja atau memikirkan untuk mendapat nama bagi kepentingan diri sendiri. Selain itu, saya juga ingin mengingatkan supaya pemilihan atlet yang akan di-serapkan bagi mengikuti 'Projek Gold' ini mestilah dibuat dengan mengadakan perbincangan dengan persatuan sukan atlet yang berkenaan terlebih dahulu, kerana menyentuh mengenai atlet ini persatuan sukan tidak dapat diketepikan kerana apa pun bentuk projek yang dikendalikan tidak akan mendatangkan kejayaan tanpa adanya

kerjasama daripada persatuan sukan berkenaan.

Selain itu saya juga ingin menegaskan di sini semua atlet yang akan mewakili negara ke sukan antarabangsa secara berkontinjen mestilah dipilih melalui pemilihan terbuka dan mendapat sokongan daripada Jawatankuasa Kebangsaan Pemilihan dan Penilaian Atlet. Proses pemilihan-pemilihan ini tidak dikecualikan kepada atlet yang menyertai 'Projek Gold'.

Akhirnya sukacita saya mengingatkan supaya semua pegawai dan atlet yang menyertai Sukan Asia Ke-15 Doha, Qatar ini akan dapat bekerjasama dalam menjaga hubungan baik dengan pihak Jawatankuasa Penganjur dan juga pihak-pihak lain demi untuk menjaga nama baik Negara Brunei Darussalam di persada antarabangsa.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SELAIN itu saya juga ingin menegaskan di sini semua atlet yang akan mewakili negara ke sukan antarabangsa secara berkontinjen mestilah dipilih melalui pemilihan terbuka dan mendapat sokongan daripada Jawatankuasa Kebangsaan Pemilihan dan Penilaian Atlet. Proses pemilihan-pemilihan ini tidak dikecualikan kepada atlet yang menyertai 'Projek Gold'.

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah terima kunjungan muhibah

Oleh : Maslina Awang Kurus, Zahrani Haji Bojeng

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 November. - Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar menerima kunjungan muhibah dari delegasi Republik Rakyat China yang diketuai oleh Yang Arif Hakim Jiang Xingchang, Naib Presiden Mahkamah Tinggi Republik Rakyat China berlangung di Bilik VIP,

Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah di sini.

Selepas perjumpaan, rombongan juga dibawa melawat ke beberapa bahagian di mahkamah tersebut.

Delegasi China yang membuat lawatan empat hari ke negara ini juga berpeluang melawat ke beberapa tempat menarik seperti Muzium Brunei, Muzium Teknologi Melayu dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.



HAKIM Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar menerima kunjungan delegasi Republik Rakyat China yang diketuai oleh Yang Arif Hakim Jiang Xingchang, Naib Presiden Mahkamah Tinggi Republik Rakyat China. - Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.



6 DISEMBER BERSAMAAN 1427 ذوالقعدة 15

MENANAI ASPIRASI NEGARA

PERANAN sekolah-sekolah swasta dalam industri pendidikan negara semakin meningkat dan menyelerah. Penglibatan sekolah swasta juga berjaya meningkatkan kualiti pendidikan rakyat dan penduduk negara ini. Sumbangan mereka terhadap sistem pendidikan amatlah besar dan disanjung tinggi.

Penubuhan sekolah-sekolah swasta telah dapat membantu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mempertingkatkan mutu pendidikan. Perkara ini tidak dapat siapa menyangkal. Bukti yang paling nyata, banyak lepasan sekolah swasta mencapai kejayaan yang cemerlang dan gemilang dalam pendidikan. Kini mereka memegang jawatan-jawatan tinggi baik dalam kerajaan mahupun swasta.

Inilah sebenarnya matlamat negara dan rakyat untuk melahirkan golongan cerdik pandai, para cendekiawan dan golongan profesional yang akan menjadi 'pelapis' dan 'penerus' kesinambungan pembangunan negara di masa mendatang.

Berdasarkan pencapaian menggalakkan telah mendorong para ibu bapa menghantar anak-anak mereka belajar di 'bumbung' sekolah swasta. Trend ini kini semakin meningkat bilangannya. Ini terbukti di mana sehingga tahun 2006, nisbah keramaian pelajar dari seluruh negara, 29 peratus adalah mereka yang mengikuti pengajian di sekolah-sekolah pendidikan swasta. Perangkaan tahun 2005 juga menunjukkan terdapat 177 buah sekolah pendidikan swasta telah mendaftar dengan Kementerian Pendidikan.

Realitinya, sekolah swasta tumbuh 'bagi cendawan di musim hujan' di seluruh pelusuk tanah air. Adalah difahamkan ramai lagi yang membuka sekolah seumpama itu. Trend ini sesuatu yang membanggakan dan harapan tinggi kita semogalah perkembangan ini akan berterusan dalam usaha murni kita mendidik dan melahirkan tenaga profesional tempatan yang berkualiti dan berwibawa bagi menghadapi cabaran era globalisasi.

Kerajaan juga tidak membezakan, peluang bagi melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi juga terbuka luas kepada pelajar-pelajar yang menuntut di sekolah pendidikan swasta.

Kerana kita sedia maklum tanpa pelaburan pendidikan diutamakan, negara akan mundur dan tercicir dalam mengejar kemajuan. Bukti nyata ada di mana-mana di dunia. Alhamdulillah, kerajaan sentiasa peka sejak dulu lagi dengan memberikan prioriti dalam setiap Rancangan Kemajuan Negara dengan memperuntukkan kewangan besar bagi membiayai pembinaan prasarana dan kemudahan sekolah serta penghantaran penuntut ke seberang laut. Berkat pendidikan, telah merubah landskap kehidupan yang tinggi dan seterusnya menikmati kemajuan hingga masa kini.

Ini dititikkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Raya anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pada 14 November lalu. Baginda bertitah, "Dengan berkat pelajaran itu, bangsa kita pun dapat menikmati kemajuan sebagaimana kita nikmati sekarang."

Namun apa yang lebih diharapkan, agar sekolah swasta bukan sahaja mengejar 'commercial value' semata-mata, tetapi yang lebih utama memberikan pendidikan yang benar-benar dapat menjana kemajuan minda dan mengekalkan jati diri bangsa melalui falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Perkara ini penting diingat, kerana pencapaian akademik yang tinggi saja belum menjamin masa depan negara jika tidak disertai dengan semangat jati diri yang kukuh dan benar-benar kebruneian. Ciri-ciri utama ialah taat kepada raja, setia kepada negara, rela berkorban dan sanggup mempertahankan maruah serta kedaulatan bangsa dan tanah air.

Inilah ramuan-ramuan yang dituntut dalam sistem pendidikan negara. Jika ini dapat dicapai, insya-Allah kita akan terus dapat menandai aspirasi dan cita-cita negara serta dalam waktu yang sama mampu bersaing di peringkat 'regional' dan 'global'.

Perkara ini turut di'highlight' sendiri oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa bersabda merasmikan Kompleks Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Kampong Sungai Akar baru-baru ini.

Duli Yang Teramat Mulia menekankan, "Kerajaan juga berharap penglibatan sektor swasta ini akan menawarkan 'competitive edge' bagi meningkatkan potensi industri pendidikan serta komersial negara. Sektor swasta yang terlibat dalam bidang pendidikan juga diharap akan dapat menandai aspirasi negara bagi membentuk warga yang berilmu dan berkualiti melalui sistem pendidikan berkualiti."

Jadi apa yang juga kita harapkan supaya sekolah-sekolah kerajaan akan mampu bersaing seiring dengan pencapaian akademik sekolah swasta dalam sama-sama membina dan membangun 'nation building'. Sekolah kerajaan sepatutnya merasa 'cemburu' dan iri hati kepada pencapaian cemerlang sekolah swasta, dengan berusaha gigih dan penuh dedikasi dalam mendidik anak bangsa sendiri. Dengan itu nanti, hasrat kita untuk menandai aspirasi negara akan tercapai. Aspirasi negara hanya akan terlaksana jika semua kita komited dan bekerjasama ke arah satu tujuan yang murni.

Santap malam bagi EPG ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah telah mengadakan jamuan santap malam bagi Tokoh-tokoh Terkemuka ASEAN (EPG) mengenai Piagam ASEAN yang menghadiri

Mesyuarat Ke-7 EPG berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Berangkat sama ke jamuan santap malam tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah telah berkenan mengadakan jamuan santap malam bagi Tokoh-tokoh Terkemuka ASEAN (EPG) mengenai Piagam ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Ke-7 EPG berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Kebawah DYMM berkenan utus tahniah kepada tiga negara sahabat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Disember. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sheikh Khalifa bin Zayed Al-Nahayan, Presiden Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Abu Dhabi dan Duli Yang Maha Mulia Sheikh Mohammad bin Rashid Al Maktoum, Timbalan Presiden dan Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Dubai bersempena dengan ulang tahun Hari Kebangsaan Emiriah Arab Bersatu.

Dalam perutusan itu, baginda sangat menghargai hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Emiriah Arab Bersatu. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda mendoakan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Duli Yang Maha Mulia sentiasa dalam perlindungan Allah, sihat sejahtera dan semoga rakyat Emiriah Arab Bersatu akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu dalam perutusan kepada DTYM Sheikh Mohammad bin Rashid Al Maktoum, Timbalan Presiden dan Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Dubai baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada DTYM dan kerajaan serta rakyat Emiriah Arab Bersatu sempena dengan Hari Kebangsaan Emiriah Arab Bersatu.

Baginda merakamkan perasaan berpuas hati di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Emiriah Arab Bersatu.

Seterusnya pada hari Selasa, 5 Disember baginda telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand dan Tuan Yang Terutama Jeneral Surayud Chulanont, Perdana Menteri Thailand bersempena dengan ulang tahun Hari Keputeraan baginda yang ke-79.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat di antara Negara Brunei Darussalam dengan Thailand di peringkat dua

Tuan Yang Terutama Choummaly Sayasone, Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao dan Tuan Yang Terutama Bouasone Boupavanh, Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Demokratik Rakyat Lao.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Rakyat Lao di peringkat ASEAN, Serantau dan antarabangsa. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda, berharap semoga TYT Choummaly Sayasone sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Laos akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada TYT Bouasone Boupavanh, Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat Laos sempena dengan ulang tahun Hari Kebangsaan Republik Demokratik Rakyat Lao.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Demokratik Rakyat Lao. Baginda percaya keadaan sedemikian akan dipertingkatkan lagi dimasa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga TYT Bouasone Boupavanh, Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Seterusnya pada hari Selasa, 5 Disember baginda telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand dan Tuan Yang Terutama Jeneral Surayud Chulanont, Perdana Menteri Thailand bersempena dengan ulang tahun Hari Keputeraan baginda yang ke-79.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat di antara Negara Brunei Darussalam dengan Thailand di peringkat dua

ASEAN, serantau dan antarabangsa. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Kebawah DTYM, sentiasa sihat sejahtera dan rakyat Thailand akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu, kepada Tuan Yang Terutama Jeneral Surayud Chulanont, Perdana Menteri Thailand, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat Thailand sempena dengan ulang tahun Hari Keputeraan baginda Raja Bhumibol Adulyadej.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand. Baginda percaya keadaan sedemikian akan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga TYT Jeneral Surayud Chulanont, Perdana Menteri Thailand akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Negara Mengenai Hal Ehwal Luar Negeri Emiriah Arab Bersatu, Tuan Yang Terutama Sheikh Abdullah bin Zayed Al Nahyan sempena Hari Kebangsaan Emiriah Arab Bersatu.

PA pemudah cara, pemikir dan membawa pemodenan

BERAKAS, Rabu, 15 November. - Perkhidmatan Awam (PA) di kebanyakan negara membangun atau maju telah meluaskan peranannya melebihi tanggungjawab-tanggungjawab tradisional melibatkan peranan selaku pemudah cara, pemikir dan pembawa pemodenan (modernizer).

Beberapa dekad yang lepas telah menyaksikan evolusi peranan yang dimainkan oleh PA di seluruh dunia di mana sebagai peneraju perubahan telah berusaha meningkatkan amalan-amalan pengurusan yang baik, terutama dalam menyediakan hala tuju dan penggerak pembangunan sosioekonomi di negara-negara berkenaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Eusoff Agaki bin Haji Ismail menyatakan perkara itu ketika menyampaikan ucapan dalam Seminar Eastern Regional Organization For Public Administration (EROPA 2006) berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurut Dato Seri Paduka, bagaimanapun di sebalik proses perubahan evolusi itu banyak negara yang masih menghadapi persepsi negatif terhadap PA di kalangan penduduknya.

Dato Seri Paduka menambah, PA umumnya dilihat mempunyai kerehian birokrasi, beroperasi pada kos yang tinggi, memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak efisien dan efektif dan terlalu lambat bertindak balas terhadap keperluan-keperluan masyarakat.



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Eusoff Agaki bin Haji Ismail menyampaikan perkara itu ketika menyampaikan ucapan dalam Seminar Eastern Regional Organization For Public Administration (EROPA 2006) berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Realitinya jelas Dato Seri Paduka, birokrasi birokrasi sektor awam akan sentiasa menghadapi cabaran-cabaran berat dalam menangani perubahan-perubahan pesat secara efektif dalam persekitaran operasi mereka.

Dalam ucapannya Dato Seri Paduka menjelaskan, seperti juga negara-negara moden yang lain, peranan PA Negara Brunei Darussalam bertindak sebagai jentera pentadbiran kerajaan yang memainkan peranan tradisional menjaga keamanan, penguat kuasa undang-undang, pengawal selia dan penyedia PA.

"Perkhidmatan Awam juga bertanggungjawab membantu kerajaan dalam merumuskan pelaksanaan dan pemberiagasan dasar-dasar kerajaan," jelas beliau.

Pada seminar itu Dato Seri Paduka juga berkata, di sebalik pelbagai cabaran yang dihadapi oleh PA, ba-

nyak negara pada dua dekad yang lepas tidak henti-henti memulakan pelbagai inisiatif untuk memodenkan perkhidmatan-perkhidmatan awam mereka.

Jelas Dato Seri Paduka, kita telah melihat kemunculan penggunaan inisiatif-inisiatif popular seperti program reformasi PA, pengurusan awam baru, penyusunan kerajaan (reinventing government), mengutamakan perkhidmatan dan banyak lagi yang sedang dilaksanakan dalam usaha untuk memastikan PA relevan dan responsif kepada keperluan rakyat.

Dato Seri Paduka percaya, banyak perkara yang dapat dipelajari dari kejayaan dan kegagalan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan di seluruh rantau dan di dunia.

Untuk memulakannya jelas beliau, kita hendaklah melihat sebab-sebab di sebalik usaha mereformasikan

dan menambahbaikkan PA dan perlu diingat setentunya ia berlainan antara sebuah negara dan negara yang lain tertakluk kepada keperluan rakyat pada ketika itu.

Menyentuh pencapaian negara ini, Dato Seri Paduka menerangkan, menurut laporan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2005, Negara Brunei Darussalam telah meningkat kepada kedudukan 37 dari 177 negara dari segi indeks Pembangunan Manusia UNDP.

"Brunei telah mencapai hampir semua sasaran matlamat-matlamat Pembangunan Milenium (MDGS). Kami telah menghapuskan masalah kemiskinan dan meningkatkan ekuiti secara progresif," ujar Dato Seri Paduka.

Beliau menambah, Negara Brunei Darussalam juga telah berjaya menyediakan peluang-peluang pendidikan untuk kanak-kanak lelaki dan perempuan di semua peringkat selain menghindarkan penyakit-penyakit berjangkit dan mengurangkan kadar mortaliti kanak-kanak ke tahap paling rendah setara negara maju.

Selain dari itu menurutnya, Negara Brunei Darussalam juga telah berjaya mengurus persekitaran fizikal dan sumber alam sejajar dengan kehendak pembangunan yang berterusan.

Pencapaian-pencapaian itu, tegas Dato Seri Paduka menunjukkan bahawa hasil dari minyak dan gas telah digunakan secara bijak ke arah meningkatkan taraf kehidupan dan kebajikan rakyat serta penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, Negara Brunei Darussalam menyifatkan penggunaan ICT di sektor awam dan swasta adalah sangat penting sebagai asas pertumbuhan.

Ke arah itu peningkatan tahap celik ICT dan penyediaan tenaga kerja yang berkualiti dalam bidang ICT merupakan sebahagian dari langkah dalam proses pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Perkembangan berterusan dalam bidang ICT yang merupakan salah satu keutamaan kerajaan digambarkan dalam peruntukan sejumlah Satu bilion ringgit di bawah program e-Kerajaan.

Perlantikan Pemangku Pengerusi dan CEO RBTS



DATO Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan dilantik sebagai Pemangku Sementara RBTS.



DATIN Paduka Hajah Intan binti Haji Mohd. Kassim, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Kementerian Pertahanan dilantik sebagai Pemangku Sementara Ketua Pegawai Eksekutif RBTS.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 November 2006. - Pada junjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini memaklumkan bahawa baginda telah memperkenankan perantaraan jawatan kepada Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan sebagai Pemangku Sementara Pengerusi Lembaga Pengarah Royal Brunei Technical Service Sdn. Bhd., (RBTS) bagi menggantikan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri dan Datin Paduka Hajah Intan binti Haji Mohd. Kassim, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Kementerian Pertahanan sebagai Pemangku Sementara Ketua Pegawai Eksekutif (Chief Executive Officer - CEO) RBTS, bagi menggantikan Awang Haji Kamaruddin bin Dato Paduka Haji Abdul Wahab.

Perlantikan kedua-dua jawatan berkenaan mula berkuat kuasa pada hari Selasa, 7 Zulkaedah 1427 bersamaan 28 November 2006.

YANG DI-PERTUAN AGONG DIRAIKAN DI MAJLIS SANTAP MALAM



Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,
Haji Sahrin Haji Asmat

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar ketika berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam bagi meraikan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah yang dalam rangka keberangkatan diraja Kunjungan Perpisahan ke negara ini (kini).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia bersalaman sejurus keberangkatan tiba (bawah).

JERUDONG, Rabu, 29 November.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam bagi meraikan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah yang dalam rangka keberangkatan diraja Kunjungan Perpisahan ke negara ini.

Majlis Santap Malam itu berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini.

Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong di Indera Kayangan Ballroom Empire Hotel and Country Club dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Rombongan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia termasuk Yang Amat Mulia Dato' Seri Sharifah Fazira binti Tuanku Syed Sirajuddin dan Yang Amat Berbahagia Datuk Paduka Haji Mohamad Yaacob bin Dato Seri Azizul Hassan.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Juga berangkat di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Di sebalik hubungan yang sekian lama antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, hubungan diplomatik rasmi ditubuhkan pada tahun 1984. Kedua-dua negara juga menubuhkan Suruhanjaya Bersama pada tahun 1994 dengan mesyuarat konsultasi peringkat pemimpin kedua-dua negara.

Kerjasama dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia termasuk dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pertahanan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin ketika turun menuju ke Indera Kayangan Ballroom, Empire Hotel and Country Club Jerudong (kiri).

BERANGKAT sama ke majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (atas).

Keberangkatan tiba Yang Di-Pertuan Agong

BERAKAS, Rabu, 29 November. - Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-XII Tuanku Syed Sirajuddin dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah berangkat tiba di Negara Brunei Darussalam dalam rangka Kunjungan Perpisahan diraja selama dua hari ke negara ini.

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menjunjung keberangkatan diraja di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang menggunakan pesawat khas Malaysia.

Turut menjunjung keberangkatan diraja, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Menyertai rombongan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong termasuk Yang Amat Mulia Dato' Seri Sharifah Fazira binti Tuanku Syed Sirajuddin, Yang Amat Berbahagia Datuk Paduka Haji Mohamad Yaacob bin Dato Seri Azizul Hassan dan Yang Amat Mulia Puteri Nurlinshazwani binti Haji Mohamad Yaacob.

Antara yang hadir mengalu-alukan keberangkatan diraja ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan Datin selaku Menteri Pengiring kepada Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ali Abdullah dan Datin.




DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan YAM Dato' Seri Sharifah Fazira binti Tuanku Syed Sirajuddin.



KEBERANGKATAN tiba Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

DPMM rasmikan Kompleks Sekolah PGGMB



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Yang Dipertua Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) selaku Penasihat majlis, Awang Haji Antin.



BERANGKAT TIBA ...
Para pegawai dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perasmian Kompleks Sekolah PGGMB meng-alu-alukan dan menjunjung ziarah sejaras keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (atas).

BERGAMBAR RAMAI ...
Sebagai tanda ingatan DYTM bersama pegawai dan ahli jawatankuasa mengabadikan sesi bergambar ramai sejaras sebelum keberangkatan balik (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia semasa menyaksikan kerja-kerja praktikal yang dilakukan oleh seorang pelajar.

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn
Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn
Foto : Abdullah Haji Awang Damit, Masri Osman



PERSEMBAHAN kanak-kanak sekolah mencuit hati Duli Yang Teramat Mulia.



DULI Yang Teramat Mulia semasa menyaksikan lebih dekat dan berbual bersama seorang pelajar yang sedang belajar komputer.

SUNGAI AKAR, Isnin, 27 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, berkenan berarakat merasmikan Kompleks Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di kompleks sekolah berkenaan dijunjung oleh Yang Dipertua PGGMB selaku Penasihat majlis, Awang Haji Antin bin Ahmad bersama ahli-ahli jawatankuasa majlis.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Majlis bermula dengan koir lagu rasmi PGGMB oleh penuntut-penuntut sekolah berkenaan dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an.

Awang Haji Antin dalam sembah alu-aluannya telah menyampaikan mengenai sejarah, visi, misi dan perkembangan sekolah berkenaan, di samping kemajuan yang telah mereka capai 67 tahun lalu.

Katanya kemampuan PGGMB yang sangat terhad dan terbatas, sedikit sebanyak telah memberi sumbangan dalam sama-sama memeduli generasi kecil dalam memberi didikan dan asuhan.

Sebagai contoh katanya, PGGMB bersedia menyahut cadangan Kementerian pendidikan iaitu dengan mengadakan sekolah rintis pada tahun 2000 apabila sekolah mereka di Kampung Sungai Akar adalah satu-satunya sekolah bukan kerajaan memulakan tanggungjawab berkenaan.

Untuk keperluan tersebut nyatanya PGGMB telah menyumbangkan perbelanjaan bernilai \$2.1 juta dalam tempoh enam tahun termasuk tahun 2006 bagi membolehkan sekolah agama beroperasi di sebelah petang.

Dengan usaha yang disumbangkan itu, jelasnya lagi PGGMB dapat membangunkan lagi sebuah sekolah fasa kedua yang lebih besar daripada sekolah yang ada sekarang dengan wang tunai yang datang dari ahli-ahli PGGMB dan sumbangan daripada bahagian-bahagian dalam persekutuan tersebut yang berjumlah \$3.5 juta dan bangunan tersebut telah digunakan pada Januari 2005.

Manakala dalam fasa pertama bangunan sekolah siap pada tahun 1996 dengan belanja \$6.8 juta.

Awang Haji Antin menyatakan hasrat PGGMB untuk menjadikan PGGMB sebagai landasan pendidikan bistari yang sedikit sebanyak telah menjadi kenyataan seperti kejayaan mereka dalam mencapai kejayaan seratus peratus lulus selama 18 tahun dalam penilaian sekolah rendah.

Di majlis itu, DYTM telah berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya merasmikan kompleks tersebut.

Selepas itu DYTM kemudian dijunjung berarakat melawat ke beberapa bahagian dan kemudahan yang terdapat di kompleks berkenaan.

Antara bahagian yang dikunjungi ialah makmal komputer, bilik pameran, di samping beberapa buah bilik darjah.

Sebelum berarakat menamatkan keberangkatan, DYTM berkenan bergambar ramai bersama pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Jawatankuasa PGGMB, di samping menerima junjung ziarah.

Sekolah PGGMB mula dikenali sebagai Taman Asuhan Kanak-kanak PGGMB di mana kelas pertama diadakan di sebuah bangunan kepunyaan PGGMB di Jalan Telepok pada bulan Januari 1975.

Sementara itu pada 17 Julai 1975 Taman Asuhan Kanak-kanak PGGMB telah ditukar namanya kepada sekolah rendah dan sejak itu dikenali sebagai sekolah PGGMB serta pada tahun 2001 telah memulakan sekolah menengah.

Sekolah berkenaan mempunyai keramaian 804 orang penuntut dengan mempunyai keramaian 50 orang tenaga pengajar.

Antara kemudahan yang ada ialah bilik darjah, bilik komputer, makmal sains, perpustakaan, bilik guru, Dewan serbaguna dan taman permainan.

Berkenan rasmikan Forum AAPA 2006

JERUDONG, Selasa, 28 November. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah berkenan merasmikan Forum Persekitaran Penerbangan Asia Pasifik 2006 yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club.

Lebih 200 peserta dan pembentang dari industri penerbangan, pertubuhan bukan kerajaan dan pengendali perkhidmatan dari ahli Pertubuhan Penerbangan Asia Pasifik (AAPA) menyertai forum yang dianjurkan oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA).

Forum dua hari dengan tema, Asia Pasifik dan Alam Sekitar : Mengurus Pertumbuhan Penuh Tanggungjawab (Asia-Pacific and the Environment : Managing Growth Responsibly) bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap cabaran-cabaran persekitaran dan data industri perhubungan bersama yang dihasilkan bagi mengekalkan kemajuan dan keselamatan pertumbuhan pengangkutan udara di masa hadapan.

Dalam sembah alu-aluannya, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid selaku Pengerusi RBA, antara lain berkata, RBA bersama ahli-ahli AAPA lebih komited untuk memastikan kemajuan keselamatan, keberkesanan dan pengangkutan udara yang mesra alam berorientasikan keuntungan dan perkhidmatan yang membawa persekitaran kondusif bagi merangsang industri pengembangan dan pelancongan.

Beliau berkata, industri penerbangan melangkah lebih maju dalam meningkatkan prestasi persekitaran dengan mempunyai pesawat 75 peratus lebih senyap pada masa kini berbanding dalam tahun 1960-an serta lebih menjimatkan minyak.

Forum itu, katanya adalah untuk menghimpunkan mereka yang terbahagi dalam industri penerbangan mengenai perspektif terkini isu persekitaran global dalam

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn

memberi pemahaman impak penerbangan ke atas negara serta menyediakan asas bagi pertukaran pengalaman dan latihan terbaik pengurusan pertumbuhan secara bersefahaman.

Menurut beliau, masyarakat menjangka sektor penerbangan akan memainkan peranan dalam memenuhi sasaran untuk mengurangkan kadar karbon dioksida selain mengurangkan gangguan bunyi.

Selain itu, tambah beliau forum itu juga turut menentang isu seperti penerbangan dan alam sekitar, prestasi mengenai isu sosial dan persekitaran, infrastruktur dan teknologi-pancaran pada peringkat tempatan dan global, infrastruktur dan teknologi bunyi, tindak balas ke atas cabaran dan laluan masa depan penerbangan.

Sementara itu, Pengarah Urusan AAPA, Andrew Herdman menjelaskan bahawa, penerbangan memainkan peranan penting dalam ekonomi moden dan pembangunan sosial selain menjadi sebahagian daripada kemudahan berjuta-juta penduduk di seluruh dunia.

Katanya, industri penerbangan turut memperingkatkan perdagangan global serta pelancongan dalam membantu mengukuhkan perhubungan dan pemahaman manusia.

Beliau menambah, pihaknya mengenal pasti mereka perlu mengekalkan imbalan antara aspirasi mereka dari segi pembangunan ekonomi dan keperluan meminimumkan kesan terhadap persekitaran semula jadi yang didiami.

Selain itu katanya, industri penerbangan telah menghadapi beberapa isu berkaitan dengan persekitaran seperti gangguan bunyi yang didapati di lapangan terbang yang menjadi perkara membimbangkan sejak beberapa lama.

Pakar-pakar telah diundang untuk berkongsi pengalaman dan pendapat mengenai mengatasi masalah pencemaran global di sesi

forum yang dibahagikan kepada agenda-agenda yang berbeza.

Sejurus selesai menyempurnakan perasmian forum itu, Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah yang disebarkan oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid selaku Pengerusi RBA dan Pengarah Urusan AAPA, Andrew Herdman.



YTM berkenan menerima pesambah yang disebarkan oleh Pengarah Urusan Pertubuhan Penerbangan Asia Pasifik (AAPA), Andrew Herdman. - Foto: Haji Sahrin Haji Asmat.



YTM berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur Forum Persekitaran Penerbangan Asia Pasifik 2006. - Foto: Haji Sahrin Haji Asmat.

Penerbangan berterusan selamat, mesra alam

JERUDONG, Selasa, 28 November. - Industri penerbangan telah melangkah maju dalam pembuatan minyak pesawat lebih efisien dan memperbaiki pengendali-pengendali pesawat bagi memastikan penerbangan akan berterusan selamat dan lebih mesra alam, di samping meningkatkan kebimbangan terhadap penajanaan pengeluaran gas rumah hijau.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Abdullah berkata, sektor swasta di Asia Pasifik di rantau ini menunjukkan petanda-petanda yang menggalakkan dengan langkah positif ke hadapan dalam mengamalkan persekitaran bunyi.

Dalam ucapan di

Forum Persekitaran Penerbangan Asia Pasifik 2006, Yang Berhormat berkata, menurut laporan penilaian alaf baru menunjukkan bahawa pertumbuhan-pertumbuhan yang mempunyai Sijil Pengiktirafan Antarabangsa (ISO) 14001 bagi pengurusan persekitaran adalah melebihi 90 ribu dalam tahun 2004.

Yang Berhormat berkata, Eropah dan Asia Pasifik merupakan rantau yang mempunyai perkiraan 88 peratus dari perangkaan seluruh dunia di mana perangkaan tahunan meningkat di antara 50 peratus hingga 70 peratus.

Sementara itu Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell, perkara itu dijelaskan oleh Dr. Grahame Henderson dalam ucapannya berkata,

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn

peningkatan penerbangan udara menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di semua negara yang membawa peningkatan dalam standard kehidupan orang ramai di seluruh dunia yang telah menghasilkan kira-kira 29 juta peluang pekerjaan baru di seluruh dunia.

Menurutnya, galakan ekonomi dalam perdagangan, pelancongan dan pemindahan teknologi adalah penting dalam pembangunan negara.

"Dalam masa yang sama kita menyaksikan pertumbuhan yang memberangsangkan dalam pengangkutan jalan dengan bilion kenderaan digunakan atas jalan dan lebih 60 juta akan

dikeluarkan setiap tahun," jelas beliau.

Beliau menambah, salah satu tanggungjawab besar dalam perniagaan adalah penjana teknologi dan inovatif dalam sektor masing-masing bagi meminimumkan impak ke atas persekitaran.

Forum dengan tema, Asia Pasifik dan Alam Sekitar : Mengurus Pertumbuhan Penuh Tanggungjawab yang dianjurkan oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) berlangsung di Empire Hotel and Country Club.

Lebih 200 orang peserta dan pembentang dari industri penerbangan, pertubuhan bukan kerajaan dan pengendali perkhidmatan dari ahli



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah, Menteri Pembangunan, ketika menyampaikan ucapan di Forum Persekitaran Penerbangan Asia Pasifik 2006 yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club. - Foto: Sahrin Haji Asmat.

Pertubuhan Penerbangan Asia Pasifik (AAPA) menyertai forum itu.



LEBIH 200 orang peserta dan pembentang dari industri penerbangan, pertubuhan bukan kerajaan dan pengendali perkhidmatan dari ahli AAPA menyertai forum yang dianjurkan oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA). - Foto: Sahrin Haji Asmat.

Negara komited mengenai isu alam sekitar

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn

JERUDONG, Rabu, 29 November. - Negara Brunei Darussalam komited untuk menjadi sebuah negara yang mengambil berat mengenai isu alam sekitar apabila menjadi tuan rumah kepada Forum Persekitaran Penerbangan Asia Pasifik 2006 yang julung-julung kalinya diadakan di rantau Asia Pasifik.

Menurut Pengarah Teknikal Pertubuhan Penerbangan Asia Pasifik (AAPA), Martin Tasker, negara juga telah mengambil langkah positif ke arah komitmen untuk memastikan keselamatan, keberkesanan dan pengangkutan udara yang lebih mesra alam dalam perbincangan yang diadakan menerusi yang berlangsung selama dua hari itu.

Dalam sidang media yang diadakan di Hotel Empire and Country Club, beliau percaya bahawa usaha positif yang dilaksanakan oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) harus dijadikan contoh, kerana ia menunjukkan bahawa Negara Brunei Darussalam bersedia untuk memainkan peranan yang serius dalam menangani isu pencemaran serta memberikan pendedahan kepada orang ramai

mengenai isu-isu yang akan mengancam masa depan manusia sejagat.

Forum itu menumpukan kepada dua isu penting iaitu isu teknikal yang melibatkan pencemaran bunyi, kualiti udara serta pencemaran global dan mengkaji tindak balas yang diperolehi dari peringkat politik termasuk isu-isu dasar yang harus diambil berat oleh industri penerbangan.

Selain itu forum tersebut juga menyentuh mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri berkenaan serta langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak industri bagi memastikan isu pencemaran ditangani dan untuk mengubah persepsi negatif yang dihadapi oleh industri berkenaan.

Sementara itu, Setiausaha Forum AAPA, Awang Khalid Hussain berkata, dengan adanya forum itu yang memberikan pendedahan mengenai isu pencemaran seperti pencemaran udara dan bunyi dapat memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai isu yang mengancam alam sekitar di mana mereka juga boleh mengambil peranan lebih aktif untuk mengurangkan pencemaran dalam memastikan generasi akan datang juga mampu menikmati alam sekitar yang bersih dan bebas dari pencemaran.

PEMBANGUNAN

Bangunan JPD baru beri kemudahan kepada pelanggan

Bangunan bernilai hampir \$1.5 juta termasuk peralatan pemeriksaan kenderaan berkomputer dan merupakan projek JPD menerusi Rancangan Kemajuan Negara Kelapan (RKN 8) itu dibina di tapak tanah seluas tiga ekar.

Bangunan berkenaan antara lain menyediakan ruang rehat, pejabat am, kaunter, bilik persidangan, bilik komputer, surau, bilik

kabel dan bilik-bilik pegawai JPD.

Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Mohammad Alimin yakin bangunan baru itu akan meningkatkan keyakinan orang ramai mengenai hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan mutu perkhidmatan

Oleh: Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

mereka.

Menurutnya, urusan-urusan yang bersangkutan dengan jabatan berkenaan seperti permohonan lesen memandu, ujian memandu dan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan kini beroperasi di bangunan baru berkenaan.

Sementara itu, Stesen

Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer satu lorong yang ditempatkan di bangunan berkenaan akan beroperasi sepenuhnya pada tahun depan.

Menurut jabatan berkenaan, kira-kira 2,500 orang kenderaan berlesen telah didaftarkan di daerah berkenaan.

Kampong Sengkurong akan punyai bangunan perpustakaan

Oleh: Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

SENGKURONG, Rabu, 22 November. - Kampong Sengkurong dan kawasan-kawasan sekitarnya akan mempunyai sebuah bangunan perpustakaan menjelang tahun depan.

Sehubungan dengan itu, Majlis Perletakan Batu Asas Bagi Bangunan Perpustakaan Kampong Sengkurong diadakan di tapak kawasan bangunan perpustakaan itu sendiri di sini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menyempurnakan Majlis Perletakan Batu Asas Bagi Bangunan Perpustakaan Kampong Sengkurong.

Terdahulu dari itu, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr. Mataim dalam ucapannya menjelaskan, perpustakaan komuniti itu adalah yang keempat bagi negara ini selepas perpustakaan komuniti Pekan Muara, Pandan dan Lambak Kanan.

Dengan adanya perpustakaan ini, memudahkan lagi masyarakat sekeliling untuk menimba ilmu kerana perpustakaan itu menyediakan perkhidmatan seperti pinjaman bahan bacaan, perkhidmatan fotokopi, inter-

net melalui sudut siber dan perkhidmatan Online Public Access Catalogue (OPAC), jelasnya.

Beliau juga memberitahu perpustakaan itu akan menyediakan satu sudut bagi keperluan kanak-kanak yang dinamakan Sudut Kanak-kanak bagi tujuan merangsang minat kanak-kanak terhadap buku.

Beliau menyeru masyarakat sekeliling mukim itu agar memanfaatkan kemudahan yang diberikan dan juga menasibatkan agar membiasakan anak-anak dengan perpustakaan agar apabila remaja dan dewasa nanti mereka akan tetap mengunjungi perpustakaan kerana sikap positif terhadap perpustakaan sudah tertanam lebih awal.

Perpustakaan yang dibina di atas tanah seluas dua ekar ini mula dibina pada 28 November, 2005 dan siap pada 27 Mei 2007 dengan menelan belanja B\$988,420.00.

Apabila siap nanti, perpustakaan dua tingkat ini iaitu tingkat bawah akan mempunyai kemudahan seperti kawasan membaca umum, bilik-bilik akses internet, pameran, kawasan belajar kanak-kanak, bilik solat, bilik pandang den- gar, pejabat, bilik mesyuarat, bilik latihan, bilik kesela-

matan, tandas lelaki dan perempuan.

Sementara tingkat satu pula menempatkan bilik per-

pustakaan dewasa, kawasan membaca, kawasan belajar, perbincangan, bilik fotokopi dan tandas lelaki dan perempuan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud ketika menuang simen bagi menyempurnakan Majlis Perletakan Batu Asas Bangunan Perpustakaan Kampong Sengkurong. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

TEMBURONG, Khamis, 9 November. - Bangunan baru Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) Cawangan Daerah Temburong yang baru dirasmikan memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelanggan khususnya penduduk setempat bagi mendapatkan perkhidmatan ke pejabat berkenaan.

Perasmian bangunan tersebut disempurnakan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar di Kampong Gadong Baru, Mukim Batu Apoi, di sini.

MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar semasa merasmikan bangunan baru Jabatan Pengangkutan Darat, di Kampong Gadong Baru, Mukim Batu Apoi. - Foto: Pg. Ilni Pg. Haji Hidup.

ngunan baru tersebut dibina di bawah Rancangan Kemajuan Negara Kelapan (RKN 8).

Bangunan tersebut menyediakan beberapa kemudahan seperti tempat menunggu dan kaunter pembayaran, bilik-bilik pejabat, bilik sembahyang, perpustakaan, ruang mesyuarat, stor, ruang perhubungan. Selain itu juga terdapat antena dan menara perhubungan.

labuhan, marin, kastam dan kesihatan kepada satu pusat perkhidmatan di bawah satu bumbung.

Ia juga untuk memperkembangkan mobiliti maritim yang dinamik dan membantu maritim serantau melalui kawasan BIMP-EAGA. Ba-



PENOLONG Pengarah Kemajuan, Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Omaralli bin Haji Mohd. Jaafar menyerahkan kunci bangunan kepada Pemangku Pengarah Pelabuhan, Awang Haji Sounyo Selamat. - Foto: Ihsan Jabatan Pelabuhan.

Jabatan Pelabuhan punyai bangunan baru

Oleh: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Isnin, 6 November. - Pelaksanaan kerja dan pengurusan Jabatan Pelabuhan Kuala Belait dijangka bertambah lancar apabila bangunannya yang baru mula digunakan.

Bangunan baru tersebut terletak bersebelahan dengan bangunan lama di Pekan Belait dibina pada bulan Mac 2004 siap pada bulan Jun lepas dengan pembinaan \$1.93 juta.

Sehubungan itu satu Majlis Penyerahan Anak Kunci Bangunan diadakan daripada wakil Syarikat Arkitek OPFIS, Masri bin Haji Mohd. Taha kepada Penolong Pengarah Kemajuan, Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Omaralli bin Haji Mohd. Jaafar yang kemudiannya menyerahkan kepada Pemangku Pengarah Pelabuhan, Awang Haji Sounyo Selamat.

Bangunan tiga tingkat itu dibina di atas tapak seluas 1,724 meter persegi dengan keluasan bangunan kira-kira 1,650 meter. Konsep bangunan untuk menyatukan perkhidmatan-perkhidmatan pe-

JKR diberikan penghormatan memulakan projek e-Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 November. - Jabatan Kerja Raya (JKR) diberi penghormatan memulakan pelaksanaan empat projek e-Kerajaan iaitu Project Management Information System Enterprise (PROMISE); Integrated Document Production System (IDPS); Integrated Maintenance Management System (IMMS) dan e-Billing Information System (eBIS).

PROMISE dimulakan pada tahun 2005, sementara IDPS dan IMMS dijangka mula beroperasi pada tahun 2007, manakala eBIS pula masih dalam penilaian.

IDPS akan membe-

Oleh: Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

kalkan teknologi dan proses prasarana bagi membolehkan arkitek, jurutera reka bentuk dan pengurus projek JKR menggunakan proses piawai kelas dunia, menyediakan peraka yang terlibat dalam infrastruktur awam untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti secara serentak, membantu pereka meningkatkan keupayaan rekaan mereka dengan menyediakan peralatan teknologi yang berkualiti tinggi dan untuk membantu meningkatkan penggunaan semua informasi, data di antara projek-projek bangunan untuk mengurangkan dup-

likasi pelaksanaan serta memaksimumkan penggunaan sumber tenaga manusia.

Dalam pada itu, IDPS juga memperkenalkan 'platform' yang baru bagi industri pembinaan tempatan bagi proses tawaran projek yang apabila sudah lengkap akan membolehkan proses tawaran itu dilakukan melalui internet.

Perkhidmatan IDPS baru akan mula ditawarkan sebaik sahaja projek berkenaan selesai pada bulan September 2007.

Majlis Penandatanganan

an Perjanjian di antara JKR dengan sebuah syarikat swasta, JSY System itu menandakan bermulanya salah satu projek Kementerian Pembangunan dalam 'Integrated Document Production System (IDPS).

Perjanjian itu ditandatangani oleh Pemangku Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dan Pengarah Perkhidmatan Teknikal, Dayang Hajah Maihani binti Haji Abdul Hamid, manakala JSY System diwakili oleh Pengarah Urusan, Awang Haji Samat bin Haji Abas dan Pengarah Serantau Autodesk ASEAN, Sivas Ramadas.



MAJLIS Menandatangani Kontrak Perjanjian di antara Jabatan Kerja Raya dengan sebuah syarikat swasta, JSY System Kementerian Pembangunan dalam 'Integrated Document Production System (IDPS).



KUNJUNGAN PERP YANG DI-PERTUAN KE-XII MALAYSIA

Dari muka 1

Selepas Majlis Menerima Mengadap, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Liputan :

Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

Foto : Ramli Tengah,
Masri Osman, Haji Sahrin Haji Asmat

SERI Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong bersama Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYT Pengiran Isteri menerima 'hormat diraja' di pentas diraja (atas).

SERI Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong bersama Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa perbarisan pasukan kawalan kehormatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (kanan).



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia (kiri).

KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYT Pengiran Isteri mengiringi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia (kanan).



SERI Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia dipersembahkan jambangan bunga oleh cucunda Kebawah DYMM, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolikiah.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYT Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berangkat ke Majlis Mengadap.



YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berbual mesra bersama Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolikiah, YTM Paduka Seri Pengiran Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolikiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Kalthum Al-Islam.

Seri Baginda Yang Di-Pertuan Agong Brunei Darussalam, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYT Pengiran Isteri berangkat ke pentas diraja untuk menerima 'hormat diraja' dan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan.

Kemudian Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong bersama Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYT Pengiran Isteri berangkat ke pentas diraja untuk menerima 'hormat diraja' dan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan.

Sebelum duka Baginda Yang Di-Pertuan Agong berangkat ke pentas diraja, beliau telah menerima 'hormat diraja' dan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan.

Seri Baginda Yang Di-Pertuan Agong Brunei Darussalam, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYT Pengiran Isteri berangkat ke pentas diraja untuk menerima 'hormat diraja' dan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan.

Kedua-dua negara mempunyai sama-sama jasa dan perkhidmatan, pertukaran, dan sebagainya.

SAHAN GONG



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar meraikan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah pada Majlis Santap Tengah Hari di Dewan Persantapan Baitur Rahmah.



SERI Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong disembahkan kepada ahli-ahli kerabat diraja Brunei Darussalam seurus tiba di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersalaman bersama Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia seurus rombongan kerabat diraja tersebut tiba di Istana Nurul Iman.

MESRA ... Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia (atas).



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berangkat di Majlis Santap Tengah Hari (atas kanan).

DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah ketika berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari (kanan).



Dato' Seri Sharifah Fazira. Juga kelihatan, YTM Paduka Seri Pengiran Isteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi



Kan halnya bukan saja dalam hal-hal persekolahan anak-anak, mengenai yang lain-lain pun untuk menyempurnakan dan membaiki kehidupan kitani perlu sentiasa siap siaga. Ikut saja pepatah Melayu: Sediakan payung sebelum hujan. Lainlah halnya kalau kitani mahu buat kajian atau menikmati kehidupan dengan cara yang lain dari biasa bolehlah sediakan hujan sebelum payung.

KEMASYARAKATAN



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menyampaikan sumbangan cenderamata kepada guru bersara, Pg. Hajah Fatimah binti Pg. Omar.

Pesara terima sumbangan

Berita dan Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Ahad, 19 November. - Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri.

Hadir di majlis itu Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain dan Datin, Majlis diadakan di kawasan perkarangan bangunan Pejabat Pengajian Islam dan Dakwah di sini.

Majlis itu merupakan salah satu aktiviti pejabat tersebut bagi menyemarakkan Hari-hari Kebesaran

Islam termasuk Hari Raya Aidilfitri. Ianya bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim serta mewujudkan suasana bekerjasama dan bersatu padu.

Di majlis tersebut Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan sumbangan cenderamata kepada lapan orang pegawai (guru agama) daerah ini yang telah bersara pada tahun ini.

Di majlis tersebut, Yang Berhormat turut menyertai persembahan Dikir Syarifil Anam (Dikir Brunei) serta beramah mesra dengan para hadirin. Majlis diserikan de-

ngan persembahan nasyid dan tausiyah.

Antara yang hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan Datin, pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohamad bin Haji Abdul Rahman dan isteri.

Lebih 200 orang menghadiri majlis tersebut termasuk saudara-saudara baru serta Persatuan Kaum Tiong-hoa daerah ini.

Pelatih Pusat Bahagia, penghuni Kompleks Rumah-rumah Kebajikan diraikan

Oleh:
Maslina Awang
Kurus

BERAKAS, Rabu, 15 November. - Majlis Ramah Mesra Bersama Pelajar-pelajar dan Pelatih-pelatih Pusat Bahagia dari seluruh daerah dan Penghuni Kompleks Rumah-rumah Kebajikan kelolaan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) berlangsung di Dewan Plenary Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud dan Datin.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan kerajaan, pelajar-pelajar dan pelatih-pelatih Pusat Bahagia dari keempat-empat daerah, penghuni Kom-



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada para pelajar dan pelatih Pusat Bahagia. - Foto: Ramli Tengah.

pleks Rumah-rumah Kebajikan JAPEM dan pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Acara kemuncak pada majlis tersebut ialah penyampaian sumbangan

Hari Raya kepada pelajar-pelajar dan pelatih-pelatih Pusat Bahagia dari keempat-empat daerah, penghuni Kompleks Rumah-rumah Kebajikan JAPEM yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Acara tahunan itu diserikan dengan persembahan nyanyian oleh pelatih-pelatih Pusat Bahagia dari keempat-empat daerah, penghuni Kompleks Rumah-rumah Kebajikan JAPEM dan persembahan warga kerja dari jabatan-jabatan di bawah KKBS.

Penuntut-penuntut MSPSBS

ikuti Majlis Taklimat TAP

Oleh: Zahrani Haji Bojeng

JALAN MUARA, Rabu, 22 November. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) meneruskan Jerayawara 'Financial Planning' kepada penuntut-penuntut institusi melibatkan 115 penuntut Pra-Universiti Tahun II Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) berlangsung di Dewan Auditorium di sini.

Acara dimulakan dengan tayangan video korporat TAP bagi memberikan pengetahuan mengenai fungsi TAP sebagai tabung pasaran kepada para penuntut.

Kemudian diikuti dengan taklimat TAP sebagai salah satu alat perancangan kewangan untuk kegunaan persaraan disampaikan oleh Pengerusi TAP dari Cawangan Belait, Awang

Irwandy bin Haji Lois diikuti taklimat mengenai kepentingan perancangan kewangan serta asas-asas dan tips perancangan oleh pakar perancangan kewangan daripada Royal Bank of Canada, Dayang Suhaila Kani.

Jerayawara ini bertujuan untuk memberikan kesedaran mengenai kepentingan perancangan kewangan kepada orang ramai termasuk penuntut-penuntut maktab dan institusi-institusi pendidikan yang merupakan sasaran penting sebagai persiapan sebelum melangkah ke alam pekerjaan dan mula memikul tanggungjawab kewangan sendiri tanpa bergantung pada orang lain.

Ia juga dihasratkan untuk mendukung tithat Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-60 tahun pada 15 Julai 2006 yang lalu menyuarakan mengenai kepentingan 'Financial Planning' bagi keperluan mendatang.

Jerayawara 'Financial Planning' yang telah dilancarkan pada 31 Mac 2005 tahun lalu ditumpukan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian kerajaan secara berterusan dan dilancarkan kepada penuntut-penuntut institusi pendidikan bermula April tahun ini.

Siri Jerayawara ini akan dilancarkan kepada sektor swasta dan orang ramai secara amnya.

Rumah terbuka eratkan hubungan

Berita dan Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Sabtu, 4 November. - Walaupun sambutan Hari Raya Aidilfitri telah seminggu diraikan, namun kemeriahn masih terasa dan masih ramai orang saling kunjung-mengunjungi dengan mengadakan majlis rumah terbuka.

Di daerah ini, penduduk dari pelbagai peringkat mengadakan rumah terbuka bagi menjemput sanak saudara dan sahabat handai yang jauh mahupun dekat bagi merapatkan lagi hubungan silaturrahim. Antara mereka yang mengadakan rumah terbuka, Pengerusi Kumpulan Syarikat-syarikat Haji Malai Mashhor (SHMM) Jeneral Kontraktor, Malai Haji Abdul Hamid bin Haji Malai Mashhor.

Rumah terbuka selama dua hari di kediaman Pengerusi SHMM bermula dari kira-kira jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam dihadiri oleh lebih 500 orang pengunjung. Antara yang hadir Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohamad bin Haji Abdul

Rahman berserta rombongan dari Pejabat Daerah Belait, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dari daerah ini, penghulu dan ketua-ketua kampung, imam-imam dan bilal serta takmir masjid, syarikat-syarikat swasta, badan-badan pertubuhan dan perkumpulan serta persatuan-persatuan antaranya Persatuan Kaum Tiong-hoa dan syarikat-syarikat perbankan di daerah ini.

Ketika ditemui Malai

Haji Abdul Hamid menyatakan rumah terbuka merupakan salah satu aktiviti yang diadakannya setiap tahun bagi mengeratkan hubungan persahabatan serta persaudaraan di kalangan yang hadir tanpa mengira bangsa dan agama.

Katanya lagi, majlis serupa turut diadakan di kediamannya di Bandar Seri Begawan pada minggu depan.

Menghadiri majlis ru-

mah terbuka sempena Hari Raya sudah menjadi amalan biasa rakyat negara ini. Tujuannya jelas untuk memenuhi undangan tuan rumah yang menyediakan pelbagai hidangan makanan dan minuman sambil memohon kemaafan dan keampunan antara mereka. Dalam kesempatan ini para pengunjung dan mereka yang dikunjungi bertukar-tukar fikiran, bertanya khabar dan mengeratkan hubungan silaturrahim serta berbaik- baik sesama insan.



PENGARAH Urusan Syarikat Haji Malai Mashhor (SHMM), Malai Haji Abdul Hamid bin Haji Malai Mashhor dan isteri bergambar ramai bersama penghulu dan ketua-ketua kampung.



PARA penuntut mendengar taklimat mengenai 'Financial Planning' yang disampaikan oleh Pengerusi Tabung Amanah Pekerja (TAP) Cawangan Belait, Awang Irwandy bin Haji Lois. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

SUKAN

Takraw raih pingat emas pertama

MAKASSAR, Sabtu, 25 November. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Persahabatan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur (BIMP-EAGA) Ke-5 merasa lega apabila berjaya meraih pingat emas pertamanya dalam acara sepak takraw sekali gus menambah kutipan pingat negara.

Pemain sepak takraw negara yang dibarisi oleh Shahrul bin Samul, Mohd. Azri bin Tahir, Ismail Ang dan Esmidiade bin Bujang di bawah bimbingan jurulatih Haji Ahmadi bin Hassim tidak menyangka memasuki peringkat akhir dalam acara ini setelah berjaya menumpaskan pasukan Sulawesi Barat dengan kiraan 2 - 1.

"Pada peringkat pemulaan pasukan sepak takraw negara tidak menyangka dapat masuk ke peringkat akhir kerana di awal pagi (hari kedua pertandingan berjalan) pasukan negara telah bertemu dengan pasukan Sulawesi Barat peringkat separuh akhir dengan kesudahan pasukan negara berjaya menumbangkan lawan dengan kiraan 2 - 1 sekali gus memasuki peringkat akhir bagi merebut pingat emas ataupun perak," jelas jurulatih, Haji Ahmadi bin Hassim.

Menurutnya, pada peringkat akhir perlawanan ketika bertemu pasukan

Sabah tidak banyak berlaku perubahan, hanya barisan pemain negara diarah untuk memberikan persembahan yang lebih baik serta berusaha untuk mencari kemenangan.

"Di set pertama perlawanan akhir berjalan pasukan negara sudah ketinggalan sehingga empat mata. Disebabkan kesalahan sering dilakukan oleh pemain Sabah peluang tersebut digunakan oleh pasukan negara untuk menyaingi kutipan mata demi mata sekali gus berjaya menumpaskan pasukan Sabah dengan kiraan 21 - 19," katanya.

Dalam set kedua, pemain negara telah menunjukkan permainan yang begitu baik sekali dengan kesepakatan dan kesefahaman terutama pemain tekung yang sering membuat servis yang cukup baik turut menambah kutipan mata.

"Sementara babak kedua permainan, pemain-pemain terutama pemain tekung yang melakukan servis mula yang cukup baik, di mana peluang sedemikian tidak dibiarkan malahan kutipan mata kemenangan sering diperolehi oleh skuad negara sehingga berjaya mengalahkan pasukan Sabah dengan kiraan 21 - 15," jelasnya.

Beliau berkata, memandangkan pasukan negara baru pertama kali memperolehi pingat emas melalui



Liputan:
Haji Ahmad
Haji Salim
ahmad.salim@
information.gov.bn
Foto:
Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman
dari Sulawesi
Selatan Makassar

acara sepak takraw, dalam Sukan Persahabatan BIMP-EAGA kali ini, diharapkan pemain-pemain terus berusaha sekali gus diberikan bimbingan latihan yang berterusan supaya mereka di masa akan datang beroleh kejayaan demi kejayaan di sukan-sukan antarabangsa.

Ditanya mengenai persediaan negara dalam acara sepak takraw ketika menjadi tuan rumah 2008 nanti, beliau menjelaskan apabila negara kita menjadi tuan rumah nanti, pasukan sepak takraw akan sebolehnya mempertahankan pingat emas yang diperolehi sekali gus menjadi contoh dan perangsang kepada sukan-sukan lain di tanah air.



PINGAT EMAS ... Melalui sepak takraw antara regu mencerikan kontinjen negara selepas mereka menundukkan Sulawesi Barat di pertarungan akhir.

Kurang pengalaman punca tidak menyerlah

MAKASSAR, Jumaat, 24 November. - Nasib tidak menyebelahi atlet perseorangan dan berpasangan lelaki negara bagi acara tenis pada Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-5 setelah tumpas di tangan lawan.

Acara tenis yang dibarisi dua pemain remaja, Abdul Hamizan bin Abdul Hamid dan Jonathan Ooi Si Hong, keduanya pernah mewakili negara di Sukan Arafura, Darwin dan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN tewas dalam acara yang disertai.

Dalam acara perseorangan Abdul Hamizan yang menentang peserta Mohammad Afan dari Sulawesi Selatan kalah dalam dua set perlawanan dengan kiraan 3 - 6 dan 4 - 6.

Sementara Jonathan Ooi Si Hong yang bertemu pemain Papua, Indonesia, Hermawan Ade juga menerima nasib yang sama dengan kiraan 2 - 6 dan 2 - 6.

Kekalahan seterusnya me-

nimpa atlet negara setelah tewas dalam acara berpasangan ketika menentang pasangan Sulawesi Tengah, Stenil dan Mohd. Afan dengan kiraan 2 - 6 dan 4 - 6.

Menurut Jurulatih Tenis, Fan Po Hoa, Abdul Hamizan yang memulakan permainan agak gugup akhirnya dapat mengatasi situasi tetapi ketika itu jurang mata agak jauh ketinggalan 3 - 6.

Katanya, pada set kedua Hamizan mengubah rentak permainan lebih baik, di mana dalam satu-satu masa beliau mendahului kutipan mata 3 - 1 akan tetapi kurangnya pengalaman dan pendedahan di peringkat pertandingan antarabangsa sedikit sebanyak memberikan kesan dan menyebabkan lawan bangkit semua untuk mendahului kutipan mata 4 - 3.

"Pujiannya seharusnya diberikan kepada Hamizan kerana tidak mengaku kalah dan menyamakan kedudukan mata

empat sama bagaimanapun Hamizan kembali gugup. Perkaranya inilah yang akan diperbaiki sesudah balik ke Negara Brunei Darussalam," tegas beliau.

Bagi Jonathan pula katanya, di set pertama beliau mengikut rentak lawan dan setelah menukar rentak permainan sendiri dia berjaya melakukannya seterusnya memperolehi kutipan mata 2 - 0 tetapi kekurangan pengalaman menjadi faktor kekalahan kerana dia mengikut kembali rentak lawan menyebabkan kecundang dengan kiraan 2 - 6 dan 2 - 6.

Bagaimanapun dari segi teknik dan kemahiran atlet tenis negara tidak kalah, apa yang perlu ialah pemain-pemain kita mempunyai keyakinan dan kepercayaan diri untuk menang, di samping usaha-usaha yang lebih banyak seperti mengikuti perlawanan-perlawanan dan latihan berterusan.

Acara tenis mempertaruhkan satu pingat emas, satu perak dan satu gangsa.

Pencak silat sumbang 4 perak, 1 gangsa

MAKASSAR, Sabtu, 25 November. - Atlet-atlet acara pencak silat negara berjaya mengutip empat pingat perak dan satu gangsa sekali gus menambah kutipan pingat negara dalam Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-5 yang berlangsung di sini.

Pingat perak pertama diperolehi dalam acara Kelas D Puteri melalui pesilat negara, Khuzaiman bin Ahmad setelah ditewaskan oleh pesilat Sulawesi Selatan, Muhammad Afan dengan kiraan 1 - 4, manakala pingat gangsa di miliki oleh pesilat Sulawesi Tengah dan Kalimantan Selatan.

Pesilat negara kategori Kelas A Puteri pula menyumbang pingat perak kedua melalui Rohana binti Razali yang tewas di tangan pesilat Sulawesi Selatan, Salmawaty dengan kiraan 0 - 5, manakala pingat gangsa disandang oleh Sulawesi Tengah.

Asliza binti Mohamad memasuki peringkat akhir Bahagian Kelas B Puteri turut tumpas di tangan pesilat Sulawesi Selatan, Tuty Asmunah 0 - 5 sekali gus meraih pingat perak ketiga bagi negara, manakala pingat gangsa pula dimenangi oleh pesilat Kalimantan Selatan dan Sulawesi Selatan.

Sementara itu dalam Bahagian Kelas C Puteri pesilat negara Mohd. Amali bin Abdul Malek yang berjaya memasuki peringkat akhir hanya mampu meraih pingat perak keempat ketika menentang pesilat dari Sulawesi

Tengah, Abdullah Usman Saleh dengan kiraan 0 - 5, manakala pingat gangsa diraih oleh Haris pesilat Sulawesi Selatan.

Terdahulu pingat gangsa pertama diperolehi melalui pesilat negara, Amirul bin Ahad yang hanya berjaya memasuki peringkat separuh akhir bagi Kelas B Puteri dan tewas ketika menentang pesilat Gorontalo, Rahman Gani pada pertandingan semalam.

Dalam temu bual bersama Pengurus Pencak Silat Negara, Pengiran Haji Jauddin bin Pengiran Salleh berkata, pasukan pencak silat negara menghantar enam pesilat, empat lelaki dan dua perempuan bagi penyertaan dalam Kelas A dan B Puteri, Kelas B, C dan D Puteri.

Menurutnya acara tersebut disertai tujuh buah pasukan, Negara Brunei Darussalam, Sabah, Sarawak, Labuan, Sulawesi Selatan, Tengah dan Barat serta Kalimantan Selatan.

"Persembahan yang ditunjukkan oleh pesilat-pesilat dari tujuh buah pasukan adalah cukup baik dan mencabar serta dapat memperlihatkan permainan pencak silat yang bermutu tinggi, terutama pesilat-pesilat daripada Indonesia, mereka telah siap siaga untuk mewakili negara mereka bagi Sukan Asia Tenggara (SEA Games) di Thailand," jelasnya.

Bagaimanapun pesilat negara tidak kurang hebatnya dengan pesilat-pesilat lain, ini terbukti apabila pasukan negara diundi dalam

pasukan Kelas A bersama pesilat Indonesia yang merupakan naib juara Indonesia, namun pesilat negara mampu menyainginya dengan baik, walaupun nasib tidak menyebelahi kita dan tewas dalam pertandingan kelas tersebut.

"Sepanjang perlawaan yang ditunjukkan oleh pesilat-pesilat negara terutama pesilat puteri adalah meningkat naik dan insya Allah usaha ke arah peningkatan sentiasa diambil kira dari semasa ke semasa. Pesilat wanita negara tidak kurang hebatnya dengan memperlihatkan peningkatan mutu permainan yang baik. Dengan adanya kita menjadi tuan rumah pada tahun 2008 nanti usaha-usaha ke arah itu akan sentiasa dipertingkatkan daripada yang sudah-sudah," jelasnya.



ATLET pencak silat masing-masing menayangkan pingat yang berjaya dalam aksi mereka di Temasya Sukan BIMP-EAGA.

Acara olahraga berjaya rangkul gangsa

MAKASSAR, Jumaat, 24 November. - Atlet olahraga negara ke Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-5 menyumbangkan satu pingat gangsa dalam acara lompat tinggi setelah kurang menyerlah di hari pertama pertandingan dijalankan.

Pingat gangsa diraih atlet negara, Abdul Haqim bin Haji Yahya dengan mencatat ketinggian lompatan 1.83 meter di hari kedua pertandingan di Stadium Andi Mattalatta, manakala pingat emas dimiliki peserta

Labuan dan perak oleh peserta Sarawak.

Di hari pertama, prestasi yang ditunjukkan oleh para atlet negara dalam acara olahraga agak kurang menyerlah mungkin disebabkan keadaan trek perlumbaan yang kurang memuaskan.

Walaupun atlet negara sebelum ini tidak membanggakan akan menghadapi keadaan sedemikian, pujian harus diberikan kepada mereka kerana menunjukkan semangat kesukanan demi negara.

"Pada hari pertama pertandingan dijalankan atlet negara belum menampilkan untuk memperolehi se-

barang pingat, bagaimanapun dari segi sudut pencapaian secara individu boleh dikatakan masih di tahap kurang memuaskan, kemungkinan dipengaruhi oleh keadaan kemudahan yang ada yang boleh dikatakan jauh berbeza dengan Negara Brunei Darussalam. Satu pujian patut diberikan kepada mereka kerana terus mencuba sedaya upaya yang boleh," jelas Pengurus Acara Olahraga, Haji Ya'kub bin Mohammad ketika ditemui bual oleh wakil PELITA BRUNEI.


Beliau berkata, kemudahan yang kurang memuaskan itu bukanlah satu alasan untuk para atlet tidak meneruskan tanggungjawab untuk bertanding.

Pada pertandingan hari kedua atlet negara masih tidak mampu meraih sebarang pingat, malahan menerima kekalahan dalam acara 200 meter lelaki dan

wanita, 800 meter lelaki final dan hanya mampu meraih pingat gangsa dalam acara lompat tinggi.

Ditanya mengenai usaha-usaha akan datang, beliau menjelaskan, "Melalui pengamatan dan pengalaman yang diperolehi di Makassar ini, kita akan membuat satu pendekatan lain dari segi mencari atlet-atlet yang lebih berpotensi, supaya akan lebih bersedia, tambahan lagi negara kita akan menjadi tuan rumah bagi sukan ini pada tahun 2008 maka kita terpaksa membuat persediaan lebih awal lagi, jangan sampai kita jauh ketinggalan oleh peserta-peserta lain."

Sebanyak 21 pingat emas, 21 perak dan 21 gangsa disediakan dalam acara olahraga di Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-5 dan merupakan kedua terbanyak dalam lima acara yang dipertandingkan.



KURANG pengalaman merupakan faktor yang menjadi penghalang kepada atlet tenis untuk menyerlah.



MENUJU KE GARIS PENAMAT ... Cabaran sengit yang diberikan oleh atlet negara berjaya menyumbang satu pingat gangsa bagi acara olahraga.

SUKAN

Atlet larian beri saingan sengit

KUALA LUMPUR, Isnin, 27 November. - Kedua-dua atlet balapan dan padang Orang Berkeperluan Khas negara memberi saingan yang membanggakan di Kejohanan Sukan Kurang Upaya Timur Jauh dan Selatan Pasifik (FESPIC) KL06 sekalipun gagal menyumbang pingat di Stadium Kebangsaan Bukit Jalil.

Ampuan Yusri Ampuan Yusof yang menghadiri cabaran menerusi acara 400 meter bagi Kategori T20 (Kurang Upaya Interlek) bagaimanapun gagal menerjemahkan harapan untuk mara ke final apabila hanya berjaya membuat pecutan larian 13.27 saat.

Beliau juga akur dengan kehebatan pelari dari Hong Kong, Cheung Che Wai memperoleh pingat emas, Tokushima Shing (Jepun) menerima pingat perak dan pelari India, Suryatna Jajang membawa pulang pingat gangsa.

Ampuan Yusri yang baru julung kali menyertai kejohanan FESPIC telah memulakan saingan menerusi acara 100 meter namun lariannya dengan catatan 13.27 saat gagal membantunya mara ke final.

Dalam acara 200 meter, Ampuan Yusri gagal mara ke peringkat akhir apabila menduduki tangga terbawah pada peringkat saringan dengan catatan masa 29.86 saat.

Pada acara lompat jauh pula, Ampuan Yusri yang menampilkan saingan terbaiknya sekadar menduduki tempat ke 10 dengan lompatan sejauh 4.12 meter berbanding peserta dari Iran, Farhadi yang mengondol pingat emas dengan kejauhan 6.20 meter.

Sementara itu, pecutan Dk. Norol Afizah Pg. Osman dalam saringan acara 400 meter juga gagal membantunya mara ke final

selepas mencatat larian 1:29.39 saat.

Sebelum ini, beliau juga tercicir pingat pada acara akhir 100 meter bagi Kategori Kurang Upaya Interlek Wanita dengan catatan 16.65 saat untuk menduduki tangga ke 10 dari 12 peserta.

Manakala Dk. Norol Afizah yang mencatat 37.63 saat bagi peringkat saringan 200 meter wanita Kategori Kurang Upaya Interlek mengakhiri saingan tanpa pingat pada Sukan FESPIC KL06.

Sekalipun kedua-dua atlet itu gagal mengulung

pingat, persaingan yang mereka tunjukkan perlu mendapat pujian apabila mampu memberi saingan sengit kepada peserta ASEAN sekalipun lemas ketika berdepan dengan peserta yang pernah menyertai kejohanan Para Olimpik.

"Pengalaman bersama atlet yang sudah menempa nama pada peringkat antarabangsa ini merupakan sesuatu yang terbaik malah ia merupakan landasan untuk memberikan semangat dan keyakinan pada persaingan yang akan datang," jelas Ampuan Yusri.



Liputan:
Samli Haji Jait
samli.jait@
information.gov.bn
Foto:
Ampuan Haji
Mahmood
Ampuan Haji
Tengah
dari
Kuala Lumpur



PINGAT GANGSA ... Sibuan Haji Kalong meraikan kejayaan selepas meraih pingat gangsa menerusi acara javelin dengan lontaran 30.57 meter.

Habuan gangsa dari javelin

KUALA LUMPUR, Selasa, 28 November. - Sekalipun sekadar kilauan pingat gangsa, kejayaan itu sudah cukup memberi erti kepada Sibuan Haji Kalong untuk menyumbang pingat sulung kepada kontinjen negara yang bersaing di Kejohanan Sukan Kurang Upaya Timur Jauh dan Selatan Pasifik (FESPIC) KL06 di Stadium Kebangsaan Bukit Jalil, di sini.

Kejayaan pingat sulung itu diperolehi menerusi acara javelin Kategori Kurang Upaya Penglihatan sekali gus mengakhiri penantian untuk meraih pingat, di samping memberi semangat kepada atlet yang lain terutama ketika memberi saingan kepada peserta-peserta yang pernah mengikuti kejohanan Para Olimpik dari Asia dan Oceania.

"Saya bersyukur atas kejayaan ini sekali gus mengubati kehampaan selepas gagal pada acara lempar cakera sebelum ini. Kejayaan ini juga membuktikan

kesungguhan dan azam yang tinggi untuk memberi persaingan dan memperlihatkan pasukan kita juga mampu memberi saingan," jelasnya.

Beliau yang memegang rekod Para Games di Manila bagaimanapun tidak mampu memperbaharui apabila hanya melontar 30.57 meter berbanding pemegang pingat emas dari Malaysia, Lew Sheng Chow yang mencipta 33.84 meter, sementara peserta dari Chinese Taipei 32.08 meter untuk merebut pingat perak.

Sibuan mengakui kejohanan FESPIC merupakan satu persaingan lebih mencabar dengan bertamahnya penyertaan dari negara-negara yang sudah biasa bersaing dalam Para Olimpik, sukan terbesar atlet Orang Kurang Upaya.

"Penyertaan mereka tidak melunturkan semangat saya untuk memberi saingan dan kemenangan itu membuktikan kesungguhan," ujarnya.

Sementara itu, atlet pi-

ngat emas negara, Rosli Haji Hastan yang mencipta rekod baru pada Sukan Para ASEAN di Manila gagal meraih kejayaan pada pertemuan FESPIC apabila menduduki tangga kelima dengan catatan 40.93 meter.

Bagaimanapun kedudukan Rosli adalah terbaik di kalangan peserta ASEAN tetapi akur dengan kehebatan peserta dari China, Ha Silao untuk mengondol pingat emas dan dua peserta dari Sri Lanka, Udaya dan Wesley masing-masing merebut pingat perak dan gangsa.

Seorang lagi peserta wanita negara, Jusnani Haji Kamis kurang menyerlah bagi acara javelin Kategori F46 (Kurang Upaya Anggota) apabila sekadar mencipta lontaran sejauh 14.55 meter.

Pada acara itu, peserta dari China, Wu Hong Ping memperoleh pingat emas dan peserta dari Thailand dan Fiji masing-masing memperoleh pingat perak dan gangsa.

Perbaharui rekod peribadi

KUALA LUMPUR, Isnin, 27 November. - Tiga atlet javelin dan atlet lempar cakera yang mewakili negara di Kejohanan Sukan Orang Kurang Upaya Timur Jauh dan Selatan Pasifik (FESPIC) Kuala Lumpur berjaya memperbaharui rekod yang dilakukan pada Sukan Para ASEAN di Republik Filipina 2005 lalu.

Sekalipun gagal menemui sentuhan pingat acara javelin Kategori F42, John Vianni anak Chandau meraih tangga kelima selepas menewaskan tujuh pencabar yang lain dengan catatan 35.90 meter sekali gus meleburkan rekod peribadinya 33.60 meter yang dicipta di Republik Filipina.

"Bersaing dengan atlet Para Olimpik merupakan satu cabaran kepada saya tetapi kejayaan meleburkan rekod peribadi merupakan satu kejayaan terbaru yang membanggakan," jelasnya yang menyertai acara javelin Kategori F42 di Stadium Kebangsaan Bukit Jalil, di sini.

Shahri Haji Jumaat yang akur menduduki tangga kelima bagaimanapun berpuas hati mengalahkan peserta dari negara ASEAN

kecuali Viet Nam dan lebih dari itu berjaya mencipta rekod baru dengan catatan 22.72 meter meleburkan rekod peribadi sejauh 21.24 meter.

Katanya, peserta China, Iran, Jordan dan Viet Nam mempunyai kelebihan dari segi kemahiran sehingga berjaya merangkul tangga teratas.

Hirdan Haji Abd. Kadir yang menduduki tangga ke 10 pada persaingan javelin Kategori F55 bagaimana-

pun lega memperbaharui rekod peribadi Sukan Para ASEAN di Filipina sejauh 17.26 meter kepada 17.73 meter.

Sementara itu, Jusnani Haji Kamis yang menduduki tangga kelima dalam acara lempar cakera Kategori F45 dengan catatan 17.43 meter hanya berpuas hati memperbaharui rekod peribadi sejauh 16.25 meter yang dicipta di Sukan Para ASEAN di Filipina.



JUSNANI Haji Kamis menduduki tangga kelima selepas melontar sejauh 14.55 meter acara javelin.

Rosli leburkan rekod

KUALA LUMPUR, Ahad, 26 November. - Atlet Orang Berkeperluan Khas negara, Rosli Haji Hastan akur terlepas dari meraih pingat gangsa setelah diatasi oleh pencabar terdekatnya dari Wallis et Futuna bagi acara lempar cakera Kategori F44 (Kurang Upaya Anggota) pada Kejohanan FESPIC KL06, di sini.

"Saya telah berjaya menduduki tempat ketiga pada lontaran pusingan pertama dan kedua tetapi Falelavaki Tony akhirnya berjaya memintasi kedudukan itu di saat akhir," jelasnya yang berjaya membuat lontaran 36.06 meter sekali gus menduduki di tempat keempat.

Bagaimanapun kehampanaan atlet negara itu terubat sedikit dengan kejayaan memecahkan rekod peribadinya sejauh 35.00 meter yang dicipta pada Kejohanan ASEAN Para Games di Manila.

Menurutnya, kegagalan itu tidak melunturkan semangatnya malah sebagai dorongan semangat untuk membuat persiapan yang lebih gigih dan rapi bagi menghadapi kejohanan yang lebih mencabar di masa akan datang.

Sementara itu, Alihan Muda yang menyertai lempar cakera Kategori F35 (Spastik) hanya menduduki tangga kelapan selepas berjaya melontar 24.52 meter.

Persaingan kategori itu menyaksikan kehebatan peserta China, Guo Wei yang berjaya mencipta rekod sukan FESPIC yang baru dengan lontaran sejauh 47.07 meter untuk meleburkan rekod rakan senegara, Yan Feng yang tercipta di Busan.

Seorang lagi wakil dari China, Fu Xinhua juga lega dengan kejayaan merangkul pingat perak menerusi lontaran sejauh 43.65 meter bagi menewaskan pencabarnya dari Iran, Kaeidi Mohsen yang sekadar memperoleh pingat gangsa.

Sementara itu, dua peserta negara yang menyertai acara lempar cakera Kategori F55 (Kerusi Roda) juga gagal memperoleh sebarang pingat sekalipun memberi cabaran baik kepada 18 peserta yang lain.

Hirdan Haji Abd. Kadir menduduki tempat ke 10 dengan catatan 19.90 meter, sementara Shahri Haji Jumaat yang mencatat lontaran sejauh 18.85 meter menduduki tangga ke 12.



DK. Norol Afizah Pg. Osman ketika bersaing dalam acara 100 meter kategori Kurang Upaya Interlek.



AMPUAN Yusri ketika beraksi dalam acara lompat jauh (kiri).

ACARA buang peluru Kategori F44 yang memperlihatkan aksi Rosli Haji Hastan (bawah).



Persaingan F55 itu telah dimenangi oleh Bagherijedi Jalil dari Iran yang mencipta rekod baru sukan FESPIC selepas menyingkirkan atlet Viet Nam, Trinh Congluan dan Zhang Yingbin dari China yang masing-masing memperoleh pingat perak dan gangsa.

"Persaingan dalam kategori ini memang sangat mencabar tetapi ia merupakan satu dorongan yang berguna kepada saya untuk memperbaiki pencapaian," John Vianni anak Chandau menduduki tangga kelima se-

lepas berjaya mencatat lemparan 29.15 meter dalam Kategori F42 (Kurang Upaya Anggota).

Bagaimanapun beliau gembira selepas berjaya menewaskan peserta dari India, Australia, Myanmar dan dua peserta Viet Nam.

Kategori tersebut telah dimenangi oleh peserta dari China, Wang Lezheng dengan mengungguli pingat emas sekali gus menyingkirkan peserta Iran, Salbi Vahab dan Thongdee Satian dari India.

SUKAN

Bendera negara berkibar megah di Perkampungan Atlet

DOHA, QATAR, Rabu, 29 November. - Lagu 'Allah Peliharakan Sultan' berkumandang megah di Plaza Bendera, Perkampungan Atlet sempena Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam di temasya Sukan Asia Ke-15.

Lagu yang menjadi lambang kemegahan rakyat dan negara setentunya akan dapat membakar semangat para atlet negara, di samping menjadi pendorong kuat kepada para atlet untuk berjuang mencapai kejayaan di sukan yang berprestij di benua Asia.

Semogalah lagu kebangsaan kita akan menjadi realiti berkumandang di bumi Doha.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan upacara gilang-gemilang itu.

Selain, bendera negara, bendera Republik Indonesia dan Tajikistan juga dinaikkan di upacara itu yang dimulakan dengan Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan kita.

Bendera kebangsaan diapit oleh bendera kebangsaan Indonesia di sebelah kanan dan bendera Tajikistan di sebelah kiri.

Sebelum acara menaikkan bendera dilangsungkan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima cenderamata yang berbentuk teko minuman tradisi orang-orang Qatar yang disumbangkan oleh Datuk Bandar Perkampungan Atlet Sukan Asia Ke-15, Tuan Yang Terutama Ahmad Al-Khulaifi.

Selepas itu, DYTМ berkenan pula mengurniakan cenderamata dari Negara Brunei Darussalam kepada Tuan Yang Ter-

utama. Cenderamata itu berbentuk 'padian' iaitu tradisi orang-orang dahulu berniaga di Kampong Ayer yang diperbuat daripada perak.

TYT Ahmad Al-Khulaifi dalam ucapan alu-aluannya mengalu-alukan kontinjen negara yang ber-tanding dalam temasya sukan kali ini.

Menurut TYT, sukan berkenaan akan menjadi lambang perpaduan dan solidariti bagi negara-negara benua Asia yang hampir berjumlah lebih tiga bilion orang sesuai dengan temanya 'The Games of Your Life.'

Upacara yang menjadi tradisi di temasya-temasya sukan, lazimnya dilakukan oleh setiap negara tuan rumah yang mengelolakan sukan berprestij bagi rantau Asia sebagai mengalu-alukan penyertaan negara-negara ke temasya sukan yang diadakan empat tahun sekali itu.

Juga turut menyaksikan upacara itu ialah Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam, Tuan Haji Ali Hassan bin Haji Mohd. Salleh, Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Awang Japar bin Bangkol dan Pegawai-pegawai Urusetia Kontin-



Oleh:
Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@
information.gov.bn
Foto: Haji
Masmaleh
Haji Mohd. Ali
dari Doha, Qatar



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mengemulangi barisan kontinjen Negara Brunei Darussalam di Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan di Flag Plaza, Perkampungan Atlet.

jen negara serta para atlet boling negara.

Pada temasya sukan di sini, negara akan memper-taruhkan harapan tinggi bagi menggalas cabaran Doha di bahu tujuh atlet negara terdiri daripada tiga atlet boling, Md. Shawal bin Haji Mustafa, Ak. Aizat bin Pg. Abu Samah

dan Haji Yaakub bin Haji Bakar.

Sementara atlet karatido pula membariskan Mohd. Sofian bin Abdullah, Haji Eddie Jofrains bin Haji Johari, Mohammad Fazil Rewandie bin Mohd. Faizal dan Haji Abdul Malik bin Mohd. Zaini.

Keberangkatan ke penginapan atlet suntik semangat

DOHA, QATAR, Rabu, 29 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bersabda memberikan nasihat dan kata-kata perangsang bagi menaikkan dan menyuntik semangat juang para atlet negara ke Sukan Asia Edisi Ke-15 di sini.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian semasa berbual mesra bersama para atlet bowling negara sempena keberangkatan lawatan DYTМ ke penginapan atlet negara yang terletak di blok 32, Perkampungan Atlet.

Dalam pada itu DYTМ, di samping beramah mesra juga mendengar tentang persiapan dan latihan yang telah dijalankan sebelum menghadapi bahang Sukan Asia.

Keberangkatan DYTМ di penginapan atlet negara dijunjung oleh Awang Haji Mohd. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani selaku Ketua Urusetia Kon-



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah meninjau dewan para atlet di Perkampungan Atlet (kiri), sementara gambar kanan, DYTМ berkenan menerima kunjungan ziarah Mohd. Shahwal bin Haji Mustafa, pemain boling sejour berangkat tiba di Perkampungan Atlet di Doha, Qatar.

tinjen Negara ke Sukan Asia serta Pegawai-pegawai Urusetia.

Semasa berada di tempat penginapan itu, DYTМ berpeluang meninjau tentang kemudahan yang disediakan oleh pihak penganjur bagi para kontinjen negara antaranya termasuk peralatan IT.

Di samping itu, DYTМ juga diberikan penerangan mengenai jadual latihan serta meninjau bilik perubatan, bilik-bilik para



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dijunjung dan dialu-alukan oleh kontinjen Negara Brunei Darussalam di Doha, Qatar.

DYTМ berangkat tiba di Doha

DOHA, QATAR, Rabu, 29 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di sini kira-kira jam 6.00 pagi waktu tempatan dan 11.00 pagi waktu Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri temasya Sukan Asia Ke-15.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha dialu-alukan oleh Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Qatar, Tuan Haji Ali Hassan bin Haji Mohd. Salleh, Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-15, Awang Japar bin Bangkol selaku Chef de Mission serta Mohd. Yusof bin Murad, Penyelaras Protokol Sukan Asia selaku wakil Jawatankuasa Majlis Olimpik Qatar (OCA).

Juga mengalu-alukan keberangkatan tiba DYTМ ialah Pegawai-pegawai Urusetia Kontinjen Negara.

Semasa berada di sini DYTМ akan berangkat menghadiri pembukaan rasmi sukan berkenaan. Di samping itu, DYTМ akan berangkat menghadiri Perhimpunan Agung Majlis Olimpik Asia Ke-22 yang diadakan sempena Sukan Asia di sini. Selain itu, DYTМ juga akan berangkat meninjau Perkampungan Atlet bagi negara kita dan juga akan meninjau sesi latihan para atlet.

Sukan yang menjadi lambang kemegahan negara-negara Asia edisi ke-15 itu akan mempertandingkan 39 acara dengan disertai oleh 45 buah negara gabungan OCA. Sukan Asia akan berlangsung selama 15 hari bermula 1 hingga 15 Disember depan.

Negara Brunei Darussalam di edisi kali ini akan mempertaruhkan sukan tenpin bowling dan karatido untuk menggalas cabaran Doha dengan menampilkan barisan tujuh orang atlet.



pegawai urusetia dan atlet. Terdahulu sebelum itu, DYTМ berangkat meninjau prasarana dan kemudahan yang terdapat di Perkampungan Atlet.

Mula-mula DYTМ meninjau dewan makan para atlet 45 buah negara yang mempunyai keluasan padang bola sepak.

Semasa berada di dewan tersebut, DYTМ berkesudian menikmati makan tengah hari yang ketika itu dipenuhi oleh para atlet

dari pelbagai negara.

Dari dewan makan, DYTМ meneruskan tinjauan ke beberapa galeri yang terdapat di perkampungan berkenaan, antaranya Studio Penggambaran Tradisi, galeri yang menjual pelbagai cenderamata Sukan Asia dan juga meninjau persekitaran Perkampungan Atlet.

DYTМ menghabiskan hampir tiga jam bagi meninjau Perkampungan Atlet sebelum berangkat ke

Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam kira-kira jam 4.00 petang. Perkampungan Atlet dibina bagi menempatkan 10,300 orang atlet dari 45 buah negara. Selepas Sukan Asia, perkampungan itu akan menjadi sebahagian kompleks pusat perubatan kota yang akan mempunyai 1,000 buah katil hospital, kemudahan untuk kanak-kanak, ortopedik, pusat dialisis, pakar ubat dan dewan rawatan.



BENDERA Negara Brunei Darussalam berkibar megah di Perkampungan Atlet, Sukan Asia Ke-15 di Doha, Qatar.

SUKAN

Sukan Asia dengan tema 'The Games of Your Life' dirasmikan

DOHA, Jumaat, 1 Disember. - Tirai Sukan Asia Edisi Ke-15 telah dibuka dengan rasminya dalam suasana penuh gilang-gemilang di Stadium Khalifa, di sini hari ini.

Bermula hari ini sehingga 15 Disember depan para atlet benua Asia akan bertanding dalam 423 acara dari cabang 39 disiplin sukan. Walau bagaimanapun beberapa acara sukan telah bermula sejak seminggu yang lalu.

Dengan bertemakan 'The Games of Your Life', sukan terbesar di benua Asia dan menjadi lambang kemegahan negara-negara Asia itu merupakan kali kedua berlangsung di bumi Timur Tengah semenjak Tehran, Republik Islam Iran menjadi tuan rumah pada tahun 1974.

Berangkat menghadiri pembukaan rasmi yang penuh warna-warni ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Temasya sukan yang dianggap paling besar dalam sejarah Sukan Asia sejak mula diadakan pada tahun 1951 di New Delhi, India disertai oleh lebih 13,000 atlet dari 45 buah negara Asia Tengah, Timur Tengah, Asia Timur dan Asia Tenggara.

Negara-negara yang menyertai temasya itu terdiri dari Afghanistan, Bahrain, Bangladesh, Bhutan, Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Rakyat China, Korea

Utara, Timor Leste, Hong Kong China, India, Republik Indonesia, Iran, Iraq, Jepun, Jordan, Kazakhstan, Republik Korea, Kuwait, Kyrgyzstan, Laos, Lebanon, Macau, Malaysia, Maldives, Mongolia, Myanmar, Nepal, Oman, Pakistan, Palestin, Republik Filipina, Qatar, Arab Saudi, Republik Singapura, Sri Lanka, Syria, Chinese Taipei, Tajikistan, Thailand, Turkmenistan, Emiriah Arab Bersatu, Uzbekistan, Viet Nam dan Yemen.

Bagi Negara Brunei Darussalam, inilah merupakan kali keempat sejak menyertai pada tahun 1990 di Beijing, China; Hiroshima, Jepun 1994, Bangkok, Thailand 1998 dan Busan, Republik Korea tahun 2002.

Sepanjang penyertaan itu, negara telah meraih empat pingat gangsa menerusi dua acara iaitu karatedo dan sepak takraw pada tahun 1994, 1998 dan 2002.

Di edisi ke-15 ini, negara hanya menghantar tujuh orang atlet dalam dua jenis sukan, boling dan karatedo.

Diketahui oleh Awang Japar bin Bangkol selaku Chef de Mission, kontinjen Negara Brunei Darussalam dengan megah berbaris memasuki stadium utama sebagai negara keempat mengikut abjad.

Barisan negara didahului oleh pembawa Bendera Kebangsaan berwarna kuning, putih dan hitam, Mohd. Shahwal Haji Mustafa, atlet negara yang bertanding dalam acara boling.

Dalam temasya ke-14 di Busan, Republik Korea, negara kita menduduki tempat ke-36 dengan satu pingat gangsa bersama-sama dengan Yemen, Palestin dan Afghanistan.

Stadium Khalifa, sebuah stadium yang dianggap termoden dan termahal di dunia bermandikan cahaya yang bergemerlapan. Upacara pembukaan rasmi dihiasi dengan tradisi masyarakat Timur Tengah sambil disulami dengan kreativiti teknologi tinggi dan menarik seperti pembukaan Sukan Olimpik Sydney 2000 dan Sukan Olimpik Athens 2004.

Kira-kira 8,000 suka-relawan termasuk artis daripada 20 buah negara membuat persembahan. Mereka memperagakan 10,000 busana yang diperbuat daripada 50 kilometer fabrik termasuk 1,000 renda emas. Mereka juga telah melakukan pergerakan dengan 7,300 props, 40 km kabel, 58 km wayar keluli dan 2,370 tan keluli.

Fakta ini cukup hebat yang menandakan pembukaan rasmi Sukan Asia Doha adalah yang termahal dan menakjubkan pernah disaksikan. Ini terbukti bilamana pembukaan rasmi itu disaksikan oleh tiga bilion orang menerusi kaca televisyen dan 50,000 penonton di stadium serba canggih yang dilengkapi bumbung 'terapung'.

Menurut Presiden Majlis Olimpik Asia (OCA), Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmad Al-Fahad Al-Sabah dalam perutusan di buku cenderamata sempena pembukaan rasmi Sukan Asia, bidang sukan mengajar kita erti persahabatan dan harmoni menjauhkan kita daripada keganasan.

"Dari itu, bermula malam ini kita hendaklah berikrar menjadikan hidup kita penuh keamanan, toleransi dan solidariti," tegas Tuan Yang Terutama.

Mengenai pembukaan rasmi itu, TYT menjelaskan ianya adalah sesuatu yang unik kerana ianya bukan sahaja membawa para belia Asia di bawah satu bumbung tetapi juga menunjukkan tentang kepelbagaian kebudayaan negara-negara Asia.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Sheikh Tamim bin Hamad Al-Thani, Pengerusi Lembaga Pengarah-pengarah Jawatankuasa Pengelola Sukan Asia Doha (DAGOC) dalam perutusannya menegaskan bahawa Sukan Asia kali ini akan menyaksikan perayaan-perayaan sukan, kebudayaan dan spiritual kemanusiaan.

"Saya berjanji, sukan ini merupakan satu pengalaman yang tidak akan dapat dilupakan," jelas DYT.



Laporan :
Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@
information.gov.bn
Foto :
Haji Masmaleh
Haji Mohd. Ali
dari Doha, Qatar

Tinjau latihan boling

DOHA, Qatar, Khamis, 30 November. - Sehari sebelum bermula pertarungan Sukan Asia Ke-15 di sini, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam mengambil peluang keemasan untuk meninjau para atlet boling negara menjalani latihan di Pusat Boling Qatar.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia itu merupakan satu penghormatan kepada skuad boling negara dalam misi untuk mencari kejayaan bagi mengulangi pencapaian yang ditunjukkan oleh atlet karatedo negara pada Sukan Asia Ke-14 di Busan, Republik Korea.

Sesungguhnya keprihatinan DYT juga dapat menyuntik dan membakar semangat berkobar-kobar barisan atlet bagi meraih pingat untuk negara.

Ketibaan DYT yang disertai oleh Awang Japar bin Bangkol, Chef de Mission Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia, Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Qatar, Tuan Haji Ali Hassan bin Haji Mohd. Salleh, di pusat tersebut disambut oleh Haji Mohd. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani, Ketua Urusetia Kontinjen Negara.

Barisan boling negara terdiri dari Mohd. Shahwal bin Haji Mustafa, Ak. Aizat Pg. Abu Samat dan Haji Yaakub Haji Bakar.

Trio negara akan turun ke gelanggang boling untuk memulakan cabaran dua hari selepas pembukaan rasmi sukan yang terbesar di rantau ini pada 1 Disember.

Mereka akan bertanding dalam acara perseorangan pada 3 Disember, bergu pada 4 Disember, trio pada 5 Disember dan berpasukan pada 7 dan 8 Disember.

PENUH PERHATIAN ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dengan penuh minat berangkat menyaksikan para atlet boling negara menjalani latihan di Pusat Boling Qatar.



AWANGKU Aizat dan Mohd. Shahwal Haji Mustafa semasa menjalani latihan pemanasan badan di Pusat Boling Qatar.



MEGAH ... Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Awang Japar bin Bangkol, Chef de Mission berbaris megah memasuki Stadium Khalifa dengan didahului oleh pembawa Bendera Kebangsaan, Mohd. Shahwal Haji Mustafa.



GILANG-GEMILANG ... Upacara Pembukaan Rasmi Temasya Sukan Asia Ke-15 di Stadium Khalifa berlangsung dengan penuh gilang-gemilang di Bandar Raya Doha.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna ketika berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

TEKNOLOGI CANGGIH MUDAHKAN TUGAS PENJAGAAN KESIHATAN

GADONG, Isnin, 4 Disember. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah bersabda, dengan kecanggihan teknologi masa kini para jururawat dan bidan mempunyai peralatan pendidikan yang lebih berkesan bagi memperbaiki tahap keupayaan pembelajaran, di samping melaksanakan tugas-tugas penjagaan kesihatan harian agar lebih mudah serta efisien dan yang lebih penting selamat bagi para pesakit.

Yang Teramat Mulia bersabda demikian pada Majlis Perasmian Persidangan Kejururawatan Antarabangsa Dwi-tahunan Ke-7 berlangsung di sebuah hotel terkemuka di sini.

Menurut sabda YTM, para jururawat dan bidan mempunyai peranan melibatkan penyediaan penjagaan asas dan kakitangan sokongan, termasuk kepabagiaan tugas sebagai pendidik, pakar dan pentadbir.

Pada majlis itu YTM juga bersabda, walaupun

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn
Zahrani Haji Bojeng



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah bersabda di Majlis Perasmian Persidangan Kejururawatan Antarabangsa Dwi-tahunan Ke-7. - Foto: Halim Haji Sulaiman.

negara kita kecil dengan rakyatnya kira-kira 350,000 orang, kita sangat bertuah kerana mempunyai sumber asli yang dapat digunakan bagi meningkatkan tahap kehidupan para penduduk.

Penjagaan kesihatan sabda YTM, akan sentiasa menjadi keutamaan dalam matalamat pembangunan negara dan ini digambarkan melalui kadar kematian

kanak-kanak damit yang rendah selaras dengan piawaian negara membangun.

YTM menambah sabda, dari perspektif profesion kejururawatan dan bidan kita mengakui adalah penting untuk menggalakkan para jururawat dan bidan ke arah agenda pembaharuan melalui pencapaian kepakaran akademik yang berterusan.

Maktab Jururawat pada

masa ini, sabda YTM telah menawarkan Program Lanjutan (Post Registration Programmes) untuk memenuhi permintaan bagi melahirkan lebih ramai pakar terutamanya bagi penjagaan pesakit kronik seperti penyakit barah dan buah pinggang.

Ke arah memperkukuhkan akademik maktab ini jelas YTM, secara rasmi ia akan dihubungkan dengan Universiti Brunei Darussalam di masa akan datang.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad dan ahli jawatankuasa penganjur.

Berangkat sama ialah YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah.

yang tinggi. Ke arah memastikan sistem pendidikan Negara yang dihasratkan itu, Yang Berhormat Pehin menambah perlu wujud 'benchmarking' yang bertepatan untuk melihat kedudukan sistem pendidikan Negara berbanding dengan yang terbaik di arena antarabangsa.

Majlis permuakarah dalam kumpulan yang besar yang bertujuan untuk memberi peluang bagi semua pihak di Kementerian Pendidikan untuk berinteraksi dan bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pendapat dalam usaha untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan Negara dan pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21.

Menamatkan lawatan

BERAKAS, Khamis, 30 November. - Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah, berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam setelah menamatkan rangka keberangkatan diraja Kunjungan Perpisahan ke negara ini.

Berangkat mengiringi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Oleh: Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

Juga berangkat ke lapangan terbang bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah dan ahli kerabat diraja yang lain.

Sebelum berangkat, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Sebelum menaiki pesawat khas, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri

Agong diberi penghormatan barisan kawalan statik Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Sirajuddin dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah, berada di negara ini dalam rangka keberangkatan diraja Kunjungan Perpisahan selama dua hari.

Tuanku Syed Sirajuddin adalah Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-12 yang akan menamatkan penggal perkhidmatan.

Baginda akan digantikan oleh Sultan Terengganu sebagai Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13.

Harga berpatutan bantu henti penggunaan hidrokarbon berlebihan

BERAKAS, Jumaat, 24 November. - Meletakkan nilai atau harga yang berpatutan kepada sumber hidrokarbon merupakan antara langkah efektif dalam menghentikan penggunaan yang berlebihan daripada keperluan atau penyalahgunaan terhadap sumber-sumber yang bernilai ini.

Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya menyatakan perkara tersebut semasa merasmikan Pertunjukan Brunei Energy Association (BenA) 2006.

Pertunjukan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa ini bertepatan 'Menyediakan Sarana Bagi Pembangunan Yang Berdaya Tahan'.

Jelas Yang Berhormat, negara kita dikenali dengan harga elektrik yang termurah, di samping harga pamp yang terendah bagi minyak kereta dan gasolin.

Oleh: Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

Namun semua ini, tegas Yang Berhormat telah mengakibatkan penggunaan elektrik yang tertinggi bagi setiap penduduk malah mengalahkan negara-negara yang lebih maju dan negara pengeluar barangan perusahaan di rantau ini selain jumlah kereta yang paling banyak bagi setiap penduduk atau setiap batu jalan raya.

"Ini bukan pencapaian yang patut kita megah-megahkan," tekan Menteri Tenaga.

Untuk mengelakkan penyalahgunaan tersebut jelas Yang Berhormat, kita hendaklah menggalakkan pengurusan dan penggunaan tenaga yang bijak serta efisien dengan melaksanakan tatacara dan teknologi-teknologi sedemikian.

Perkara ini, jelas Yang Berhormat amat mudah untuk disarankan tetapi amat sukar

untuk dilaksanakan kerana dengan kenaikan harga tenaga pada masa ini kita tidak ada pilihan lain malah menurutnya mendapati banyak bangunan dan peralatan yang reka bentuknya tidak menjimatkan penggunaan tenaga.

Yang Berhormat mengesyorkan perlunya orang ramai dididik betapa penting dan mendesakannya memelihara dan menjimatkan tenaga dalam erti kata tidak semestinya menyerahkan tugas tersebut kepada pihak sekolah sepenuhnya untuk melakukannya, malah yang sesuai dalam hal ini ialah amalan di rumah dan tunjuk ajar ibu bapa dengan menanamkan cara hidup ke arah penggunaan tenaga rendah.

Dalam pada itu, kata Yang Berhormat skim-skim galakan dan kemudahan bagi memperkenalkan penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui perlu diteroka secepat mungkin di negara ini.

Menyentuh sistem pendekatan bersepadu ke arah penglibatan seluruh lapisan masyarakat, Yang Berhormat menegaskan adalah amat perlu bagi masyarakat diberikan kesedaran untuk sama-sama membantu dalam usaha ini.

Menteri Tenaga menyeru supaya lebih banyak lagi badan bukan kerajaan dan orang perseorangan serta kementerian-kementerian kerajaan turut serta dalam usaha murni itu.

Usaha yang diungkapkan oleh BenA ini merupakan salah satu langkah penting yang dibuat oleh badan bukan kerajaan untuk mencapai matlamat pembangunan berdaya tahan.



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya menyaksikan pameran sejour merasmikan Pertunjukan Brunei Energy Association (BenA) 2006. - Foto: Pg. Ibrni Pg. Haji Hidup.

Dari muka 1

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai pencapaian penuntut bagi mata pelajaran Inggeris, Sains dan Matematik bahawa peratus penuntut-penuntut di sekolah-sekolah kerajaan yang mengambil mata pelajaran Sains khusus pada peringkat 'O' level dari tahun 2001 hingga ke tahun 2005 adalah dalam tahap sekitar 18 peratus sahaja. Ini adalah merupakan jumlah yang begitu kecil berbanding dengan jumlah penuntut yang berada di semua sekolah menengah di negara ini. Manakala, bagi mata pelajaran Matematik dan Inggeris pula, peratus

tahap pencapaian di peringkat 'O' level memerlukan banyak lagi usaha peningkatan.

Melihat kepada kedudukan ini, adalah menjadi harapan kementerian untuk melipatgandakan peratus penuntut-penuntut mengambil mata pelajaran Sains kepada sekurang-kurangnya 36 peratus iaitu peningkatan kepada 100 peratus. Saya juga ingin melihat bagi pencapaian akademik penuntut bagi mata pelajaran Matematik dan Inggeris juga dipertingkatkan, mengambil kira bahawa pencapaian penuntut bagi mata pelajaran Matematik diperingkat 'O' level di tahun 2001 hingga 2004 adalah dalam sekitar 50 ke 60 peratus. Perkara ini akan dipertingkatkan lagi.

Kementerian Pendidikan juga tidak akan mengabaikan jurusan perguruan dan akan sentiasa mencari jalan di dalam memberi peluang dari segi kenaikan pangkat kepada guru-guru yang menunjukkan prestasi yang cemerlang.

Seperti pada sesi permuakarah yang pertama di bulan April 2006 yang lalu, Yang Berhormat terus menekankan kepentingan elemen kualiti dalam pendidikan. Menurut Yang Berhormat, sistem pendidikan yang berkualiti itu bukan sahaja menghasilkan sumber manusia yang berjaya dari aspek akademik malahan juga akan mampu melahirkan sumber manusia yang kompetitif, kreatif dan memiliki etika

HENTIKAN AIDS - TUNAIKAN JANJI هنتيكن إيدس - تونيكن جنجي

دربيكن اوله جيانن فرائغن، جيانن فردان منتري دان دحيق اوله جيانن فرحيقنن كراجان، جيانن فردان منتري، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba & Penyelamat

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Talian Kebajikan

141

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Selesema Burung

8984777

8985777

A MALAN menziarahi Ka'abah untuk melakukan haji adalah satu daripada Rukun Islam Kelima yang diwajibkan sekali seumur hidup kepada umat Islam yang berkemampuan. Seorang Islam yang menyempurnakan ibadat haji seolah-olah dia melengkapkan amalan agamanya.

Seperti dalam firman Allah dalam ayat 27 Surah Al-Hajj yang tafsirnya: "Dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan menunggang (unta dan lain-lain) mereka itu akan datang dari segenap penjuru yang jauh."

Manakala Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pula bersabda: "Barang siapa yang naik haji sedangkan dia tiada berkata kotor atau berbuat jahat, dia akan keluar dari hajinya suci seperti keluarnya bayi di hari dilahirkan oleh ibunya."

SEJARAH

Setiap tahun ribuan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan menunaikan fardu haji ke Mekah, di samping mengerjakan umrah.

Sebelum tahun 1954, urusan-urusan bagi menunaikan fardu haji adalah dikendalikan oleh Pejabat British Residen. Tetapi setelah penubuhan Pejabat Istiadat, Ugama dan Kebajikan pada tahun 1954, maka urusan hal ehwal haji dipindahkan ke Pejabat Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan.

Apabila Jabatan Hal Ehwal Ugama dipecahkan daripada Pejabat Istiadat, Ugama dan Kebajikan pada tahun 1960, maka ditubuhkanlah satu bahagian yang dinamakan Bahagian Urusan Haji, Jabatan Hal Ehwal Ugama di bawah Pengetua Hal Ehwal Ugama.

Walaupun Bahagian Urusan Haji secara langsung di bawah pengawasan Pengetua Hal Ehwal Ugama, tetapi dari segi pentadbiran dan pengelolaannya ia telah diawasi oleh seorang Pegawai yang dinamakan Pegawai Urusan Haji bertanggungjawab kepada sebuah badan yang dibentuk oleh Kerajaan dengan nama Jemaah Penasihat Haji.

Sebelum tahun 1965 jemaah-jemaah haji Brunei pergi ke Tanah Suci menggunakan kapal laut melalui Republik Singapura dengan menaiki kapal haji yang bernama di antaranya Kapal Angking dan Anshon, tetapi setelah tahun 1965 jemaah-jemaah haji Brunei telah mula menaiki kapal terbang, di samping ada juga yang masih mengikut kapal laut, tetapi mulai tahun 1975 pelayaran melalui kapal laut telah di-tiadakan dan semua bakal-bakal haji diangkut dengan kapal terbang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Apabila Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menubuhkan Ke-

menterian Hal Ehwal Ugama mulai 21 Oktober 1986, maka kerajaan juga telah bersetuju bagi mengadakan sebuah jabatan khas untuk menguruskan hal ehwal haji yang dinamakan sebagai Jabatan Urusan Haji dan Perhubungan Muslimin dengan melantik seorang Pengarah dan Penolongnya serta memindahkan semua pegawai-pegawai yang sebelumnya bertugas di Bahagian Urusan Haji dipindahkan ke jabatan baru itu.

Dengan tertubuhnya Jabatan Urusan Haji, maka semua urusan haji adalah sepenuhnya dikelolakan oleh jabatan tersebut termasuk perundingan-perundingan yang dibuat dengan pihak-pihak yang berkenaan di Arab Saudi dan hal ehwal penerbangan bagi pengangkutan bakal-bakal haji.

MENINGKAT

Adalah dicatatkan sejumlah 33 orang telah menunaikan fardu haji dengan menggunakan kapal laut pertama kali pada tahun 1965.

Menurut Pemangku Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Mustapa bin Pengiran Haji Aliuddin, menjelaskan ketika dihubungi oleh wakil PELITA BRUNEI, sejak tahun 1965 sehingga 2005, jumlah jemaah haji ialah hampir 57,000 orang.

Jumlah tersebut akan meningkat kepada 58,000 orang apabila lebih 1,000 jemaah akan menunaikan fardu haji pada tahun ini bermula esok, 7 Disember 2006.

Dari jumlah tersebut 54,537 orang jemaah yang menunaikan fardu haji yang menggunakan kapal terbang yang bermula sejak tahun 1965 hingga ke hari ini. Manakala 2,416 orang dicatatkan menunaikan fardu haji menggunakan kapal laut. Penggunaan kapal laut berjalan selama 20 tahun sehingga tahun 1974.

KEISTIMEWAAN

Para jemaah haji negara ini adalah sangat bertuah

ISTIMEWANYA JADI 'TETAMU ALLAH'



DI MANA pun berada, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa meluahkan masa beramah mesra bersama rakyat baginda. Dalam gambar, baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada jemaah haji Negara Brunei Darussalam semasa baginda menunaikan fardu haji ke Mekah pada tahun 1995. - Foto: Koleksi Haji Hussain bin Ahmad.

Oleh: Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

dan istimewa, bila mana mereka berpeluang menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama ahli kerabat diraja sebelum berangkat menunaikan Rukun Haji Kelima.

Inilah menunjukkan keprihatinan betapa kasih sayang yang tidak terhingga kepada rakyat dan penduduk negara ini dan identiti Brunei sebagai Melayu Islam Beraja berkekalan. Islam sebagai 'addin' berjaya diterapkan di dalam kehidupan sosiobudaya masyarakat Brunei.

**BERANGKAT
MENUNAIKAN
FARDU HAJI**

Baginda sendiri berkenan berangkat kali pertama menunaikan fardu haji ke Mekah pada 18 Julai 1987. Kemudian diikuti pada tahun 1991, 1992 (bersama ahli kerabat), 1993, 1994 dan 1995.

Selain daripada menunaikan fardu haji itu, baginda berangkat beberapa kali menunaikan umrah yang pertama kalinya pada tahun 1986.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam melangkah ke era baru perhubungan rasmi dengan Arab Saudi. Ia mula dijalinkan pada 1 Julai 1984, dan pada

tahun 1987, membuka pejabat perwakilan peringkat kedutaan di Riyadh. Kemudian disusuli pada bulan Oktober 1989 dengan Konsul Agung di Jeddah.

Bagi pihak Arab Saudi juga membuka pejabat perwakilannya di negara ini dalam tahun 1995 diketuai oleh seorang Kuasa Usaha.

Semenjak itu, kedua-dua buah negara terus menjalin persefahaman di bidang-bidang ekonomi, perdagangan, pelaburan, teknikal dan lain-lain. Dalam bidang keagamaan, Arab Saudi telah menyum-

bangkan kerjasama dan kebajikan untuk umat Islam di negara ini termasuk 'kuota haji' yang telah dipersetujui oleh OIC dalam tahun 1988, setiap negara hanya dibenarkan menghantar nisbah 1,000 jemaah haji bagi sejuta penduduk. Jika diikutkan nisbah ini, negara kita hanya dapat menghantar jumlah yang kecil pada setiap tahun. Dengan ihsan Kerajaan Arab Saudi, Negara Brunei Darussalam telah diberikan kebenaran khas yang membolehkannya menghantar jemaah 'kuota' OIC itu.

Setiap kali baginda menunaikan fardu haji, baginda juga berpeluang bertemu dan beramah mesra dengan rakyat baginda

yang menunaikan fardu haji di Mekah.

Sebahagian besar pegawai dan kakitangan kerajaan telah menunaikan fardu haji atas perbelanjaan kerajaan selepas berkhidmat selama 15 tahun yang bertujuan untuk meningkatkan syiar Islam dan mengekalkan kakitangan kerajaan menunaikan Rukun Islam Kelima.

Semua amalan yang dilakukan sepanjang ibadat haji, sama ada rukun, wajib atau sunatnya, adalah menjurus kepada penegekan terhadap keesaan Allah yang selama ini sering diyakini melalui hati dan dilafazkan secara lisan.

Dengan sekian banyak cabaran dan rintangan yang dihadapi ketika proses menyempurnakan tuntutan Rukun Islam Kelima ini, terlah banyak hikmah dan rahsia bakal diperolehi seseorang bakal haji.

Selain ketenangan jiwa dan keberkatan hidup, perjalanan di kedua-dua tempat bersejarah itu seharusnya membuka mata dan minda untuk melihat matlamat hidup ini tidak sekadar untuk kepentingan peribadi.

Hayatilah laungan talbiyah: "Kami datang kepada-Mu, ya Allah. Kami datang kepada Tuhan yang tidak bersekutu dengan sesuatu apa pun.

"Sesungguhnya segala pujian dan nikmat adalah milik-Mu. Tiada Tuhan lain yang disembah melainkan Engkau."



KUMPULAN jemaah haji melakukan sembahyang berjemaah di Masjidilharam, Mekah.

Program SSYEAP berikan banyak kemanfaatan

GADONG, Isnin, 20 November. - Persahabatan muhibah di kalangan belia ASEAN dan Jepun terus diperkukuhkan melalui Program Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP) sejak ia dianjurkan 33 tahun yang lalu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad berkata, program pertukaran belia itu telah memberi manfaat kepada lebih 8,000 orang yang berlainan latar belakang merentasi ASEAN dan Jepun.

Yang Berhormat berharap para belia yang menyertai program tajaan Jepun itu seharusnya menghargai peluang-peluang seumur hidup bagi mengukuhkan persahabatan muhibah di kalangan mereka.

"Pengalaman-pengalaman unik sepanjang hayat itu bukan hanya untuk menjalin persahabatan semasa dalam pelayaran tetapi juga bersama keluarga angkat," jelas Yang Berhormat di Upacara Selamat Datang SSEAYP yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun di sini.

Yang Berhormat yakin segala pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi oleh para belia melalui program itu akan memperluaskan perspektif kehidupan serta dapat membuat penilaian dan pertimbangan masing-masing.

"Ia merupakan kualiti yang bersesuaian dan bernilai untuk melahirkan pemimpin-pemimpin masa hadapan," Yang Berhormat menambah.

Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Metasim bin Haji Jibah dalam ucapan alu-aluannya di upacara itu antara lain menyeru para peserta program supaya akan menjalinkan persahabatan di kalangan belia-belia tempatan semasa berada di negara ini.

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn

Semasa membuat persinggahan selama lima hari di negara ini, para peserta program pertukaran belia seramai 319 berpeluang tinggal bersama keluarga angkat selama tiga hari dua malam serta mengadakan interaksi bersama belia-belia tempatan melalui acara Telematch yang diadakan pada 19 November lepas di Padang dan

Balapan, Kompleks Sukan Hassanah Bolkiah, Bera-kas.

SSEAYP yang membawa 319 belia telah memulakan pelayaran muhibahnya pada 4 November yang lalu dari Republik Singapura. Delegasi Negara Brunei Darussalam seramai 27 orang belia diketuai oleh Dayang Hajah Rosmawatiniah binti P.A. Haji Ibrahim.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad diperkenalkan kepada ketua delegasi di Upacara Selamat Datang Program Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP). - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



BENDERA Negara Brunei Darussalam diserahkan oleh Pemangku Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Leftenan Kolonel (U) Haji Muhd. Rashid bin Asut kepada Ketua Kontinjen, Leftenan Kolonel (U) Wardi bin Haji Abdul Latip. - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

Anggota TUDB dan TLDB sertai Latihan SAREX MALBRU

Oleh : Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

RIMBA, Isnin, 20 November. - Seramai 45 anggota Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) termasuk seorang pegawai Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) akan terlibat dalam Latihan SAREX MALBRU 07/2006.

Penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh Pemangku Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Leftenan Kolonel (U) Haji Muhd. Rashid bin Asut kepada Ketua Kontinjen, Leftenan Kolonel (U) Wardi bin Haji Abdul Latip.

Latihan SAREX MALBRU merupakan

latihan dua hala Mencari dan Menyelamat di antara Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang dilaksanakan setiap tahun secara bergilir-gilir sejak tahun 2000 di mana tahun ini SAREX MALBRU 07/2006 dihoskan oleh TUDM, Pangkalan Udara Labuan.

Objektif latihan itu adalah untuk meningkatkan kerjasama dan persefahaman bagi melicinkan tatacara perhubungan khususnya dalam operasi Mencari dan Menyelamat

(M&M) selain meningkatkan mutu perancangan, koordinasi dan proses implementasi dalam operasi M&M.

Ia juga bagi menilai dan mencadangkan inisiatif untuk meningkatkan tahap 'inter-operability' dan kesiapsiagaan kedua-dua belah pihak dalam operasi M&M serta memperkukuh, menjalin dan mengeratkan hubungan silaturahim semua peringkat anggota kedua-dua pihak yang terlibat.

Selain itu, SAREX MALBRU Siri 07/2006

akan mengenalkan sistem perhubungan kaedah IT bagi pertukaran maklumat dengan TUDM khususnya pertukaran data dalam bentuk grafik dan teks melalui alat-alat komputer di antara kedua-dua 'Rescue Search Centre', di samping menguji keberkesanan Menara Kawalan Udara Rimba dan peralatannya.

Majlis Penyerahan Bendera Negara yang diadakan di Pangkalan TUDB turut dihadiri oleh Penasihat Pertahanan Malaysia, Pengarah Gerakan, Pengarah Latihan dan pegawai-pegawai kanan TUDM.

PERADUAN MELUKIS MASKOT DAN COGAN KATA BAGI KECEKAPAN DAN PENJIMATAN TENAGA ANJURAN BAHAGIAN TENAGA, JABATAN PERDANA MENTERI

PENGENALAN

DALAM sebahagian usaha menyemai kesedaran dan keprihatinan kepada orang ramai akan pentingnya Kecekapan dan Penjimatan Tenaga, Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri menganjurkan peraduan untuk dijadikan sebagai Maskot dan Cogan Kata.

Lukisan Maskot dan Cogan Kata yang berjaya dalam peraduan ini akan digunakan sebagai Maskot dan Cogan Kata bagi Kecekapan dan Penjimatan Tenaga.

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PENYERTAAN

1. Penyertaan dibukakan kepada semua warganegara dan penduduk Negara Brunei Darussalam.
2. Berumur tidak kurang dari 14 tahun pada 6 Januari 2007.
3. Setiap penyertaan boleh mengandungi lebih dari satu lukisan lukisan Maskot dan Cogan Kata.
4. Setiap penyertaan boleh mengandungi Maskot + Cogan Kata; Maskot sahaja atau Cogan Kata sahaja.
5. Setiap Maskot mestilah diberi nama.
6. Setiap cogan kata mestilah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan boleh digunakan atau bersesuaian dalam pengertian kedua-dua bahasa.
7. Setiap peserta hendaklah menerangkan alasan atau sebab di sebalik ciptaan watak atau keperibadian Maskot tersebut termasuklah pengertian skim warna yang digunakan.
8. Setiap penyertaan adalah secara automatik menjadi hak milik Penganjur iaitu Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri.
9. Pihak Penganjur berhak secara mutlak untuk memilih lukisan Maskot dan Cogan Kata yang berjaya dan juga pihak Penganjur berhak untuk menggabungkan untuk penerbitan.
10. Pihak Penganjur berhak kepada Maskot dan Cogan Kata yang

berjaya untuk digunakan bagi sebarang penerbitan dan juga sebarang tujuan lain.

11. Ukuran atau saiz lukisan Maskot hendaklah 21 cm x 15 cm (separuh saiz A4).
12. Penggunaan alat-alat lukisan dan media
 - a. Warna air atau warna poster ; atau
 - b. Pensel warna; atau
 - c. Crayon atau campuran kedua-dua bahan di atas; atau
 - d. Disket atau CD dalam bentuk format JPEG (hendaklah disertakan dalam bentuk gambar cetak dan juga soft copy).
13. Setiap reka cipta hendaklah datangnya dari idea yang tulen, asli dan tersendiri.
14. Maskot hendaklah mencerminkan perspektif Brunei.
15. Cogan Kata hendaklah tidak melebihi daripada lima (5) patah perkataan yang mencerminkan perspektif Brunei yang berkisar dengan Kecekapan dan Penjimatan Tenaga; dan
16. Cogan Kata hendaklah menggunakan fon yang terang dan mudah dibaca.

PENGHANTARAN

1. Semua penyertaan hendaklah menyatakan butir-butir seperti berikut dengan menyertakan bersama salinan Kad Pengenalan:-
 - a. Nama ;
 - b. Alamat ;
 - c. Nombor Kad Pengenalan ;
 - d. Tarikh Lahir ;
 - e. Nombor Telefon untuk Perhubungan.
2. Lukisan dan Cogan Kata hendaklah dihantar menggunakan sampul-sampul dengan ditulis "PERADUAN MELUKIS MASKOT DAN COGAN KATA KECEKAPAN DAN PENJIMATAN TENAGA" dan menghantarnya kepada:-

BAHAGIAN TENAGA, JABATAN PERDANA MENTERI, ISTANA NURUL IMAN, JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN BA 1000, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

HADIAH-HADIAH

Hadiah-hadiah bagi Maskot adalah seperti berikut:-

Pemenang Pertama : B\$1,500.00
Pemenang Kedua : B\$1,000.00
Pemenang Ketiga : B\$500.00

Hadiah Saguhati : B\$200.00 setiap orang bagi 10 orang peserta.

Hadiah-hadiah bagi Cogan Kata adalah seperti berikut:-

Pemenang Pertama : B\$200.00
Pemenang Kedua : B\$100.00
Pemenang Ketiga : B\$50.00

PENGHAKIMAN

Semua penyertaan akan dihakimi oleh sebuah panel hakim yang dilantik. Keputusan hakim adalah muktamad.

TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Lukisan Maskot dan Cogan Kata hendaklah dihantar kepada Penganjur sebelum atau sehingga jam 3.00 petang pada hari Sabtu, 6 Januari 2007.

ANJURAN : BAHAGIAN TENAGA, JABATAN PERDANA MENTERI, ISTANA NURUL IMAN, JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايي

Ibadat Haji dalam masyarakat Melayu Brunei :

Oleh : Cenderawasih

AGAMA

SAYA telah menerangkan serba sedikit tentang apa yang dimaksudkan dengan haji dan adat. Seterusnya ialah mengenai dengan takrif agama. Apa yang dimaksudkan dengan takrif agama itu? Terdapat banyak pendapat mengenai dengan takrif agama itu. Agama dalam tulisan atau bahasa Inggerisnya ditulis *religion*. Pandangan orang-orang Barat atau sarjana-sarjana antropologis dan sosiologis memanggilmu *religi*. Manakala pendapat Dr. H. Hashim bin Haji Abdul Hamid pula agama ialah *religi* yang merujuk kepada agama Islam atau agama Samawi itu sendiri. Saya berpendapat agama itu berbagai-bagai seperti agama Islam, Buddha, Hindu, Kristian dan sebagainya tetapi setiap individu hanya boleh menganuti satu saja daripada agama-agama tersebut. Tidak mungkin seseorang itu boleh menganuti satu saja daripada agama-agama tersebut. Tidak mungkin seseorang itu boleh menganuti dua, tiga atau lebih agama dalam satu masa kerana setiap agama itu berlainan dari segi kepercayaan, pegangan, konsep, kehidupan dan sebagainya tetapi seseorang itu bebas menganuti jenis agama yang dikehendakinya. Lebih-lebih lagi setiap agama itu mempunyai Tuhannya masing-masing. Ini kerana, jika seseorang itu tidak mempunyai Tuhan untuk disembah, jadinya ia tidak mempunyai agama seperti orang-orang komunis yang tidak percaya adanya Tuhan. Setiap penganut agama itu juga mempunyai cara-cara mereka sendiri untuk mengagungkan agama mereka termasuklah mengadakan upacara-upacara yang tertentu dan perayaan-perayaan yang mesti disambut bagi mengukuhkan kepercayaan mereka terhadap agama masing-masing.

Banyak pendapat lagi mengenai dengan agama yang terdapat dalam pengkajian antropologi, sosiologi dan sebagainya. Tetapi hanya dua takrif saja yang lazim dilihat. Pertama ialah definisi yang diberikan oleh seorang ahli antropologi, E.B. Taylor yang mentakrifkan agama sebagai kepercayaan kepada kuasa luar biasa. Pendapat ini menjadi lebih teguh apabila kajian telah dibuat oleh pengkajian sains sosial tentang fenomena agama yang berdasarkan tingkah laku manusia. Seperti fenomena-fenomena yang dikaji oleh sains sosial, ia mestilah boleh diamati atau didalami, boleh diuji bagi membuktikan kesahihannya dan tahan diuji. Pengkajian ini sebenarnya adalah lebih menuju kepada pemikiran manusia terhadap alam ghaib dan kepercayaan-kepercayaan yang bersangkut-paut dengan animisme atau kepercayaan kepada makhluk halus di kalangan manusia yang belum memeluk agama-agama seperti agama Buddha, Islam, Hindu dan sebagainya.

Takrif yang kedua mengenai dengan agama ialah pendapat seorang antropologi, Clifford Geertz membuat andaian bahawa sesuatu sistem agama seolah-olah dipercayai sebagai benar iaitu sebagai realiti dalam hidup. Beliau mentakrifkan bahawa agama itu ialah sesuatu sistem perlambanan yang bertindak untuk mewujudkan suasana dan dorongan-dorongan yang kuat, menyerap secara keseluruhan dan hidup lama di kalangan manusia dengan melahirkan konsepsi yang umum tentang kewujudan dan menggunakan konsep-konsep ini dengan rupa kebenaran sehingga suasana dan dorongan itu merupakan sesuatu yang benar. Seperti menurut ahli falsafah Yunani pernah berkata, "Jika kuda-kuda di suruh untuk melukiskan gambar Tuhan mereka, nescaya mereka akan melukis gambar seekor kuda juga". Juga seperti dalam kitab Injil ada tersirat bahawa "Tuhan menjadikan manusia dalam imej Tuhan sendiri". Tegaknya mereka menganggap bahawa fenomena agama itu sebagai ciptaan dan rekaan manusia sendiri.

Pendapat di atas adalah sangat bertentangan dengan kepercayaan Islam kita kerana kita lebih percaya bahawa agama Islam itu diwahyukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala melalui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada umatnya. Jadinya seluruh umat Islam lebih berpandukan kepada syariat Allah Subhanahu Wata'ala. Walaupun demikian, terdapat juga upacara-upacara yang dilakukan oleh orang-orang Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam. Ini dikatakan disebabkan oleh kebiasaan atau adat resam yang mereka warisi sejak sekian lama dan menjadi salah satu daripada fahaman mereka. Seperti menepung tawar atau menyembah pokok dan sebagainya yang dianggap kepercayaan sahaja.

Dari ajaran-ajaran Islam, pakar-pakar adat telah menyedari bahawa hukum alam yang mereka alami itu sebenarnya ialah hukum Allah Subhanahu Wata'ala yang mengatur dan mencipta alam semesta dengan segala isinya. Begitu juga dengan kenyataan yang Tuhan tidak akan menjadikan jin, syaitan, manusia dan makhluk lain selain daripada semata-mata untuk menyembah-Nya. Di sini telah membuktikan segala ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala itu mempunyai tujuan yang sangat mendalam dan hanya dapat difikirkan bagi mereka yang mampu berfikir.

Manusia dijadikan dengan akal yang tidak ada pada makhluk lain. Dengan ini mereka mengakui akan keagungan dan kesempurnaan ajaran agama Islam untuk dijadikan pedoman hidup yang boleh membawa perkembangan adat satu-satu kelompok masyarakat ke arah yang lebih baik, sesuai dan tidak bercanggah dengan hukum Allah. Ini dapat dilihat dalam pepatah yang berbunyi:

Adat bersendikan hukum,
Hukum bersendikan Kitabullah,
Kuat adat, tak gaduh hukum,
Kuat hukum, tak gaduh adat,
Ibu hukum muafakat,
Ibu adat muafakat.

Di sini menunjukkan setiap adat yang dipraktikkan itu bersendikan hukum yang telah tercipta sejak dulu lagi iaitu hukum akal. Manakala hukum akal itu mestilah berpandukan kepada hukum syarak iaitu hukum naqal yang mana telah ditentukan oleh Allah. Ini kerana adat yang tidak berpandukan kepada hukum Allah itu adalah adat yang bercanggah dengan Kitabullah dan mungkin ia hanya mengikut hawa nafsu semata-mata dan mungkin boleh membawa kepada syirik. Adat dan hukum syarak itu tidak boleh dipisahkan kerana ia bukan saja saling memerlukan

dan saling memperkuat antara satu dengan yang lain tetapi juga berdampingan menurut keadaan.

Pada adat: Menghilangkan yang buruk, menimbulkan yang baik.

Pada syarak: Menyuruh berbuat baik, menegah berbuat jahat.

Demikian halnya dengan adat orang Brunei tentang haji yang mesti berpandukan kepada hukum syarak dan mesti dilihat kepada tiga perkara iaitu Tauhid, Syariah dan Akhlak. Tauhid ialah kepercayaan kepada Allah yang satu dan beriman kepada-Nya. Syariah ialah hukum, undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah dan tidak boleh diubah-ubah seperti hukum wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Manakala akhlak ialah nilai tingkah laku, kelakuan dan keperibadian yang mengikut perilaku yang disuruh oleh syarak dan tidak keluar daripada unsur-unsur kurang sopan apatah lagi yang tidak sopan yang boleh menjurus kepada yang haram.

Sebelum bakal-bakal haji Brunei memulakan perjalanannya untuk mengerjakan ibadat, lazimnya mereka akan mengadakan Majlis Doa Selamat yang diadakan beberapa minggu sebelum belayar menunaikan Haji. Ini bertujuan untuk memohon keselamatan kepada Allah untuk bakal-bakal Haji yang akan berangkat belayar ke Tanah Suci. Majlis ini juga dapat merapatkan lagi hubungan silaturrahim dan boleh mendekatkan yang jauh. Apabila saja seseorang itu ingin ke tanah suci, ini bukan saja perjalanan jasad ke tanah suci tetapi adalah perjalanan hati dan rohani kita menemui Allah yang dianggap seolah-olah perjalanan menemui maut. Ini adalah kerana pengalaman yang pernah ditempuhi oleh bakal-bakal haji dahulu yang banyak menempuhi pelbagai kesusahan dan kesukaran sebelum sempurna menunaikan haji. Walaupun keadaan sekarang jauh sudah berubah dan agak maju tetapi andaian atau perspektif menunaikan Haji itu tetap dilihat pada keadaan di masa yang lampau. Pertemuan sanak saudara sebelum berangkat menunaikan haji itu seolah-olah pertemuan yang terakhir yang penuh dengan kedukaan dan kesedihan.

PERLAKSANAAN IBADAT HAJI DALAM MASYARAKAT MELAYU BRUNEI: ANTARA ADAT DAN AGAMA

Dalam tahun 50-an ke awal tahun 70-an, bakal-bakal haji Brunei Darussalam akan belayar menunaikan fardu haji dengan menggunakan kapal laut. Kira-kira sebulan sebelum berangkat meninggalkan tanah air, biasanya bakal haji ini akan belayar terlebih dahulu secara lisan dari mereka yang sudah pernah pergi menunaikan haji memandangkan pada masa itu tidak ada kursus-kursus haji dari ustaz-ustaz dan media massa seperti surat khabar, televisyen dan sebagainya. Memandangkan perjalanan ke Tanah Suci mengambil masa yang panjang iaitu kira-kira enam bulan, kebanyakan bakal haji akan membawa bekal masing-masing yang disimpan di dalam peti besar yang dikur (diikat) dengan tali yang kukuh.

Terdapat bermacam-macam adat, petua-petua dan juga bacaan-bacaan yang diberikan oleh orang yang berpengalaman tadi seperti petua sebelum turun tangga, di mana kepala tangga itu akan dipegang dengan tangan kanan sambil berkata "Tunggulah aku balik dengan selamat". Apabila turun tangga, selanjutnya anak tangga yang bilangannya ganjil seperti tangga pertama, ketiga dan kelima dan seterusnya akan dipijak sementara itu sesudah balik ke tanah air pula akan dipijak anak tangga yang bilangannya genap seperti anak tangga keenam, keempat dan kedua sambil memegang kepala tangga dengan tangan kiri pula lalu berkata "nah sampailah aku balik ke mari dengan selamat".

Dari petua di atas menunjukkan adanya ajaran-ajaran orang tua-tua kita yang kurang saya ketahui tujuannya yang sebenar. Tetapi kalau dilihat secara kaca mata kasar dari segi pengucapan kata-kata yang ditujukan kepada kepala tangga itu, ia merupakan satu harapan yang tinggi dari bakal haji agar satu hari nanti akan ditemuikan semula atau bertemu lagi dengan tangga itu dan balik ke tanah air dengan keadaan selamat. Pada hemat saya, pengucapan ini adalah lebih baik ditujukan kepada ahli keluarga bakal haji yang sentiasa menantikan kepulangan bakal haji tersebut. Manakala perbuatan memijak anak-anak tangga sama ada anak tangga yang ganjil semasa hendak belayar dan memijak anak tangga yang genap pada ketika sampai ke tanah air itu tidak pula diketahui tujuannya dan perkara ini perlu dibuat kajian secara terperinci lagi.

Selain itu ada juga bacaan-bacaan lain yang diajarkan oleh orang tua-tua kita dahulu yang berpengalaman seperti:

"Bismillahir Rahmanir Rahim,
Pertama yakinkan Allah,
Kedua percayakan Rasulullah,
Ketiga Untung,
Keempat Tuah,
Kelima Alif berdiri tiada rabah,
Allah yang mengadakan,

Siri Kedua

Muhammad yang melebarkan,
Aku yang menyampaikan,
Berkat Lailaha Illallah,
Berkat Muhammad Rasulullah."

Di sini jelas menunjukkan adanya pemujaan semangat atau penggunaan bacaan mantra yang sangat dipercayai di kalangan orang-orang Brunei kita sejak turun-temurun lagi. Ini adalah salah satu kebiasaan bakal-bakal haji yang hendak menunaikan haji. Bagi pendapat saya membaca mantra ini tidaklah salah asalkan niat hati tetap kepada Allah kerana ia adalah salah satu daripada usaha jua tetapi adalah lebih baik kita memuji kebesaran Allah Ta'ala dan berdoa dengan yakin dan bersungguh-sungguh serta mengharapkan pertolongan dan petunjuknya agar apa yang kita hajati itu akan tercapai.

Sebelum bakal-bakal haji belayar meninggalkan tanah air, mereka juga akan keluar dari rumahnya dan akan menumpang sekejap di masjid-masjid sementara menunggu kapal laut atau kapal terbang bertolak. Tetapi amalan ini tidak lagi dibuat pada masa sekarang malah bakal-bakal haji akan terus saja bertolak ke lapangan terbang.

Sebelum bertolak ke lapangan terbang, terdapat banyak adat-adat orang Brunei kita dan cara-cara yang tertentu dilakukan sebelum bakal-bakal haji bertolak ke lapangan terbang iaitu seperti adat *bertarik*, di mana kaum kerabat akan menarik kepingan kain atau kertas yang bertulis Kalimah Syahadat dalam bahasa Arab, *Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah*. Kepingan kertas ini akan ditetas sedikit di tengahnya bagi memudahkan ahli-ahli keluarga untuk mengoyaknya secara bergilir-gilir kepada setiap bakal-bakal haji. Pada saat ini suasana sekeliling bertambah sedih dan duka di antara bakal-bakal haji dengan ahli keluarga apatah lagi pada saat-saat ahli keluarga menarik kepingan kertas itu tadi. Potongan kalimah *Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah* akan diambil oleh ahli keluarga, manakala kalimah *'Muhammad itu pesuruh Allah'* akan dibawa oleh bakal haji. Mereka berfahaman bahawa kalimah syahadat itu mempunyai sifat yang satu dan kalau berpisah sekalipun ia tetap bertemu juga. Jadinya adat *bertarik* ini menyatukan orang Brunei kita bahawa bakal haji yang terpisah dengan ahli keluarga itu pasti akan bertemu kembali. Bagi saya, adat ini tidak bercanggah dengan Islam jika dilihat dari segi Tauhid, Syariah dan akhlak. Tetapi janganlah pula kita berpendapat kalimah itu yang akan menemukan antara bakal haji dengan ahli keluarga semula kelak, tetapi Allah jua yang menentukan segalanya kerana hidup dan mati itu adalah urusan Tuhan. Kemudian doa selamat akan dibacakan. Sebelum keluar rumah, setiap bakal haji akan menampal sekeping kertas di atas pintu yang mengandungi ayat Al-Qur'an yang dibaca oleh bakal-bakal haji. Ayat ini terjemahannya, bermaksud:

"Sesungguhnya yang mewajibkan atasmu (melaksanakan) hukum-hukum Al-Qur'an, benar-benar akan mengembalikan kamu ke tempat kembali."

Kalimah ini akan dibaca sebanyak tiga kali dan yang bermaksud 'tempat kembali' adalah seperti janji Allah kepada Nabi Muhammad yang akan mengembalikannya ke tempat tanah airnya nanti. Kalimat ini membuatkan orang-orang Brunei menjadikannya adat kebiasaan dan seolah-olah mewajibkan membaca ayat tersebut sebelum melangkah ke luar rumah. Mereka berpendapat bahawa dengan membaca ayat ini maka jemaah haji mesti juga dikembalikan ke tanah airnya seperti yang tertulis dalam sejarah Nabi. Tetapi kita ketahui bahawa kehidupan, rezeki dan maut itu di tangan Tuhan dan mestilah kita percaya kepada Qadad dan Qadar Allah Ta'ala dan segala ketentuannya kerana kita tidak mengetahui bila dan di mana kita menemui ajal.

Sebelum melangkah ke luar ada baiknya bakal-bakal haji membaca Surah Al-Faatiha, Al-Ikhlash, An-Nas, Al-Falaq dan Ayat Al-Kursi, kemudian sewaktu melangkah keluar dari rumah bacalah:

Bismillahi tawakkaltu 'alaih walahaula wala quwwata illallah."

"Dengan nama Allah saya melangkah, saya berserah diri kepada Allah. Tiada daya dan kekuatan saya melainkan dengan pertolongan Allah."

Selepas saja bakal haji melangkah ke luar pintu, azan akan dikumandangkan sambil kaum perempuan akan melambai kan sapu tangan dengan laungan "balik! balik! balik!..." Kemudian apabila naik ke kenderaan bakal haji akan membaca:

"Subhanalladzi sakhkharalana hadza wama kunna lahu muqrinin wa inna ila rabbina lamunqalibun."

"Maha Suci Engkau ya Allah, yang telah

mempermudahkan kenderaan ini untuk kami. Sebenarnya kami sendiri tiada mempunyai kesanggupan untuk mengendalikan. Dan kami semua akan kembali kepada Tuhan kami."

Kemudian semasa kapal terbang atau kapal laut akan berangkat, lazimnya bakal haji akan membaca:

"Bismillahi majriha wa mursha inna rabi laghafurur rahim."

"Dengan nama Allah pada waktu terbang dan pada waktu mendarat, sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun Lagi Maha Penyayang."

Setelah bakal haji selesai berangkat menunaikan haji, ahli keluarga di rumah akan sibuk membuat persiapan untuk mengadakan majlis sembahyang haji dan yang dijemput ialah ahli-ahli keluarga dan jiran-jiran. Lazimnya majlis ini akan diadakan pada hari Khamis (malam Jumaat) selepas Sembahyang Fardu Maghrib. Tujuannya adalah untuk memohon kepada Tuhan bagi keselamatan dan kesihatan bakal-bakal haji sepanjang mereka menunaikan haji. Majlis sembahyang haji ini akan disudahi dengan jamuan makan dan majlis ini berlarutan setiap minggu sehingga bakal haji itu balik semula ke tanah air.

Selain itu, keluarga bakal haji juga akan mengeluarkan sedekah sama ada berupa wang atau makanan. Terdapat juga fahaman mengenai adat bersedekah makanan atau minuman yang berair dipercayai akan sampai pada bakal-bakal haji dan boleh menghilangkan dahaga bakal haji di tanah suci. Minuman yang sering disedekahkan pada masa dulu ialah minuman tebu atau gelagah. Ada juga yang bersedekah payung dan selipar yang dianggap juga sampai kepada bakal haji yang memberi maksud agar mengurangkan kepanasan kepada bakal-bakal haji semasa wukuf di Arafah. Pendapat saya, fahaman ini adalah salah. Jika kita ingin bersedekah payung, selipar atau makanan yang berair itu tidaklah menjadi salah tetapi fahaman itu yang sudah jauh menyimpang. Sepatutnya kita memohon kepada Allah dan melihat akan hikmah-hikmah yang akan diperolehi oleh orang yang bersedekah.

Di samping itu juga terdapat juga adat yang diamalkan oleh ahli keluarga bakal haji di rumah yang menjaga tempat bilik tidur bakal haji agar tidak diganggu. Pada masa dulu, di sekeliling kawasan bilik bakal haji itu akan di pagar dengan kayu manakala di bawah rumah (jika Kampong Ayer) juga akan dipagar tetapi dengan menggunakan buluh atau nibung di kawasan tersebut. Pendapat orang tua-tua, ini bertujuan supaya anak-anak tidak *bagalau* yang mandi di air kerana dikhuatiri orang haji itu mendapat gangguan. Pada masa dulu juga lazimnya gambar jemaah haji dihantar dari Tanah Suci ke tanah air dan gambar itu akan 'ditangas' di dalam bilik jemaah haji tersebut. Mereka berfahaman bahawa perlakuan ini akan dapat menghubungkan semangat dengan jasad yang boleh memberi ketenangan dan ketenteraman kepada jemaah haji di Tanah Suci. Di sini menunjukkan adanya sedikit fahaman yang tidak baik dari segi agama. Sekarang perbuatan ini tidak lagi diamalkan tetapi kawasan bilik tidur masih menjadi tempat larangan. Di sini sudah menunjukkan adanya penerapan agama kepada masyarakat Brunei masa kini.

Semasa jemaah haji menunaikan haji di Tanah Suci, adat yang lazim juga dibuat ialah menghormati tempat tidur jemaah haji di mana kadangkala *bantal* tidur baru yang digunakan oleh bakal haji akan diisi dengan wang syiling. Beberapa orang akan dipanggil untuk melakukan upacara mengisikan wang syiling ke dalam *bantal* tersebut. Lebih-lebih lagi wang syiling itu mestilah diisikan oleh orang-orang tertentu sahaja iaitu mereka yang bernama 'Si Untung', 'Si Tuah', 'Si Selamat' dan sebagainya. Ini bertujuan agar dapat memberi keuntungan, tuah dan keselamatan kepada bakal-bakal haji itu. Saya berpendapat perbuatan ini adalah sesuatu yang tidak berasas kerana keselamatan itu sepatutnya dipohon kepada Allah dan bukan dengan perbuatan sedemikian. Walau bagaimanapun itulah antara adat yang dilakukan oleh masyarakat Melayu Brunei pada suatu ketika dahulu.

Ada juga di antara orang Brunei yang berada di tanah air akan bersedekah, disebut dengan panggilan *Sedekah Malim*. Keluarga bakal haji akan membawa barang yang hendak disedekahkan ini ke masjid yang berdekatan tanpa diketahuhi oleh sesiapa. Mereka berfahaman barangsiaapa yang mendapat barang yang disedekahkan ini, maka ia akan mendapat keuntungan dan yang lebih menakjubkan lagi orang yang mendapat barang sedekah ini memahami yang barang yang disedekahkan itu adalah *Sedekah Malim*. Tujuannya adalah juga untuk memberi kemudahan kepada bakal haji itu dalam menunaikan segala pekerjaan haji. Pada hemat saya, bersedekah itu tidak dilarang tetapi janganlah sampai niat kita untuk bersedekah itu bertukar menjadi penentu atau seolah-olah kita menentukan nasib orang lain. Kita semestinya meminta pertolongan kepada Allah dan niat kita bersedekah itu semata-mata kerana Allah serta memindah pertolongan kemudahan kepada-Nya.

Bersambung

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya kehidupan manusia di muka bumi ini akan menghadapi pelbagai cubaan dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, baik berupa kegembiraan dan kesenangan mahupun menghadapi musibah dan bala bencana sama ada sebagai ujian, peringatan ataupun hukuman daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Di dalam Al-Qur'an ada menyatakan bahawa bala bencana itu ada kaitannya dengan perilaku manusia sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ar-Ruum ayat 41, tafsirnya:

"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang dilakukan oleh tangan manusia: Timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali insaf dan bertaubat."

Adapun di antara tujuan Allah Subhanahu Wata'ala menurunkan bala itu adalah sebagai peringatan kepada hamba-hamba-Nya yang dikasihi supaya tidak terus leka dalam kelalaian yang membawa kepada perbuatan dosa dan maksiat. Selain itu juga, bala adalah sebagai ujian bagi memastikan sejauh mana teguhnya iman seseorang hamba-Nya dan bala juga adalah sebagai tanda kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala yang ditunjukkan kepada mereka yang derhaka kepada perintah-Nya.

Allah Subhanahu Wata'ala menurunkan bala bencana dan ujian dalam pelbagai bentuk keadaan seperti gempa bumi, kemarau, ribut taufan dan tidak terkecuali wabak penyakit yang merbahaya dan menakutkan sehingga ada di antaranya yang boleh membawa maut seperti penyakit AIDS.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa AIDS adalah berpunca dari virus HIV yang menyerang sistem pertahanan tubuh badan dan boleh berjangkit melalui pemindahan darah, penggunaan jarum suntikan yang tercemar, penyusutan susu badan serta melalui hubungan kelamin. Sehingga kini belum ada ubat atau penawar yang boleh merawat dan mengubati penyakit maut tersebut.

Ke arah usaha untuk menyedarkan manusia sejagat betapa bahayanya penyakit AIDS ini, pelbagai pihak, baik kerajaan, swasta mahupun pertubuhan badan-badan persendirian telah sama-sama berusaha memberi maklumat dan informasi mengenai penyakit AIDS serta cara untuk menghindarinya. Oleh itu perlulah diketahui bahawa penyakit AIDS ini telah membunuh ratusan ribu manusia sejak ia mula dikesan di California, Amerika Syarikat pada tahun 1981, dan telah merebak ke lebih 160 buah negara. Semenjak itu AIDS telah menjadi krisis kesihatan sejagat sehinggalah sekarang. Penyakit itu cepat merebak adalah disebabkan oleh perbuatan buruk manusia itu sendiri seperti perbuatan zina, homoseks serta penggunaan jarum suntikan yang tercemar oleh penagih dadah.

Sebenarnya tersebar penyakit membawa maut, berleluasanya zina dan maksiat adalah merupakan antara tanda-tanda kecil menjelang Hari Kiamat, sebagaimana pernah diceritakan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda, maksudnya:

"Dari Annas ia berkata: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesungguhnya di antara tanda-tanda dekatnya Hari Kiamat ialah hilangnya kemanfaatan ilmu dan makin ketara kebodohan dan banyaknya peminum arak dan meluasnya perzinahan dengan terang-terangan." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).


Ketahuilah bahawasanya apabila kemungkaran dan kemaksiatan semakin berleluasa, maka tunggulah balasan atau azab dari Allah Subhanahu Wata'ala. Dan inilah yang pernah terjadi ke atas kaum Lut yang ditimpa malapetaka yang dahsyat kerana perbuatan liwat atau homoseksual. Perkara ini telah diceritakan dalam Surah Huud ayat 82 - 83, tafsirnya:

"Maka apabila datang masa pelaksanaan perintah Kami, Kami jadikan Negeri Lut itu tanggung balik iaitu tertimbus segala yang ada di muka buminya dan Kami menghujannya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar, menyimpannya bertalu-talu batu-batu itu ditandakan di sisi Tuhanmu untuk membinasakan mereka dan ia pula tidak jauh dari orang-orang yang zalim."

Ingatlah bahawasanya seksa yang telah ditimpakan ke atas kaum Lut itu pula, tidak mustahil

boleh ditimpakan ke atas umat pada zaman ini, iaitu jika perbuatan keji yang dibuat oleh kaum Lut itu terus-menerus dilakukan. Sesungguhnya perbuatan zina dan liwat merupakan penyakit sosial yang membawa kepada kejatuhan dan kehancuran umat. Maka sudah sewajarnya perbuatan tersebut dijauhi, disekat dan dihapuskan dengan sikap yang tegas dan bersegera, kerana dikuatiri apabila sesuatu bala itu diturunkan Allah, bukan hanya orang yang melakukan maksiat itu sahaja yang akan ditimpa bala, malah kita semua akan turut menerima sama kesannya. Oleh kerana itu kita hen-

Kita juga hendaklah mengamalkan perkara amar makruf nahi mungkar, iaitu menyuruh berbuat kebaikan dan mencegah perbuatan mungkar. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai seorang Muslim, ibu bapa, penjaga, keluarga, guru, jiran dan sahabat untuk memberi nasihat atau menegur jika mendapati anak-anak, saudara atau teman yang melakukan perkara yang menyalahi hukum agama. Jangan kerana takut, malu atau segan, perkara mungkar di hadapan mata tidak diendahkan. Ingatlah bahawa sikap tidak pemedulian atau tidak acuh itulah yang menjadi punca per-



Didikan ajaran Islam yang mantap:

KAWAL DARI PERBUATAN MUNGKAR

daklah menjauhi diri, keluarga dan umat Islam seluruhnya dari perbuatan dosa dan maksiat.

Islam telah mengajar kepada kita cara hidup di landasan yang benar dan betul agar hidup kita selamat di dunia dan di akhirat. Oleh itu terdapat beberapa usaha yang sepatutnya kita lakukan dalam membanteras gejala perbuatan maksiat seperti zina dan liwat, agar tidak berleluasa. Antaranya ialah dengan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, iaitu mentaati perintah dan hukum Allah Subhanahu Wata'ala serta menjauhi segala larangan-Nya.

buatan-perbuatan mungkar dan dosa terus dilakukan seperti perbuatan zina, liwat dan penyalahgunaan dadah, sehingga tanpa disedari inilah di antara punca penyakit AIDS tersebar dengan lebih meluas.

Langkah yang seterusnya pula ialah dengan mengukuhkan institusi keluarga, kerana kekuatan sesebuah masyarakat, negara dan umat Islam adalah bergantung kepada kelamantan institusi keluarga. Oleh itu suami isteri, ibu bapa dan keluarga sama-sama bertanggungjawab untuk mewujudkan hubungan kekeluargaan dalam suasana dan per-

sekitaran yang sihat dan mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya, mendidik dengan pembentukan akhlak dan peribadi yang mulia, menunjukkan teladan yang baik serta memberi perhatian, pemedulian dan kasih sayang yang secukupnya.

Ketahuilah bahawa didikan ajaran agama Islam serta pendedahan awal mengenai harga diri, etika dan moral adalah faktor yang akan mengawal diri dari perbuatan mungkar. Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh persekitaran seperti media massa, wang ringgit, rakan sebaya dan sebagainya

adalah sangat mencabar dan mudah meracuni akidah dan fikiran khususnya remaja dan belia. Oleh itu ibu bapa adalah berkewajipan menangani masalah anak-anak secara bijaksana dan bersikap tegas jika mendapati anak-anak mereka terlibat dengan gejala mungkar. Jangan tunggu hingga masalah menjadi parah baru hendak bertindak, kerana nasihat dan teguran di peringkat awal dapat menyelamatkan anak-anak dari terus terjerumus ke lembah dosa dan maksiat.

Selain daripada itu juga, ibu bapa hendaklah memberi maklumat yang secukupnya serta memberi gambaran baik buruk sesuatu kelakuan dan risiko yang akan dihadapi kepada anak-anak sesuai dengan masa dan ketikanya. Kawalan dalaman yang kuat inilah yang boleh memantapkan fikiran anak-anak dan akan dapat mengawal dirinya walau di manapun dia

berada. Ingatlah bahawa anak-anak adalah suatu amanah yang semestinya dijaga dan dipelihara dengan sebaik-baiknya.

Akhirnya marilah kita sama-sama memelihara diri, keluarga dan masyarakat kita dengan mengikut landasan ajaran agama Islam, kerana hanya dengan jalan demikian kita selamat dari terjerumus ke lembah dosa yang akibatnya boleh mendatangkan bala dan musibah dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taghaabun ayat 11, tafsirnya:

"Tidak ada kesusahan atau bala bencana yang menimpa seseorang melainkan dengan izin Allah. Dan siapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar. Dan ingatlah, Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."

MEMANGLAH tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh persekitaran seperti media massa, wang ringgit, rakan sebaya dan sebagainya adalah sangat mencabar dan mudah meracuni akidah dan fikiran khususnya remaja dan belia.

Oleh itu ibu bapa adalah berkewajipan menangani masalah anak-anak secara bijaksana dan bersikap tegas jika mendapati anak-anak mereka terlibat dengan gejala mungkar. Jangan tunggu hingga masalah menjadi parah baru hendak bertindak, kerana nasihat dan teguran di peringkat awal dapat menyelamatkan anak-anak dari terus terjerumus ke lembah dosa dan maksiat.

وقت سمبھيٹ، امساك، شوروق دان ضھر

وقت ۲ سمبھيٹ، امساك، شوروق دان ضحي باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 15 ذوالقعدة، 1427 برسماامن دغن 6 دسيمبر، 2006 هيگك كهاري ثلاث، 21 ذوالقعدة، 1427 برسماامن دغن 12 دسيمبر، 2006 اداله سمرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحى	مسيحي
ذوالقعدة									دسيمبر
15	12.12	3.34	6.07	7.21	4.43	4.53	6.15	6.40	6
16	12.13	3.35	6.07	7.22	4.43	4.53	6.15	6.40	7
17	12.13	3.35	6.08	7.22	4.44	4.54	6.16	6.41	8
18	12.14	3.36	6.08	7.23	4.44	4.54	6.16	6.41	9
19	12.14	3.36	6.09	7.23	4.44	4.54	6.17	6.42	10
20	12.15	3.37	6.09	7.24	4.45	4.55	6.17	6.42	11
21	12.15	3.37	6.09	7.24	4.45	4.55	6.18	6.43	12

وقت ۲ سمبھيٹ باكي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيٹ فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تفهاري.

Menjadi tetamu Allah adalah sangat beruntung kerana tidak semua orang dapat merebutnya. Ada yang tidak sempat menjadi tetamu-Nya dan ada pula orang yang mampu dari segala hal tetapi masih juga tidak tergerak hati untuk bertandang ke rumah Allah (Baitullah). Oleh itu, para bakal jemaah haji seharusnya bersungguh-sungguh dalam melaksanakan ibadat haji dan semoga berbaloi perlaksanaan ibadat yang ditunggu-tunggu selama ini iaitu dengan memperolehi haji yang mabruk.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Utamakan Melancong Dalam Negara'. Tarikh tutup 13 Disember 2006.

2. 'Wujudkan Persekitaran Bersih dan Selamat'. Tarikh tutup 20 Disember 2006.

3. 'Belia Perlu Lebih Dinamik'. Tarikh tutup 27 Disember 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.
e-mel: pelita@brunet.bn

Keselamatan jalan raya tanggungjawab bersama

APABILA kita mengatakan tentang keselamatan jalan raya sudah tentu ianya sangat berkaitan dengan kemalangan jalan raya yang mana pada masa ini sering berlaku di atas kecuaiannya masing-masing tidak mengira pemandu kereta motosikal, trak dan sebagainya.

Apa yang perlu ditekan di sini ialah keselamatan jalan raya itu adalah tanggungjawab kita bersama.

Semasa kita sedang memandu di jalan raya, kita

hendaklah bertolak ansur sesama pemandu yang lain untuk mengelakkan kemalangan. Kita tidak boleh mementingkan diri sendiri sahaja kerana keselamatan jalan raya adalah kegunaan bersama.

Bertolak ansur itu sangat penting terutama ketika memandu di jalan raya walaupun terjadinya kesesakan lalu lintas jalan raya. Apa yang penting para pemandu hendaklah menanamkan sifat sabar dalam diri sendiri demi kebaikan bersama kerana keselamatan jalan raya adalah tang-

gungjawab bersama.

Semasa memandu di jalan raya para pemandu hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya yang disediakan. Setiap individu wajib mematuhi kerana jika para pemandu melanggar undang-undang dan peraturan jalan raya sudah pasti mengakibatkan kemalangan. Ada juga yang disebabkan kecuaiannya ini akan melibatkan nyawa orang lain yang tidak bersalah. Jadinya hendaklah kita patuhi setiap undang-undang dan peraturan jalan

raya demi keselamatan bersama.

Hendaklah sentiasa bijak mengawal kelajuan kereta kita bagi mengelakkan kemalangan. Jika kita memandu terlalu laju akan menyebabkan kita hilang kawalan dan boleh meragut nyawa sendiri selain itu mungkin akan melibatkan nyawa orang lain yang tidak bersalah. Hendaklah kita sentiasa berwaspada ketika memandu dan keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab kita bersama.

Oleh itu, memang benar

keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama. Sebagai seorang pemandu mestilah sentiasa berhati-hati ketika memandu kerana kemalangan akan berlaku di atas kecuaiannya diri dan akan melibatkan orang yang tidak bersalah.

Ramizah binti Haji Razali,
No: 350, Kampong Kuala Abang,
Layong, Tutong,
TG 1343.
No. k/p : 00-312707.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Keselamatan Jalan Raya Tanggungjawab Bersama'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Kecuaian manusia faktor utama kemalangan

SPERTI yang telah kita ketahui di setiap surat-surat khabar, radio dan televisyen, hampir setiap hari ada sahaja berlakunya kemalangan di sana sini tidak kira masa dan tempat tetapi yang paling mengerikan sekali ialah apabila kemalangan berlaku di jalan raya.

Terdapat banyak faktor mengapa kemalangan berlaku. Di antaranya yang pertama ialah secara sengaja. Ini bermaksud sesuatu kemalangan itu berpunca dengan kecuaiannya diri sendiri, sebaliknya seseorang itu telah menyedari terhadap undang-undang dan peraturan jalan raya akan tetapi disebabkan dirinya merasa serba boleh dan meletakkan dirinya seorang yang egois dan tidak mahu bertolak ansur.

Manakala yang kedua ialah tidak disengajakan. Ini pula bermaksud kemalangan

berlaku itu berpuncunya dari pihak lain dan melibatkan pemandu yang lain. Dengan adanya sikap kecuaiannya, kelalaian seseorang itu boleh membahayakan diri dan mata para pemandu sebaliknya mencederakan seseorang yang kita kenali atau tidak, apatah lagi pada mereka yang disayangi.

Dengan sikap begitu tidak ubah seperti nasi sudah menjadi bubur. Apabila sudah terjadinya sesuatu kemalangan barulah merasa menyesal.

Oleh kerana terlampau banyak berlakunya tragedi-tragedi di jalan raya, semua nota-nota dan papan-papan tanda keselamatan jalan raya dipasang dan dipamerkan untuk orang ramai iaitu para pemandu untuk sama-sama mematuhi.

Para pemandu yang mengikut undang-undang jalan raya insya-Allah pasti akan sampai menuju ke des-

tinasi yang dituju, manakala bagi pemandu yang kurang mengambil pemedulian pasti akan mendapat padah.

Dengan adanya sikap bertolak ansur, persefahaman dan menanam lagi dengan sifat penyabar pasti akan dapat mengurangkan kemalangan jalan raya. Memang benar bak kata simbolik, kita sebagai manusia hanya mampu merancang tetapi Tuhan yang Maha Esa yang menentukannya.

Oleh itu sama-samalah kita berhati-hati ketika memandu dengan mengikut undang-undang dan peraturan di jalan raya, kerana keselamatan jalan raya itu tanggungjawab kita bersama.

Rohanah binti Haji Abdul Rahman,
Lot. 125, No. 2, Jalan Dipa Negara, Kuala Belait,
KA 1731.
No. k/p : 00-270613.

Jalan raya bukan litar perlumbaan

KEMUDAHAN jalan raya yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada kita merupakan penghubung pengangkutan darat yang amat penting untuk kesejahteraan rakyat jelata. Kita hendaklah memanfaatkannya dengan sebaik-baiknya dan janganlah kita menyalahgunakan kemudahan tersebut sewenang-wenangnya.

Memang sesiapa pun tidak menafikan bahawa jika semua pengguna jalan raya memandu kenderaan atau menunggang motosikal mereka dengan cer-

mat, maka kemalangan jalan raya dapat dikawal, kecuali jika berlaku masalah-masalah teknikal yang di luar kawalan manusia.

Kecuaian pengguna dikatakan faktor utama berlakunya kemalangan jalan raya. Biasanya, pengguna lalai ketika berada di jalan raya dan kelalaian ini mengakibatkan kemalangan. Banyak sikap yang boleh dikaitkan dengan keadaan pemandu atau pengguna jalan raya yang mengakibatkan kemalangan jalan raya.

Anataranya ialah sikap

tidak mahu mematuhi peraturan atau undang-undang jalan raya, mementingkan diri sendiri, degil dan keegoan. Yang menyedihkan kita, apabila sesuatu kemalangan jalan raya berlaku kebanyakan orang yang tidak berdosa menemui maut dan mengalami kecederaan.

Sesetengah pengguna jalan raya di negara ini menganggap jalan raya merupakan perlumbaan untuk mereka berseorok-seronok. Mereka yang tidak terlibat tidak memikirkan apakah kesan daripada perlumbaan ter-

sebut yang bukan sahaja boleh mengakibatkan kematian malah kecederaan dan kerugian harta benda.

Memandangkan kesan negatif banyak dialami apabila terjadinya kemalangan, maka tanamkanlah dalam hati kesedaran yang berterusan agar tidak tersenarai sebagai mangsanya. Ingatlah pada keluar-ga tersayang.

Irene Yii Toh Eing,
Peti Surat 2888,
Bandar Seri Begawan,
BS 8675.
No. k/p : 00-0361907.

Sambutan Hari Raya Yayasan akrabkan pelajar dengan pemimpin

Oleh : Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

Foto : Pg. Rafee
Pg. Dato Paduka Haji Metassim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 November. - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah yang memfokuskan penyertaan pelajar-pelajar dari peringkat rendah dan institusi tinggi dilihat dapat memberi pendedahan kepada peserta mengenai kegiatan-kegiatan yang memupuk dan menyemarakkan semangat berbangsa dan bernegara di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekali gus untuk mengakrabkan mereka kepada kepimpinan baginda.

Majlis meriah itu dihadiri oleh lebih 1,200 orang pelajar dari peringkat rendah hingga institusi pengajian tinggi di seluruh negara seperti institusi-institusi pendidikan kerajaan, pendidikan swasta, pendidikan agama, pendidikan teknik dan institusi lain yang memberikan khidmat pendidikan di negara ini.

"Sambutan ini sangat istimewa dan merupakan satu kebanggaan buat kami sekali gus memberikan peluang untuk kami menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," jelas Mohd. Syafiq Haziq, murid Sekolah Menengah Saint Andrews ketika ditemu bual wakil PELITA

BRUNEI di majlis itu.

"Kami merupakan aset penting masa depan negara yang perlu bersedia dengan pelbagai perancangan yang jauh ke hadapan kerana generasi kami akan memainkan peranan bagi menentukan masa depan negara satu masa nanti," jelas murid yang aktif dalam kegiatan Explore Maths dan pernah menjuarai pertandingan itu di peringkat kebangsaan mewakili sekolahnya.

Penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Jurina binti Sumin (18 tahun) pula mengakui sambutan yang penuh bersejarah itu merupakan suntikan semangat dan perangsang kepada peserta untuk terus mengejar kecemerlangan dalam pendidikan.

Beliau pelajar Tingkatan Enam Bawah yang aktif me-



MOHD. Syafiq Haziq gembira kerana berpeluang menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



JURINA Sumin ... "Keberangkatan raja yang dikasihi merupakan satu signifikan yang sangat penting kepada penuntut."



ADIK Khairunnisa Haji Awang Hassan aktif mewakili sekolah dalam Pertandingan Tarian dan Koir serta Pelajar Cemerlang dalam kegiatan Inforama BICTA.



DAYANGKU Hajah Nurul Aniqah Pengiran Haji Mohd. Arif ... "Sektor perniagaan di negara ini semakin mencabar dan ia memerlukan kebijaksanaan dan usaha tekun untuk mencapai kejayaan."



MOHD. Nazib Haji Amat ... "Sambutan ini memberi motivasi kepada semua peserta untuk membina keyakinan diri."

nyertai kelab membaca menjelang, keberangkatan raja yang dikasihi dalam memeriahkan majlis ini merupakan satu signifikan yang sangat penting kepada penuntut.

Katanya, ia sangat jelas menunjukkan keprihatinan pemimpin bijaksana yang mahu melihat anak bangsa dan generasi masa kini tidak akan terabai dan hanyut dari cabaran-cabaran kehidupan penuh beranjan.

"Sektor perniagaan di negara ini semakin mencabar dan ia memerlukan kebijaksanaan dan usaha yang tekun untuk mencapai kejayaan," jelas Dayangku Nurul Aniqah binti Pengiran Haji Mohd. Arif yang

kini memasuki tahun dua jurusan Sijil Pengurusan Perdagangan di Laksamana Kolej.

Katanya, negara mahu melihat industri perniagaan di negara ini mencapai kejayaan yang digerakkan oleh anak tempatan sendiri untuk membantu mempelbagaikan ekonomi negara.

Anak kedua dari tiga adik-beradik itu menyatakan beliau mahu menjejak karier ayahnya dalam bidang perniagaan malah melahirkan keyakinan peluang dan potensi dalam memajukan perniagaan di negara ini memang terbuka luas sekalipun mencabar.

Pelajar Terbaik Sekolah Rendah Brunei IV 2006, Adik Khairunnisa Haji Hassan dari Sekolah Rendah Masin pula gembira menjadi peserta pada sambutan yang penuh meriah itu.

Beliau yang bercita-cita menjadi seorang doktor suatu hari nanti merupakan pelajar aktif mewakili sekolah dalam Pertandingan Tarian dan Koir, di samping menjadi Pelajar Cemerlang dalam kegiatan Inforama BICTA.

Sementara itu, Mohd. Nazib Haji Amat mewakili Sekolah Ugama Beribi, Gadong menyambut baik usaha pengan-

jur menghimpunkan pelajar-pelajar pelbagai peringkat murid yang sedang menerima proses didikan untuk menjadi generasi penerus bangsa berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja.

"Adalah wajar para pelajar itu menerima dedahan kepada acara-acara dan kegiatan yang boleh memupuk dan menyemarakkan semangat cintakan bangsa, agama, raja dan negara, di bawah kepimpinan raja kita yang disayangi," jelas murid Kedua Terbaik Darjah lima pada peperiksaan setengah tahun dan pernah mewakili sekolah ke peraduan membaca Al-Qur'an dan peraduan Tahlil.

Katanya, perhimpunan berkenaan merupakan satu lagi cara pendekatan yang sangat baik sekali gus memberi motivasi kepada semua peserta untuk membina keyakinan diri dalam meningkatkan pencapaian dalam pendidikan.

Majlis yang diadakan buat kali keempat itu disertai hampir keseluruhan oleh pelajar dan penuntut yang dipilih melalui pencapaian kecemerlangan dalam bidang akademik, aktif dalam aktiviti kokurikulum dan terlibat dalam projek dan program sekolah, maktab dan institusi mereka.

REMAJA CALAK KITANI

OLEH : H. A. MANAP

SALAH satu dari keratan usia yang paling menyeronokkan ialah bila usia remaja menjelang tiba. Keseronokan yang dapat dirasakan ialah kita mula keluar dari kepompong anak-anak kecil. Bermula dari sini akan timbulah lagak yang tidak sama dengan sebelumnya. Usia sebegini sentiasa mahukan pengiktirafan agar ianya kelihatan lebih dewasa dan ada kalanya ia mahu mendahului umurnya dengan kedewasaan. Bila remaja berlagak dewasa, akan timbul tabiat yang tidak seimbang dengan alam yang sepatutnya dilalui. Dari sini akan bermulalah sesuatu yang agak tidak seimbang, bila ini berlaku maka akan wujudlah remaja yang berlagak dewasa tetapi daya fikir masih di tahap remaja. Rasa cemas, takut dan ragu tidak konsisten dalam membuat tindakan, akan mula mewarnai kehidupan.

Semua ini boleh sahaja mempengaruhi keperibadian seseorang remaja. Ini juga yang akan menimbulkan penilaian tentang kualiti yang ada pada diri setiap remaja. Seorang remaja yang melalui proses pertumbuhan hidupnya dengan lebih teratur akan lebih kelihatan mantap dan dapat menghasilkan wibawa diri yang sangat kukuh. Kemampuan diri dalam bertindak juga akan setara dengan keadaan usia yang dilalui. Bukan tidak ada baiknya jika remaja mendahului usia atau bak kata lebih 'mature' dalam tutur kata dan tindak-tanduknya, kerana ini membantu dalam menjadikan remaja itu mengurus kehidupannya dengan lebih konfiden. Sebaliknya jika mendahului usia untuk setakat mahu diiktiraf sudah menjangkau dewasa, ia boleh menghasilkan natijah lain yang tidak dapat menggambarkan kesan positif dari kedewasaan tersebut.

Misalnya, ada remaja mahu cepat dewasa supaya senang dia merokok dan dia boleh

bergaul ke mana saja tanpa ada sekatan dari ibu bapa, lain lagi yang mahu cepat memandu kereta supaya akan lebih diiktiraf kawan kerana dia sudah dewasa dan bermacam-macam lagi. Akhirnya bila tidak mampu berada di alam kedewasaan, ia terjerumus ke satu lembah di mana kerosakan kehidupan pula yang diundang dalam melalui suasana tersebut. Kedewasaan yang datang terlalu awal juga boleh menjadikan seseorang remaja itu kehilangan, kesempatan yang amat berharga dalam pembentukan nilai diri. Tidak dapat tidak remaja tidak boleh melepaskan diri dari tanggungjawab membina kehidupan. Tanggungjawab beragama perlu disemai dengan sebaiknya untuk dijadikan bekal dari hari tua, memahami kehidupan dalam konteks kehidupan yang baik mesti dihayati sewaktu usia remaja ini dengan sebaiknya.

Menimba ilmu pengetahuan dengan sebanyaknya hanya dapat digiatkan dalam usia remaja, usia yang tahan dan mudah pula memahami keilmuan perlu dimanfaatkan dengan sebanyak mungkin. Maknanya usia remaja perlu digunakan untuk membentuk kualiti diri. Kualiti yang akan menjadi modal dan aset untuk melangkah dewasa. Jika remaja memiliki nilai dan kualiti yang tinggi maka lahirah generasi pewaris yang kukuh dan mantap. Jika sebaliknya kita tidak akan dapat melahirkan kualiti generasi yang berkesinambungan yang akan mewarisi kepimpinan masyarakat dan negara di masa hadapan. Maknanya usia remaja mesti dijadikan 'platform' yang akan membantu ke alam dewasa. Platform tersebut hendaklah kukuh dan menarik, baru kita akan dapat memasuki alam dewasa dengan lebih mantap dan wibawa.

Merancang masa depan bermula dari alam remaja adalah juga merupakan langkah yang sangat baik. Masa depan mesti ditentukan dalam tempoh usia remaja, merancang dengan teliti ke mana hala tuju sewaktu dewasa akan mewujudkan satu laluan kehidupan yang baik dan teratur. Misalnya, jika kita berhajat untuk menjadi seorang jurutera bila dewasa nanti, kita mesti bermula di usia remaja ini memahami, apakah bentuk kerjaya dan bidang ini. Bila kita mengetahuinya, kita pula akan melakukan di waktu masih di bangku sekolah belajar dengan gigih, tekun dan berdedikasi. Menghasilkan kejayaan cemerlang akan dapat dijadikan sebagai pasport untuk merealisasikan matlamat di hari dewasa. Justeru kesempatan menjadi orang remaja tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Generasi muda remaja hendaklah memahami bahawa tempoh untuk melangkah ke alam remaja tidaklah akan bertahan lama. Sampai saat dan ketikanya kita pula akan melangkah ke alam belia dewasa dan seterusnya. Lebih jauh dari itu, alam remaja yang datang sekali seumur hidup perlu digunakan dengan penuh manfaat. Tidak boleh kita mengelakkan diri untuk lari dari pemahaman sedemikian.

Lantaran nilai dan pembentukan kualiti remaja akan hanya dapat dibentuk dari pemahaman nilai dan kualiti yang akan dilahirkan sendiri. Pencorakannya akan banyak bergantung kepada suasana yang ingin dilakarkan. Begitulah betapa usia remaja sangat penting dalam berperanan merealisasikan kehidupan di hari dewasa. Usia remaja mesti bijak dikendalikan supaya ia tidak menjadi peluang yang mengancam dan merugikan diri. Justeru dari keadaan dan perspektif sedemikian inilah kita mahukan calak kitani menjadi lambang dalam penilaian dan peningkatan diri setiap remaja itu.

MAJLIS PENGUNDIAN DAN PEMILIHAN KETUA KG. TUNGKU/ KG. KATOK MUKIM GADONG 'A'

JABATAN Daerah Brunei dan Muara memaklumkan kepada para penduduk Kampung Tungku/Kampung Katok, Mukim Gadong 'A' bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung berkenaan akan diadakan pada hari Ahad, 17 Disember 2006 bertempat di Sekolah Rendah Tungku Brunei III, Mukim Gadong 'A' bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan petang jam 1.30 hingga 3.30 petang.

Jabatan Daerah Brunei dan Muara memohonkan kerjasama daripada semua penduduk berkenaan yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap yang berumur 18 tahun ke atas dan tinggal bermastautin di kampung berkenaan dan nama-nama mereka yang terdapat dalam Senarai Daftar Pengundi Penduduk adalah diminta hadir di Majlis Pengundian dan Pemilihan dengan membawa Kad Pengenal masing-masing.

Bagi para penduduk kampung yang nama mereka tidak tersenarai di dalam Senarai Daftar Pengundi Penduduk kampung tersebut hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan nama-nama mereka kepada Penghulu Mukim Gadong 'A'/Pemangku Ketua Kampung Tungku/Kampung Katok, Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin beralamat No. 300, Kampung Tungku, Mukim Gadong 'A' atau ke Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara mulai tarikh pendaftaran dibuka.

Pendaftaran bagi Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung berkenaan dibuka mulai 15 November 2006 hingga 16 Disember 2006. Pendaftaran juga boleh diterima selewat-lewatnya sehari sebelum majlis pengundian dijalankan iaitu hari Sabtu, 16 Disember 2006.

Mana-mana penduduk kampung yang nama-nama mereka tidak tersenarai dalam Senarai Daftar Pengundian Penduduk semasa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tungku/Kampung Katok, Mukim Gadong 'A' tidak dibenarkan mengundi pada hari pengundian tersebut.

Pesta Buku 2007 tingkatkan kesedaran membaca

BERAKAS, Sabtu, 11 Oktober. - Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengadakan Pesta Buku Brunei 2007 pada 25 Februari sehingga 6 Mac 2007 bersempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-23 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran membaca di kalangan masyarakat.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr. Mataim bin Bakar pada Sidang Akhbar Pesta Buku 2007 yang diadakan di Dewan Patih Berbai di sini.

Menurutnya, Pesta Buku 2007 ini bertujuan untuk memberikan peluang pertemuan kepada toko buku, penerbit, ilustrator, pustakawan, pelajar, pencinta buku dari dalam dan luar negeri serta masyarakat umum untuk meningkatkan daya apresiasi terhadap buku.

Sebanyak 85 petak gerai akan disediakan oleh pihak penganjur di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Hassanah Bolkiah yang terbuka kepada institusi pendidikan, jabatan-jabatan kerajaan, penerbit-penerbit dalam dan luar negeri serta penjual IT.

Sepanjang pesta buku 2007, beberapa acara sampingan akan diadakan seperti kuiz yang menawarkan hadiah menarik kepada para pengunjung serta menggalakkan para peserta untuk menjual bahan pameran dengan memberikan potongan untuk menarik lebih ramai pengunjung.

Pelbagai kategori buku akan dipamerkan termasuk buku seni, buku kanak-kanak, buku agama, buku panduan melancong, buku sains dan teknologi, buku akademi, majalah komputer dan lain-lain.

SEKILAS INFO

OPERASI PENGGERUDIAN TELAGA EKSPLOITASI PGM-4 DAN 4STI

JABATAN Laut, Kementerian Perhubungan memaklumkan bahawa operasi di atas akan diadakan bermula 22 November dan dijangka berjalan selama 105 hari dari tarikh tersebut.

Kawasan terabit melibatkan Padang Champion, kawasan PGM-4, Garis Lintang 5°14'36.29 dan Garis Bujur 114°46'19.49".

Rig penggerudi digunakan 'DEEP DRILLER 2' dan kawasan-kawasan bahaya sekitar 500 meter dari kawasan tersebut.

Kapal-kapal diminta tidak memasuki kawasan berkenaan pada tarikh yang dinyatakan.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan,
diberikan percuma kepada rakyat;
rajin membaca luas pengetahuan,
Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar 750 keluaran 22 November 2006, ialah :

Bangunan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 750 keluaran 22 November 2006

Nur Yasmeen Sabrina binti
Md. Yusof,
Sekolah Sinaran Mas.
Umur : 5 tahun

Nur Asyiqin Aqilah binti Amir,
Sekolah Rendah O.K.S.B.,
Kilanas.
Umur : 10 tahun

Mohd. Amnan bin Haji Yahya
Sekolah Rendah A.H.M.Y.,
Katimahar.
Umur : 11 tahun

ALAI PINTAR

ALAI DIALU-
ALUKAN
MENGUNAKAN
PERPUSTAKAAN
RUJUKAN,
JABATAN
PENERANGAN

SOALAN ALAI PINTAR 752

1. Apakah nama bangunan ini?

.....

2. Di manakah letaknya?

.....



BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 752

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 752,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

AKU pun membuka pintu. Ketukan dan salam yang telah kujawab, jelas sekali tidak kuduga siapa yang berada di luar. Lalu apabila daun pintu kuselak, aku merasa terkejut dan kaget kerana lelaki yang telah lama tidakku jumpa sudah kini muncul di hadapanku.

"Ya, kenapa?" aku bertanya, pertanyaan yang sebenarnya untuk menutupi kekagetanku. Aku merasa seperti dalam mimpi menemui lelaki ini.

"Boleh abang masuk?" pintanya sambil tersenyum jelas sekali senyuman begitu mengharapkan.

Dia tersenyum memandangkanku, mungkin dia tahu apa yang ada di dalam fikiranku. Dia masih terkejut di pintu, masih mengharapkan keizinan untuk masuk. Entah mengapa, perasaanku begitu menggigit-gigit ingin dia masuk. Wajahnya mengingatkan ku kembali kepada seseorang yang telah lama pergi dan menghidupkan memori-memori bahagiaku bersamanya.

"Ehem," dia berdehem membuatkan aku tersentak kembali ke dunia nyata.

"Apa hal?" tanyaku dengan suara yang kurang senang dengan kehadirannya. Memandangkan hari sudah malam.

"Izinkanlah abang masuk dulu. Tentulah inda baik kitani bercakap panjang kalau camani," harapnya. Dia begitu mengharap sekali untuk masuk ke rumah walaupun tidak mendesak. Dia tersenyum sekali lagi, ikhlas dan menawan.

"Untuk apa? Ada urusan apa kita dengan aku, kalaukan bacakap, cakap-tah saja di sini.

Inda payah di dalam," ketegasanku membuatkan dia merengus.

"Abangkan bercakap panjang sama Zu?" ujarnya jelas hampa terpancar di wajahnya dengan ketegasan kata-kataku.

"Kau bukan muhrimku kan masuk rumah sesuka hati, karang apa kata jiranku sebelah-menyeberalah, inda bisai bah, aku ani lagi bini orang," tiba-tiba aku menjadi marah sehingga lupa apa kedudukanku yang sebenar.

Dia ketawa sehingga menampakkan gigi putihnya yang bersusun sambil meramas-ramas jambangnya yang begitu kemas.

"Heh," aku mencemuh pula. Tidak senang dengan ketawanya. "Lebih baiktah kau balik, kalau nada urusan yang penting, maaf," tegasku sinis sambil menolak daun pintu untuk ditutup.

Namun apa dayaku untuk menutup kerana kakinya terlebih pantas menghalang.

"Lebih baik kalau abang balik saja, tolonglah ...," kalau mahu datang saja ke ofis tapi bukan di rumah ani," rasa marah bercampur geram menjadi pertimbangananku turun naik. Entah mengapa aku begitu lemah sekali berhadapan dengannya.

"Please, izinkan dulu abang masuk, abang ke mari ani membawa niat dan tujuan yang baik," lelaki itu lembut dengan mengharap.

Aku teragak-agak. Haruskah lelaki ini ke bernarkan masuk? Aku begitu bingung sekali. Dan apakah tujuan atau apa yang diperkatakannya nanti, aku merasa tidak senang.

"Abang indakan balik selagi abang belum beri-

tahu apa tujuan abang datang ke mari ani," tambah lelaki itu.

Dalam pada itu sempat pula aku menyorot rupa dan bentuk tubuh badan lelaki itu, dia tidak ubah seperti suamiku.

Akhirnya tanpa menyentuh pintu lagi aku berundur bergerak ke dalam ruang tamu berdiri bersebelahan dengan almari kaca yang penuh dengan perhiasan kristal.

Dia masuk. Pintu ditolak dan terus tertutup rapat. Sebelum bergerak untuk duduk, dia sempat melihat sekitar ruang tamuku kemudian tanpa meminta izin dia lantas duduk dan bersuara.

"Abang indakan menyelsal dengan apa yang abangkan katakan ani, biar abang perbetulkan kata-kata Zu tadi, Zu bukan lagi isteri orang, hmm ... jadi nada

siapa yang dapat halang abang, lagipun niat abang ke mari adalah baik."

Aku terkedu dengan katanya. Memang benar aku bukan isteri orang lagi, aku seorang balu yang kematian suami tiga tahun yang lalu. Kini aku berdepan dengan abang iparku, kembar seiras Allahyarham suamiku.

Aku meraup mukaku dengan kedua-dua tapak tanganku. Ya Allah, dugaan apakah yang kau berikan kepada hamba-Mu ini?

Aku hanya terdiam bisu seribu bahasa.

"Ke mari nah," pintanya tanpa memandangkan sambil memupuk-mupuk sofaku.


Aku tetap tidak berganjak di tempat berdiriku. Aku tidak menghiraukan kata-kata.

"Hanni ... ke mari nah, duduk sini sama abang."

SINAR

CERPEN

Oleh : Juhana Junaidi



"OHH sebab aku bujang ani, kau balu, jadi aku ani inda layaklah sama kau? Mengapakan kau berfikiran sempit anikan ah? Jangan pentingkan diri sendiri ani deh, cuba fikirkan anakmu atu, anak Daniel bah, inda kau kesiankah? Ia perlukan belaian sama kasih sayang dari seorang bapa," kemarahan Daniel Azman membuatkan ku kaget dan menangis.

abang untuk hidup bersama Hanni? Abang tau Hanni inda dapat melupakan arwah Daniel, tapi berilah sedikit abang ruang untuk membahagiakan Hanni, insya Allah abang akan menjaga dan melindungi Hanni, abang janji," pinta Daniel Azman dengan penuh mengharap sehingga membuatkan dadaku merasa sesak dan sukar untuk bernafas.

"Kenapa mesti aku, kan banyak lagi bini-bini baik yang mau sama kita, contohnya si Nurul, aku ani inda layak bah sama kita, kita atu bujang sedangkan aku ani balu," kataku seakan merendahkan diri.

"OHH sebab aku bujang ani, kau balu, jadi aku ani inda layaklah sama kau? Mengapakan kau berfikiran sempit anikan ah? Jangan pentingkan diri sendiri ani deh, cuba fikirkan anakmu atu, anak Daniel bah, inda kau kesiankah? Ia perlukan belaian sama kasih sayang dari seorang bapa," kemarahan Daniel Azman membuatkan ku kaget dan menangis.

Tiada lagi kedengaran sebutan nama manja 'Hanni', ianya telah bertukar menjadi 'kau' dan 'aku' kerana sikapku yang keras kepala.

Aku tahu Hisham anakku dahagakan kasih sayang dari seorang bapa, dia selalu bertanya kepadaku mengapa dia tiada mempunyai seorang bapa sedangkan kawan-kawannya mempunyai seorang bapa.

Tapi bagaimana, aku sudah bertekad arwah Daniel sajalah suamiku dunia dan akhirat tiada yang kedua dan ketiga.

"Hanni?" nama itu berkumandang lagi mungkin sudah reda kemarahannya. Dia menghela nafasnya dengan panjang mungkin merasa bersalah dengan kata-katanya itu tadi.

Dia menghala dua tapak betul-betul di hadapanku, memujukku untuk diberi peluang kepadanya untuk

mendampingiku, dia meluahkan segala perasaannya yang telah lama dipendamnya selama ini sebelum arwah Daniel mengambilku sebagai seorang isteri.

Aku memejam mataku dan menarik nafas dalam-dalam sambil berfikir, adakah patut kuberi peluang kepadanya, untuk diriku dan demi kebahagiaan serta kasih sayang anakku.

"Berilah Hanni sedikit masa bang untuk berfikir," pintaku setelah agak lama berdiam diri.

Daniel Azman mengangguk sambil tersenyum dengan reaksi yang kuberikan, dia merasa yakin mempunyai peluang untuk mengambilku sebagai isterinya.

"Ok, abang bagi masa tapi hanya seminggu, habis saja selesai tugas abang di Singapura, abang mahukan terus jawapan dari Hanni, abang harap Hanni inda mengecewakan harapan abang," pintanya nakal sambil mengenyitkan matanya.

Hampir terbeliak mataku dengan tempoh yang diberikannya. Aku hanya tersenyum mengangguk-angguk untuk menutup kekagetanku.

"Insya Allah, Hanni akan cuba fikirkan."

Dia melihat jam tangannya. Dia menyeluk saku bajunya dan mengeluarkan kad alamatnya lalu diserahkan kepadaku.

"Abang inda boleh berleghang ni ... emm abang ada kerja penting yang perlu abang uruskan. Lagipun abangkan menyiapkan kertas kerja abang untuk dibawa ke Singapura nanti. Kalau ada apa-apa jangan lupa hubungi abang atau jumpa abang."

Dan dengan memberi salam, dia sempat menghadiahkan sebuah senyuman kepadaku.

Seperti dalam mimpi, aku berdepan dengan Daniel Azman, setelah sekian lamanya tidak berjumpa.

DIA tersenyum memandangkanku, mungkin dia tahu apa yang ada di dalam fikiranku. Dia masih terkejut di pintu, masih mengharapkan keizinan untuk masuk. Entah mengapa, perasaanku begitu menggigit-gigit ingin dia masuk. Wajahnya mengingatkanku kembali kepada seseorang yang telah lama pergi dan menghidupkan memori-memori bahagiaku bersamanya.

Aku tersentak betul dengan panggilan nama itu. Ku renungi dia dengan pengamatan yang mendalam. Hanya Daniel Ami, Allahyarham suamiku yang memanggilku dengan panggilan 'Hanni' hanya dia. Semua ahli keluargaku, kawan rapatku memanggilku dengan panggilan nama Zu.

Akhirnya dia mengangkat mukanya memandangkanku setelah agak lama dia menunggu. Tiada senyuman lagi di bibirnya dan matanya sudah begitu redup membayangkan satu kerinduannya.

Entah mengapa pula aku merasa dia suamiku. Dia perlahan-lahan menghampiriku.

Tiba-tiba aku merasa lemah tidak bermaya, aku terduduk, terleku di atas lantai. Aku mencuba mencari kekuatan untuk berdiri untuk mengelak diriku terbaring lemah.

Aku tidak dapat menahan air mataku daripada jatuh mengalir, aku merasakan kenanganku tiga tahun lalu datang kembali. Di saat-saat aku bersama suamiku mengecap alam bahagia.

Tetapi aku tersedar semula, yang berada di hadapanku kini bukanlah suamiku, tetapi kembarnya Daniel Azman.

Daniel Azman kaget melihat tingkah lakuku, dia menghampiriku dan mencuba menolongku daripada terduduk terus di atas lantai.

"Hanni, kenapa ni sayang?" dia mencuba memujuk.

"Inda ... inda ... aku bukan Hanni. Hanni sudah mati bersama abang Daniel, kau ... kau inda berhak memanggilku dengan nama itu," teriakku dengan tangisan yang tidak henti-henti mengalirkan airmata.

Dia merasa cemas sekali lagi dengan teriakanku. Dia cuba memegang tanganku tapi sempatku tangkis.

Selama tiga tahun aku dapat bertahan menahan kesedihanku, mengapa hal ini aku begitu lemah sekali? Aku bingung. Dia membiarkan aku berterusan melayani perasaanku. Aku menangis tersedu-sedan segala yang bernama sedih, sayu, terharu, pilu, duka semuanya mendatang berhimpun di kepalaku.

"Hanni?" dia memanggil nama panggilan itu lagi, membuatkan ku bertambah sayu lagi.

"Abang sekarang sudah sedia, zahir dan batin untuk mengambil Hanni sebagai bini abang, sudah lama abang menunggu, anitah masanya peluang yang abang ada," katanya lembut dan berharap.

"Lupakan sajalah bang niat baik kita itu, aku masih lagi inda dapat melupakan abang Daniel, dia saja satu-satunya teman hidupku, bagiku dia saja yang terbaik buatku bang."

"Nada peluangkah buat

INI semata-mata peringatan, bukan untuk mengata sesiapa atau mengajar, jauh sekali berlagak pandai. Kita sama-sama ingat-memperingati jangan sampai kita terlupa atau terlepas pandang kepada saudara kita sesama Islam. Ingatan ini untuk diri penulis sendiri dan sesiapa saja. Bukankah kita disuruh ingat-memperingati dan nasihat-menasihati, anjuran agama (di samping itu kita dianjurkan berbaik sangka sesama sendiri agar kita dapat menerima teguran itu secara ikhlas dan tulus).

Tapi hari ini, bukan nak jaga tepi kain orang, tetapi sekali-sekala mau juga nak memberitahu kepada kawan dan rakan tentang tepi kain yang mungkin sudah carik atau sudah terkoyak akibat kuat kibarnya atau sudah terlalu lama dipakai. Jadi 'tepi kain' itu terpaksa dijaga supaya tidak kuat koyaknya sehingga nampak apa yang tak patut nampak!

Kebaikan harus ditutup supaya tidak mendatang cela kepada kita. Kebaikan yang ada pada diri sendiri pastinya hanya kita dan Allah Subhanahu Wata'ala saja yang mengetahuinya. Jadi jangan malu untuk mengoreksi diri sendiri lantaran kita sesama hamba Allah. Ingat yang mulia di sisi Allah itu hanya orang bertakwa. Orang yang bertakwa sentiasa muhasabah diri dan tidak sombong diri, sentiasa mengaku kesalahan jika merasa diri bersalah dan juga sentiasa memaafkan orang lain.

Sayugianyalah Hari Raya, hari lebaran (Aidilfitri) yang disambut setiap tahun itu harus mempunyai nafas dan dimensi baru dari segi sambutan. Bukanlah bermakna apa yang kita sambut selama ini tidak betul hanya kita harus melihat ke arah yang lebih positif dan lebih rasional supaya selepas Hari Raya itu menjadi beban dan masalah kepada kita. Kita harus menjadi pengguna yang bijak. Jangan hanya sebagai pengguna 'buta' tidak tahu menilai keperluan dan keutamaan. Gunakanlah perbelanjaan kepada barang-barang yang dikira perlu dan mustahak, tak perlulah nak mengikut orang sebelah rumah yang berkemampuan atau ikut nafsu yang tidak dapat dikawal. Ingat kita sudah dilatih dan dididik untuk mengawal nafsu dan muhasabah diri semasa melakukan ibadah puasa. Puasa yang makbul itu akan menular sampai bila-bila.

Menjelang Hari Raya bukan hari yang nak berhabis-habisan. Ingatlah kemampuan kita, buatlah persediaan ala kadar, jangan nak beraya sehingga kita menjadi orang 'pokai' yang menggaru kepala bila sudah habis raya. Kita renung kasau, perbelanjaan anak sekolah dan lain-lain harus diberekan. Ada kata cerita, selepas Hari Raya, terpaksa jual kereta (yang kena tarik usah ceritalah) pinjam duit sana sini. Ada yang tak bernasib baik diugut along (sehingga mengancam nyawa, mungkin di negara kita perkara ini tidak berlaku tetapi di negara jiran pelbagai peristiwa yang mengerikan berlaku, tapi boleh jadi pengajaran dan iktibar). Beringatlah sebelum kena. Biarlah kita menyambut Hari Raya cara sederhana, ikut kemampuan kita, jangantah dilihat gah (hebat) di luar tetapi sengsara di dalam (penuh dengan hutang keliling pinggang). Ingat kegembiraan itu hanya sementara, lepas itu kita akan garu kepala!

Kanak-kanak memang paling gembira pada Hari Raya, mereka akan diberi pakaian yang baru dan pergi ke rumah-rumah untuk berhari raya. Harus kita pesan kepada mereka supaya menjaga adab susila dan harus diingat jika dapat duit raya katakan 'terima kasih' kepada orang yang memberi tetapi jika tak dapat jangantah tunggu, katakan juga 'terima kasih'. Terapkan kepada mereka supaya tidak mengharap 'sampul hijau' itu. Ada sesetengah rumah, mereka terpaksa tutup rumah kerana tak mampu untuk menghulur sampul hijau itu. Jadi dek kerana malu lebih baik tutup pintu, habis cerita. Kita tak mau ini jadi budaya, jadi mau'du Hari Raya untuk mengeratkan silaturahmi dan bermaafan itu akan pupus dan hilang.

Begitu juga konsep kunjung-mengunjungi, perkara ini sudah mulai pupus atau tidak berapa dipraktikkan, hanya kepada saudara terdekat sahaja atau kawan-kawan yang rapat sahaja. Kita lebih suka lepak di rumah tengok rancangan hiburan TV yang berlumba-lumba menayangkan hiburan, jadi konsep Hari Raya mula tersasar. Konsep Aidilfitri yang dikatakan kembali fitrah (suci) setelah beroleh kemenangan berjuang melawan hawa nafsu selama sebulan sudah tidak fitrah lagi, sudah tercemar dengan perlakuan kita yang tidak melambangkan fitrah kemanusiaan itu. Bukan fitrah kemanusiaan itu lahir dari dalam diri (jiwa, rohani dan juga minda) dan juga luar diri (gerak laku).

Natijah dari puasa itu akan melahirkan kita sebagai insan yang bertakwa dan berketerampilan mulia. Bulan puasa mendidik kita supaya berfikir positif. Cara berfikir dan bertindak akan terkawal dan kelihatan cantik dan indah. Ini natijah yang diharapkan selepas bulan puasa, jadi Hari Raya adalah hari yang merealisasikan apa yang diamalkan sebelumnya. Ini bukan apa, perkara ini sudah diingatkan selalu mungkin ramai yang dah tahu tapi mungkin saja lupa atau ada yang belum tahu, sebagai ingatan supaya kita tidak garu kepala bila dah kena. Siapa nak jawab nanti!

Apa yang penting dalam hidup ini kita harus pandai mengawal keadaan dan juga diri kita dalam berbelanja. Memang kalau ikutkan nafsu semua kita mau, tapi realitinya biarlah 'ukur baju di badan sendiri'. Kita tak boleh jadi orang lain, jadilah diri sendiri dalam mencorakkan kehidupan. Jadi untuk menjadi insan yang cemerlang harus datang dari diri sendiri (selalu muhasabah diri). Selalu ingat kebesaran Allah, reda dan mensyukuri nikmat Allah. Jadi untuk kita ingin maju dan berjaya dalam hidup kita harus berusaha ke arah kemajuan dan keluar dari kepompong pemikiran yang sempit. Kita harus berfikir terbuka, bukan hanya berpegang 'rezeki secupak takkan jadi segantang', memang dia takkan jadi segantang kalau kita tidak mau menjadikan ia segantang, jika berusaha lebih dari segantang pun kita boleh peroleh. Mungkin ini agak tersasar



GAMBAR HIASAN ... Berbelanja dengan ala kadar perlu dilakukan jangan sampai kita menjadi pokai dan kekurangan wang belanja.

sedikit, sekadar memberi peringatan dan motivasi supaya kita tidak selalu pokai dan garu kepala bila lepas Hari Raya.

Manfaatkanlah masa yang ada untuk melakukan kebaikan. Kebaikan di sini amat luas, bukan bermakna mencari kekayaan atau harta sehingga lupa tanggungjawab sebagai hamba Allah. Ingat, ayam itik pun tau nak pulang ke reban mereka bila senja, inikan pula kita, rumah tangga jangan dilupa, jangan asyik nak mencari kekayaan sehingga lupa rumah tangga dan tinggal tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Muslim yang baik itu mempunyai tanggungjawab pada diri, keluarga, masyarakat dan negara. 'Hablu minnallah' dan 'hablu minnannas'. Kita harus tau tanggungjawab sebagai ketua keluarga mengawasi anak isteri, jangan biarkan tanggungjawab itu diserahkan kepada pembantu

rumah. Jadi akibatnya bila anak menjadi liar atau sudah tidak menentu barulah kita garu kepala, menyalahkan isteri atau suami. Kita tidak mau anak-anak terbiar sehingga jadi beban masyarakat bila mereka jadi

kutu rayau atau terlibat dengan kegiatan yang tidak sihat. Anak-anak adalah saham masa depan kita. Mereka harus dididik dan diajar tentang ajaran agama dan juga tatasusila kehidupan. Jangan biarkan mereka



GAMBAR HIASAN ... Anak-anak jangan dibiar menjadi beban masyarakat. Mereka perlu dididik dengan ajaran agama dan tatasusila kehidupan.

MENJELANG Hari Raya bukan hari yang nak berhabis-habisan. Ingatlah kemampuan kita, buatlah persediaan ala kadar, jangan nak beraya sehingga kita menjadi orang 'pokai' yang menggaru kepala bila sudah habis raya. Kita renung kasau, perbelanjaan anak sekolah dan lain-lain harus diberekan.

Selepas Hari Raya POKAI DAN GARU KEPALA!



GAMBAR HIASAN ... Memang menjadi naluri manusia sukar untuk melawan hawa nafsu dan ianya memerlukan ketahanan diri dan kebijaksanaan pembeli.

membesar tanpa kasih sayang dari kedua-dua orang tua. Kita harus menjadi idola dan contoh kepada anak-anak supaya mereka akan menjadi generasi yang berguna kepada bangsa dan negara.

Kewajipan kita sebagai hamba Allah supaya sentiasa mensyukuri nikmat Allah supaya apa yang kita usahakan itu mendapat berkat. Ini penting dalam kehidupan, jadikan kerja itu sebagai ibadah dan amanah dari Allah, walaupun kita dapat gaji tetapi pada hakikatnya gaji dan rezeki itu datang dari Allah walaupun kita zahrimya kita berjanji (ikat janji) dengan pihak kerajaan tetapi ia merupakan amanah yang harus kita laksanakan dan penuhi. Jika nawaitu kita bekerja (baik di sektor kerajaan atau swasta) itu kerana Allah, maka rezeki yang diperoleh itu akan men-

Oleh : Haji Kassim Haji Omar

MEMANG kalau ikutkan nafsu semua kita mau, tapi realitinya biarlah 'ukur baju di badan sendiri'. Kita tak boleh jadi orang lain, jadilah diri sendiri dalam mencorakkan kehidupan. Jadi untuk menjadi insan yang cemerlang harus datang dari diri sendiri (selalu muhasabah diri).

dapat keberkatan dan hidup kita juga akan mendapat keberkatan. Ini adalah satu cara untuk menunaikan kesyukuran dengan melakukan amalan yang telah diberikan dan dipertanggungjawabkan. Jika ini berlaku, kita akan merasa satu kepuasan dan keseronokan dalam melakukan tugas yang diamankan.

Islam mempunyai tamadun yang tinggi yang telah melahirkan cendekiawan yang telah menghasilkan kemajuan dunia. Ibnu Kaldun, Ibnu Sina, Ibnu Rushdi (sekadar menyebut beberapa nama), mereka telah merintis dan membuktikan tentang kecemerlangan tamadun Islam itu sendiri. Jadi kita harus bangkit dari kegelapan dan kejahilan tentang makna Islam itu sendiri. Namun dalam mengejar kemajuan dunia itu, paksi dan asas tentang ketuhanan haruslah kukuh, jangan longgar sehingga boleh menjerumuskan kita ke dalam perangkap hawa nafsu atau yang boleh merosakkan akidah kita.

Sama-samalah kita berfikir secara rasional, bagaimana untuk memper-

baiki diri dan keluarga dalam kehidupan. Kita harus merubah cara berfikir, paradigma berfikir harus selari dengan tuntutan agama. Kemajuan teknologi dan dunia 'cybre' tidak mengongkong kita untuk berfikir positif. Islam tidak melarang kita untuk berinovatif dan berkreaitif dalam melakukan sesuatu. Islam sendiri menggalakan umatnya maju dalam segala bidang. Islam tidak hanya untuk duduk di tikar sembahyang dan berdoa sahaja. Islam itu dilihat tinggi dari segalanya.

Jadi ingat-mengingati dan maaf-bermaafan dalam bulan baik dan hari baik adalah tuntutan dalam ajaran agama. Kita harus mengambil kesempatan untuk merubah diri supaya kita dapat menjadi insan yang bertakwa dan beriman. Kesempatan untuk mengoreksi diri dan kehidupan akan menghasilkan natijah yang baik. Berwaspadalah dan beringat-ingat semasa berbelanja menjelang dan sesudah Hari Raya. Kita tak mau lepas raya 'langoi kasau dan garu kepala'.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

SENIMAN

Tiap bisikan seniman itu nadanya luar biasa ada resah di dalam sepi diri tapi jelas, dia tak kisah dia seorang idealis jika dianalisa jiwanya dari lakaran di atas kanvas ilustrasi lukisan ciptaannya jelas ia suka menyendiri bila berdiskusi dari bicaranya yang halus dan unik jiwanya amat jitu dan sentimen apa lagi bila dia menggariskan tiap obrolnya tangan yang lembut menghayun berus dan pena dia bukan seorang jengkil ilhamnya bernas jauh ke depan.

Ternyata ia seorang budayawan bangsa dan penyair sering dan suka berbicara siasah demi negara yang sebatiji jiwa dan nadinya ia beridea tinggi untuk pelapis bangsa yang cintakan tanah air ia memiliki personaliti kepimpinan kaya dengan inspirasi dan berpotensi apa saja yang diluahkan dan dilontarkan, dia ... nampak hebat, tokoh, gerini, cikal dan handal berdiskusi itulah aspirasinya ingin menjadi seniman.

Haji Mat Noor Matussin

HARI RABU 2006

Setiap minggu CCA di Sekolah Menengah Awang Semaun sebelas pagi hingga dua belas setengah tengah hari pilihan pelajar diawasi guru.

Kadet Polis berdiri tegak berdiri sama rata berbaris sama lurus tanpa ada yang jatuh mendisiplinkan diri.

Kelab Perhutanan bersatu padu menangkap rama-rama belalang diawetkan dan dibingkaikan.

Chess permainan dalam bersungguh-sungguh menguji minda teliti waspada kalau menang senyum kalau kalah kecewa.

Gulingtangan bimbingan bekas penuntut Sekolah Menengah Awang Semaun berusaha mencurahkan ilmu warisan budaya.

Melahirkan kemahiran tak kenal maka tak cinta seni gulingtangan memukul gong tawak-tawak canang seruling gambus gendang dan gulingtangan mengalunkan irama yang indah.

Congkak dan pasang Kelab Bahasa Melayu dan Persuratan dibimbing oleh guru-guru yang memperjuangkan permainan tradisi pemontut-pemontut bermain tekun dengan kerian dan keseronokan.

Kelab Keusahawanan berdikari mencari rezeki berniaga dengan sabar untung atau rugi tabah dan tekun mencari rezeki.

Aku menulis puisi ini berilhamkan pengalaman setiap hari Rabu pengamatan pertanyaan hasil Kelab Sajak.

Semaun 06

CAHAYA UFUK TIMUR

Begitu indah cahaya di ufuk timur tenang, damai dan aman langkah bahagia jika aku di sana tenteram tanpa ada yang menyakitiku ...

Tapi sayang aku jauh jauh dari ketenangan itu

apa yang kulalui hanya derita hidupku penuh dengan dugaan ...

Tak siapa yang peduli tak siapa yang mengasihi tak siapa yang memahami isi hatiku dan perasaanku ini ...

Sering ku bertanya pada diri ini bilakah aku akan merasa kebahagiaan ketenangan, kedamaian dan keamanan seperti setenang cahaya di ufuk timur itu ...

SI AWAN PUTIH

Kudongak ke langit kelihatan awan begitu indah sekali warna putihnya mendamaikan disaluti dengan warna langit yang biru berkumpul, bersatu dan menyatu kelihatan begitu akrab sekali dengan berbagai-bagai bentuknya menceriakan lagi hati yang melihatnya namun sayang, ia tak begitu kekal bila awan hitam berarak ganas mencatarkan pemandangan indah menggelapkan suasana yang ceria sekejap lagi akan turunlah hujan bersama bunyi guruh yang mengerikan petir dan halilintar bersatu memanah mencelurukan lagi kedamaian namun si awan putih pasti akan mencerahkan lagi suasana mengembalikan keceriaan yang dinanti ketenangan dan kedamaian hati.

HATI DAN PERASAAN

Tanyalah pada hati kenapa ini terjadi tanya pada perasaan ini mengapa harus terjadi.

Hati berkata kerana cinta itu suci perasaan pula berkata memang itu suratan takdir.

Benarkah kata hati? tak bohongkah dia betulkah perasaan atau itu cuma helah.

Akan terlukah hati jika aku tak menuruti akan terguriskah perasaan jika aku tak percaya.

Perlukah aku ikut kata hati tak menyesalkah aku nanti haruskah ku ikut perasaan ini tak meranakah hidupku nanti.

Aziee A. R.

KESUCIAN

Kesucian di waktu malam nan syahdu dalam pengabdian diri penuh khushyuk dan tawaduk mencari kedamaian hati dan keluhuran budi sejati agar dipohon doa dan restu.

Hanya dengan kesucian menghapuskan segala penderitaan dalam sujud penuh keimanan bertawakal dan menyerah pada-Nya.

KEAZAMAN

Dalam keazaman tahun baru memberi semangat kesedaran dan keinsafan pada diri yang daif ini tak kenal penat dan lelah demi mengejar cita-cita nan masih terbengkalai.

Dengan keazaman memberi semangat baru walau ada rintangan dengan kejujuran dan keyakinan demi mencapai segala tujuan dan bertawakal pada-Nya.

SEBATANG SUNGAI

Sebatang sungai dalam waktu pagi membawa malam airnya tenang dan permai perjalanan penuh berliku-liku hutan hijau sepanjang terasa sepi menghantui diri.

Dan airnya mengalir jauh ke kuala tersimpan rahsia riwayat hidup dalam suka dan duka nan dilalui.

SINARAN BULAN

Sinaran bulan di waktu malam penuh syahdu terasa dingin dan sepi

tiupan angin membisikkan dengan kedamaian dan keindahan hanya di lubuk hati.

Dan sinaran bulan kenangan mengusik jiwa di mana aku dan dia memadukan cinta nan sejati.

Adi Jiwa

TANGAN PANJANG

Cepat tanganmu mencapainya biarpun keadaan sekelilingmu amatlah sibuk dipenuhi orang ramai yang berduyun-duyun.

Keadaan yang penuh sesak dengan orang yang berpusu-pusu merupakan bakal rezekimu untuk melimpah-ruah.

Hari ini kau akan ada rezeki tangan yang panjang sekian lama melakukannya akan bertambah cepat dan boleh menimba pengalaman di samping itu kau dapat ilmu dari rakan seangkatanmu.

Dengan langkah perlahan engkau mencapainya matamu liar melihat sekeliling dengan cepat kau dapat dan berlakon buat-buat tak tahu bergerak ke tempat lain kau lihat isinya hasil yang sekian-sekian hari boleh mengenyangkan perutmu berhari-hari atau kau boleh beli keperluanmu memang pekerjaanmu mudah tapi mendebarakan bila dicekup baru menyesal bukan kepalang bila ditahan dalam lokap baru sedar memang kau pencuri unpama tangan panjang.

TIADA HARI SEPerti ESOKNYA

Hari ini aku rasa gembira khabar baik yang dapat mood menjadi bagus segalanya berjalan dengan lancar beres melakukan kerja seperti tiada hari seperti esoknya.

Hari ini rasa aku sedih perit terasa hidup ini teramat nasib kurang baik segalanya terasa sempit dan sesak setiap terasa sakit kepala yang teramatlah perit dan pedih.

Setiap saat terasa berminit-minit lamanya setiap minit terasa berjam-jam lamanya seperti perjalanan masa yang bergerak dengan perlahan mengharap tiada hari seperti esoknya.

Setiap hari merupakan perjalanan hidup perlu menghadapinya anggaplah hidup ini tiada hari seperti esoknya.

A. Zerol

PERJALANAN BURUNG PUTIH

Di Subuh yang bening burung putih lidahnya basah berzikir nan bersungguh-sungguh menyebut nama Allah ia bersifat menunggu Subuh berangkat sebelum terbit mentari mengandar amanah yang termeterai menyurat tugas di dunlari di sana sini.

Dengan kalimat suci burung putih membelah awan terbang dengan seribu harapan merentasi gunung-ganang langit biru lautan biru.

Burung putih hatinya putih segigih mungkin di perjalanan tetapi tiada pula di hati alpa dan lalai di mana tempat menjelang solat di situ ia beribadat menghadap kiblat Baitullah Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Berkuasa.

Burung putih berlegar-legar di angkasa bagaikan kapal belayar di samudera adakah ini cuma bagaikan mimpi?

berkhayal di fantasi penuh pelbagai ilusi.

Burung putih berkelana ke kota dan ke desa ceruk rantau dan pesisir menempuh ribut dan petir sedikit pun tiada hatinya getir hati tetap penuh berkobar-kobar segigih tenaga yang ada cahaya matahari naik menyinsing panasnya terasa membahang Zuhur sudah di horizon waktu di langit lazuradi awan berarak lalu kumat-kamit burung putih berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad.

Nafas naik turun menyongsong angin berhembusan badan terasa kesejukan anggota badan menjadi lenguh senja sudah berlabuh terucap kalimat Allahuakbar dan tertutupnya tirai Asar.

Mentari beringsut-ingsut hampir tenggelam akan menjelangnya pula tabir malam.

Burung putih di angkasa raya lalu turun dengan serta-merta Solat Maghrib lantas ditunaikan dengan ikhlas penuh khushyuk mengabdikan diri kepada Illahi kemudian ia membuka lembaran-lembaran Al-Qur'an di dalam hati terasa nyaman berzikirkan Al-Qur'an mentauhidkan Tuhan hingga meniti masuknya Isyak.

Malam meniti malam di perjalanan siang berganti malam bintang-bintang berkelip malam menyisir malam tanpa sempadan teman-teman seiring jalan di dada berkilauan namun di hatinya tiada mengharap imbalan kerana ia bukan berjiwa elon apatah lagi bermanis-manis bibir dan bercelupar.

Keringat yang mengalir pagi dan petang tiada ia mengambil pusing bekerja dan bekerja kerana Allah jua.

Burung putih tiada memikirkan sangat hal kedumian yang sering menggugat burung putih lalu mengubah arah lebih banyak mengingati Allah terus meningkatkan ketakwaan di tengah malam mencumbui Tuhan solat tahajud memohon rahmat.

Burung putih berbulu putih hatinya putih bersih air mata bercucuran membasahi pipi hatinya kecut menghadapi di hari nanti burung putih berzikir dengan sepenuh hati menyebut Allah dan Nabi dan terbayangnya bangunan Ka'abah berkelambukan hitam tersergam gagah di Masjidilharam Mekah Al-Mukarramah datang dan pergi berulang kali di ruang mata.

Burung putih berbulu putih pernah menjadi tetamu Allah mengerjakan ibadat haji dan umrah di Masjidilharam dan di Masjid Nabawi Madinah Al-Munawwarah kota ibadat kota rahmat.

Dalam usia sebegitu rupa perjalanan masa pantas tak terasa nostalgia di masa lampau begitu manisnya sekali-sekala tersentuh jua di hati kecilnya dan burung putih bersyukur dapat bernafas di bumi yang makmur.

Burung putih lalu berdoa ke hadirat Illahi agar amalan hamba-Nya sentiasa kental dan kukuh semoga akan diterima Allah.

Burung putih hatinya sepi satu demi satu sahabatnya telah pergi mereka pergi tiada akan ketemu lagi perjalanannya jauh menemui Rabbi lalu ia bersedekah dan membaca Faatihah.

Burung putih berusia setengah abad setiap waktu mengerjakan ibadat di tikar sejadah mendekati Allah.

Mahadi R. S.



سنتياس برسام بيسكيتا
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليسيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 6 DISEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	CYBERCHASE
4.45	THE LOST WORLD
5.15	DRAMA MOU - 'Mencari Sinar'
5.45	BERITA
6.07	AZAN MAGHRIB
6.30	FILLER
6.45	SIRAH NABAWIYAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.21	AZAN ISYAK
7.30	GALERI
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA - 'Misteri Di Balik Tabir'
9.30	WARNA WARNI - Ulangan
10.00	NEWS AT 10
10.45	ON THE BALL
11.15	BEWITCHED
11.45	BOSTON LEGAL
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 7 DISEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	DRAMA - 'Kabut Sutra Ungu'
12.13	AZAN ZUHUR

PETANG

1.00	TRANSIT
1.30	GUINNESS WORLD RECORD
2.30	PHILIPPINES MOVIE - 'Bakit Di Totohanin'
3.35	AZAN ASAR
4.00	ATOM
4.30	DRAGON TALES
5.00	BEYOND 2000
5.45	BERITA
6.00	MOLECULAR UNIVERSE
6.07	AZAN MAGHRIB
6.30	FILLER
6.45	HALUAN

MALAM

7.22	AZAN ISYAK
7.30	WARTA ISLAM
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	AN NUUR - 'Masjid Kampung Sungai Besar'
10.00	NEWS AT 10
10.45	DRAMA - 'Syurga Di Bawah Telapak Kaki Ibu'
11.45	WAYANG PILIHAN - 'Trapped Buried Alive'
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 8 DISEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SESAME STREET
10.45	SHAPIES
11.15	RAKAN CYBER
11.30	BERITA
11.45	JEJAK RASUL
12.15	FINGER TIPS
12.30	SEMPAHIYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
2.30	FOKUS
3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Chal Mere Bhai'
3.35	AZAN ASAR
3.40	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan
5.25	DR. OTTER
5.45	BERITA
6.00	SYIAR MASJID
6.08	AZAN MAGHRIB
6.30	FILLER

6.45 BICARA IMAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.22	AZAN ISYAK
7.30	DRAMA - 'Genap Dua'
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RANJAU KEHIDUPAN
9.30	MOUSE TV
10.00	NEWS AT 10
10.45	ULASAN KHUTBAH JUMAAT
11.00	TELEDRAMA - 'Cinta Popular'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 9 DISEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	W.I.T.C.H.
10.45	FERGUS McPHAIL
11.15	DRAMA - 'Menuju Keredaan'
11.30	BERITA
12.00	GILLETTE WORLD OF SPORT
12.14	AZAN ZUHUR
12.30	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Ghost Cat'

PETANG

2.00	DRIVE
2.30	SPORTS PAGE 2005
3.00	THIRD WATCH
3.36	AZAN ASAR
4.00	MOUNT ST. HELEN
5.00	THE MAGIC SCHOOL BUS
5.30	JUST A KID; CAITLIN'S WAY
5.45	BERITA
6.08	AZAN MAGHRIB
6.15	PORTS OF CALL
6.45	PEDOMAN AKIDAH

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.23	AZAN ISYAK
7.30	MANAGING GLOBAL BUSINESS
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DARI STUDIO SATU
10.00	NEWS AT 10
10.45	TAYANGAN GAMBAR - 'Sweet Revenge'
12.15	GUINNESS WORLD RECORDS
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 10 DISEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SUPER ROBOT MONKEY TEAM HYPER FORCE GO!
10.45	TIMEBLAZERS
11.15	PADA SUATU HARI - Ulangan
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - 'Enslavement: Fanny Kemble'
12.14	AZAN ZUHUR

PETANG

1.15	LIGA BRASIL
2.45	ON THE BALL
3.30	CITA RASA AIDILFITRI
3.36	AZAN ASAR
4.00	CARLAND CROSS
4.30	DRAMA - 'Meniti Pelangi'
5.00	KAUNSELING MASYARAKAT
5.30	PENGAJARAN DARI AL-QUR'AN
5.45	BERITA
6.00	MUTIARA HUTAN - 'Flora Hutan Keruntum'
6.09	AZAN MAGHRIB
6.30	MUSULMAN THE UNTOLD STORY

MALAM

7.00	TAHUKAH AWDA
7.23	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TIRAI KELUARGA - 'Mat Bond'
10.00	NEWS AT 10
11.45	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.15	STRONG MEDICINE
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 11 DISEMBER

PAGI

6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	HEALTHY HOME
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	THE LEGEND OF ZORRO
5.15	GILLETTE WORLD OF SPORTS
5.45	BERITA
6.00	WORKING ANIMALS
6.09	AZAN MAGHRIB
6.30	FILLER
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.24	AZAN ISYAK
7.30	LINGKARAN IMAN
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA - 'Tengkujuh Di Musim Bunga'
9.30	EXPATS
10.00	NEWS AT 10
10.45	ON THE BALL
11.15	PRIVATE LIVES
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 12 DISEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA - - Ulangan
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	MAPLETOWN
4.45	BUG ALERT
5.15	SCIENCE WORKSHOP
5.45	BERITA
6.00	ME@TV
6.09	AZAN MAGHRIB
6.30	FILLER
6.45	AL ISLAM

MALAM

7.00	MENCARI SUKINAH
7.24	AZAN ISYAK
7.30	DOKUMENTARI : 'Gaya Hidup'
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RANCANGAN KHAS SENARIO
10.00	NEWS AT 10
10.45	DRAMA BMR 'KOD 486' MUSIM 2
11.45	MINI SERIES : 'Third Twin'
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT



**PEJABAT DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**KEKOSONGAN RUANG KEDAI DI KOMPLEKS PERNIAGAAN
BUMIPUTRA DAERAH TEMBURONG**

ADALAH dimaklumkan kepada penduduk-penduduk Bumiputera Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang tinggal menetap dan bermastautin di Daerah Temburong bahawa permohonan-permohonan untuk mendapatkan ruang kedai yang telah dikosongkan di Kompleks Perniagaan Bumiputra Daerah Temburong dengan ini mula dibuka. Peniaga-peniaga Bumiputera adalah dipelawa untuk menghadapkan permohonan mereka. Borang-borang permohonan boleh didapati di Pejabat Daerah Temburong Bahagian Perlesenan dan tarikh tutup penerimaan permohonan adalah pada 30 Disember 2006 jam 4.00 petang.

Pemohon-pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat dan garis pandu-garis pandu yang senaraikan seperti berikut:-

1. Pemohon hendaklah terdiri daripada Penduduk Bumiputera Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon hendaklah tinggal menetap dan bermastautin dalam Daerah Temburong.
3. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau berkhidmat sepenuh

4. masa den gan pihak swasta tidak dibenarkan memohon.
5. Koperasi Daerah Temburong yang berdaftar adalah dibenarkan memohon.
6. Pemohon hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan diakui sihat oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.
7. Pemohon mestilah mempunyai pengalaman di bidang perniagaan yang dipohonkan dan hendaklah menghadapkan Lesen-lesen/ dokumen-dokumen yang berkaitan dalam perniagaan semasa memohon.
8. Pemohon hendaklah berkeupayaan dalam mengurus dan menjalankan perniagaan, mematuhi peraturan dan syarat-syarat serta mampu membayar sewa pendahuluan dan sewa bulanan mengikut tempoh yang ditetapkan. Mereka yang gagal mematuhi syarat-syarat ini akan dibatalkan dengan serta-merta dan sewa-sewa yang masih terhutang mestilah dibayar.
9. Pemohon mestilah mengendalikan sendiri perniagaan yang dijalankan dan tidak dibenarkan untuk menyewakan kepada orang lain.
10. Pembantu-pembantu hendaklah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap. Pemohon-pemohon hendaklah menghadapkan senarai pembantu-pembantu untuk diluluskan kepada Pengerusi Jawatankuasa Meneliti dan Menimbang Ruang Kedai Kompleks Perniagaan Bumiputra Daerah Temburong.
11. Pemohon hendaklah patuh kepada Undang-undang dan Peraturan Negara Brunei Darussalam yang berkuat kuasa dari masa ke semasa.
12. Jawatankuasa Meneliti dan Menimbang Ruang Kedai Kompleks Perniagaan Bumiputra Daerah Temburong berhak menambah syarat-syarat yang telah disediakan.
13. Pemohon yang gagal mematuhi syarat-syarat di atas akan ditarik balik kebenaran yang diberikan kepadanya. Keputusan Jawatankuasa Meneliti dan Menimbang Ruang Kedai Kompleks Perniagaan Bumiputra Daerah Temburong mengenai permohonan adalah muktamad.

perusahaan yang tidak berjaya.

5. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup rapat dengan menulis nama dan bilangan tawaran dengan jelas (tanpa menunjukkan identiti penawar) dan dialamatkan kepada:-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Hal Ehwat Dalam Negeri
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat
Bandar Seri Begawan BS8610
Negara Brunei Darussalam**

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran dialamat yang tersesedut di atas tidak lewat pada hari Selasa, 19 Disember 2006, jam 2:00 Petang. Tawaran yang lewat diterima pada masa dan tarikh yang disebutkan di atas tidak akan diterima.

6. Tawaran hendaklah disertakan dengan dua (02) salinan bersama-sama dengan borang pengakuan, salinan pendaftaran perniagaan (Business Registration) dan juga (katalog) yang berkaitan dengan tawaran.

7. Bagi syarikat atau perusahaan yang berjaya, Lesen rampaian hendaklah didapatkan dari Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima syarikat atau perusahaan yang menawarkan harga terendah.

ATAS TEMBOK JALAN RAYA LALUAN DI BANGUNAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, SIMPANG 336-17, JALAN KEBANGSAAN.

Syarat-syarat tawaran:

1. TAWARAN dibukakan kepada pemborong-pemborong yang mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan yang sah dalam kategori kerja 1 dan 2 dan berdaftar dalam kelas II ke atas.
2. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi ('sealed') dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dengan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BA1210, Negara Brunei Darussalam dan dihantar ke alamat di para tiga menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.



**JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
BILANGAN TAWARAN: MOE/ICT/MME/2006**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi:
**MOE/ICT/MME/2006
"SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF MULTI-MEDIA PRESENTATION NETWORK FOR MINISTRY OF EDUCATION, BRUNEI DARUSSALAM"**
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh diperolehi dari:
**Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil (A)
Bahagian Perkhidmatan Kewangan
Blok A, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan,
Bandar Seri Begawan BB3510
Negara Brunei Darussalam**
3. Bayaran harga dokumen tawaran berjumlah \$100.00 (Tidak dikembalikan) dibuat di:
**Unit Tunai dan Pembayaran,
Bahagian Perkhidmatan Kewangan (B)
Blok B, Tingkat 1,
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Bandar Seri Begawan BB3510
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam**
4. Tarikh akhir mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada hari Isnin 18 Disember, 2006, jam 3.00 petang.
5. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat berasingan yang bertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:
**"MOE/ICT/MME/2006
"SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF MULTI-MEDIA PRESENTATION NETWORK FOR MINISTRY OF EDUCATION, BRUNEI DARUSSALAM"**
tanpa menunjukkan nama syarikat dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Selasa, 19hb Disember 2006, jam 2.00 petang.
6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
7. Sebarang pertanyaan mengenai Tawaran sila hubungi Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kementerian Pendidikan, nombor telefon 2380793 dan fax 2380782.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

3. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil yang disediakan di Tingkat 1 (Depan kaunter sekuriti), Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa, 19 Disember 2006.
4. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari Sabtu, 16 Disember 2006, jam 11.00 pagi.
5. Yuran Tawaran adalah \$50.00 bagi setiap tawaran dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah ('bona-fide tender').
